

**PEMBINAAN AYAT BAHASA JERMAN DALAM KALANGAN
PELAJAR-PELAJAR MELAYU DI UiTM SHAH ALAM**

HASLINA BINTI DAUD

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **Haslina binti Daud**

No. Pendaftaran/Matrik: **TGA090035**

Nama Ijazah: **Sarjana Bahasa Moden**

Tajuk Disertasi (“Hasil Kerja ini”):

Pembinaan Ayat Bahasa Jerman Dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Melayu di UiTM Shah Alam.

Bidang Penyelidikan: Pemerolehan Bahasa

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabunya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama: Dr. Roshidah Binti Hassan

Jawatan: Penyelia

ABSTRAK

Kajian ini merupakan suatu analisis dalam pembinaan ayat bahasa Jerman (BJ) dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu di UiTM Shah Alam. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti corak susunan ayat-ayat BJ oleh pelajar-pelajar Melayu dan mengenal pasti struktur ayat manakah dalam BJ yang banyak menimbulkan masalah kepada pelajar. Responden kajian terdiri daripada 30 pelajar BJ di tahap III (tahap akhir) daripada dua fakulti iaitu Fakulti Senilukis dan Senireka (FSSR) dan Fakulti Kejuruteraan Kimia (FKK). 15 responden adalah daripada FSSR dan selebihnya 15 responden lagi adalah dari FKK. Pelajar perempuan adalah seramai 13 orang dan pelajar lelaki pula adalah seramai 17 orang. Sebanyak 20 ayat yang terdiri daripada tiga bahagian kertas ujian bertulis dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu pengiraan peratusan. Seterusnya, data-data kajian yang telah dianalisis diperlihatkan dalam bentuk jadual dan rajah. Dapatan kajian menunjukkan terdapatnya pengaruh B1 (BM) dan juga B2 (BI) dalam membentuk ayat-ayat BJ. Namun, kesalahan dalam penghasilan ayat BJ yang dilakukan lebih banyak menunjukkan wujudnya pengaruh BI. Analisis kajian ini menggunakan teori Cumulative Enhancement Model (CEM) oleh Flynn, Foley dan Vinnitskaya (2004) dan kajian Marie-Claude Tremblay (2006). Dapatan ini adalah signifikan dengan teori Flynn et al iaitu B1 atau bahasa ibunda (BM) tidak memainkan peranan istimewa dan mempengaruhi pembelajaran B2, B3 dan seterusnya. Dapatan kajian juga adalah bersamaan dengan dapatan kajian oleh Tremblay yang mendapati bahawa BI yang lebih mempengaruhi pelajar ketika belajar BJ berbanding BM disebabkan persamaan yang wujud antara kedua-dua BI dan BJ terutama dari segi persamaan tipologi. Dalam bab akhir, kekangan yang dihadapi pelajar ketika belajar B3 dan juga kesukaran yang dihadapi oleh pensyarah B3 ketika sesi pembelajaran di UiTM Shah Alam telah disenaraikan.

ABSTRACT

This research is an analysis on sentence structure of German language among Malay students in UiTM Shah Alam. The objectives of this research are to identify patterns of German language sentence structure produced by the Malay students and also to identify which German sentence structures posed problems to the students. The respondents were 30 advanced level (Level III) German students language from two faculties which are the Faculty of Art and Design (FSSR) and Faculty of Chemical Engineering (FKK). 15 respondents are from FSSR dan the rest of 15 respondents are from FKK. 13 students are female and another 17 students are male. The written test contains of 20 sentences which are divided into three parts of question have been analyzed using descriptive statistics where the percentage of the mistakes have been calculated. Then, the data of the study that have been analyzed are shown in the form of tables and graphs. Research findings show that both L1 (BM) and L2 (BI) had influenced students when they are constructing L3 (BJ) sentences structure. However, errors made in constructing German language sentences show a lot of influences from English language. This study employs the theory of Cumulative Enhancement Model (CEM) by Flynn, Foley and Vinnitskaya (2004) and research by Tremblay (2006). The findings are significant with the theory where the L1 or mother tongue (Malay language) did not play special role and influence the learning of second, third language or so on. Findings are also similar with finding on research from Tremblay that English language are more influenced when the students learn German language compared to Malay language because of similarity exist between the two languages English and German, especially in tipology similarity. In the final chapter, a few constraints faced by the students in learning German language as the L3 and the difficulties faced by the teachers of L3 in UiTM Shah Alam are listed.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya saya akhirnya berjaya menyiapkan disertasi ini bagi memenuhi sebahagian daripada syarat pengijazahan Sarjana Pengajian Bahasa Moden di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Dr. Roshidah Hassan yang telah memberi tunjuk ajar dengan sabarnya, nasihat dan bimbingan sehingga disertasi penyelidikan ini berjaya disempurnakan. Terima kasih juga diucapkan kepada sahabat karib saya Yusnul'ain Yunus yang telah membantu sedikit sebanyak memberi idea, pendapat dan mengedit disertasi ini. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada sahabat saya Dr. Cassandra Goh dan Tengku Azeezeen, kedua-duanya pensyarah bahasa Mandarin di UiTM Shah Alam yang turut membantu memberi idea, pendapat dan sokongan moral tanpa jemu dalam proses disertasi ini berjalan. Semoga Allah S.W.T membala jasa-jasa anda semua.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih dan penghargaan yang teristimewa sekali saya tujukan buat suami tercinta, Mohamad Radzuan Nazri yang sentiasa sabar dan memberi sokongan tanpa jemu supaya terus kuat untuk menghadapi hari-hari yang sukar dalam usaha menyiapkan disertasi ini. Buat teman-teman seperjuangan yang lain yang turut sama memberi dorongan dan sokongan samada kecil atau besar sepanjang perjalanan untuk menyempurnakan disertasi ini, terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada semua.

HASLINA DAUD

*Universiti Malaya
Jun 2016*

JADUAL KANDUNGAN

| | |
|--|------|
| ABSTRAK | ii |
| ABSTRACT | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| JADUAL KANDUNGAN | v |
| SENARAI GAMBAR RAJAH | viii |
| SENARAI JADUAL | ix |
| SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN | xi |
| SENARAI LAMPIRAN | xiii |
| BAB 1: PENGENALAN | 1 |
| 1.1 Pendahuluan – Definisi bahasa | 1 |
| 1.2 Peranan dan Perkembangan bahasa Melayu (BM) di Malaysia | 4 |
| 1.3 Perkembangan Bahasa Kedua (B2) di Malaysia | 6 |
| 1.4 Perkembangan Bahasa Ketiga (B3) / Bahasa Asing (BA) di Malaysia | 8 |
| 1.5 Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Jerman (BJ) di Malaysia | 8 |
| 1.6 Pembelajaran BJ sebagai Bahasa Ketiga (B3) di UiTM | 16 |
| 1.7 Pernyataan Masalah | 18 |
| 1.8 Objektif Kajian | 19 |
| 1.9 Persoalan Kajian | 19 |
| 1.10 Batasan Kajian | 19 |
| 1.11 Kepentingan Kajian | 20 |
| BAB 2: KAJIAN LITERATUR | 22 |
| 2.1 Pendahuluan | 22 |
| 2.2 Kajian Lepas pemerolehan Bahasa Pertama (B1) | 22 |
| 2.3 Pemerolehan Bahasa Kedua (B2) | 23 |
| 2.4 Pemerolehan Bahasa Ketiga (B3) | 25 |
| 2.5 Kajian lepas yang berkaitan dengan pemerolehan dan pengajaran BJ di Malaysia ... | 27 |
| 2.5.1 Jurang Penyelidikan (Research gap) Kajian-Kajian Lepas | 32 |
| 2.6 Pengaruh Silang Linguistik: <i>Lexical inventions</i> dan <i>language shifts</i> | 34 |
| 2.7 Cumulative Enhancement Model (CEM) | 38 |
| 2.7.1 (B3) Bahasa Inggeris penutur dewasa | 44 |
| 2.7.2 (B3) Bahasa Inggeris kanak-kanak | 44 |

| | | |
|-------|---|-----|
| 2.8 | Struktur Ayat Bahasa Melayu (BM) | 45 |
| 2.8.1 | Subjek – Predikat | 46 |
| 2.8.2 | Pelaku – Perbuatan – (Objek) – (Adverba) | 47 |
| 2.8.3 | Jenis-Jenis Struktur Ayat BM | 48 |
| 2.8.4 | Jenis-jenis ayat BM | 52 |
| 2.9 | Struktur Ayat BJ | 56 |
| 2.9.1 | Struktur Ayat Penyata dan Ayat Tanya BJ..... | 56 |
| 2.9.2 | Perbandingan susunan ayat asas BJ, BI dan BM | 57 |
| | BAB 3: METODOLOGI KAJIAN | 61 |
| 3.1 | Pendahuluan..... | 61 |
| 3.2 | Kerangka Teoretikal | 61 |
| 3.3 | Sampel Kajian..... | 62 |
| 3.4 | Instrumen Kajian | 65 |
| 3.4.1 | Borang Soal Selidik..... | 65 |
| 3.4.2 | Ujian Bertulis | 66 |
| 3.5 | Prosedur Pengumpulan Data Kajian..... | 70 |
| 3.5.1 | Borang Soal Selidik..... | 70 |
| 3.5.2 | Ujian Bertulis | 71 |
| 3.6 | Persembahan Data Kajian..... | 71 |
| 3.6.1 | Pengelasan Data atau Jawapan Pelajar..... | 71 |
| 3.6.3 | Ayat yang bagaimana dikira salah | 72 |
| 3.6.4 | Bagaimakah ditentukan bahasa yang mempengaruhi susunan ayat BJ yang dihasilkan..... | 73 |
| 3.7 | Kesimpulan | 74 |
| | BAB 4: PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN | 75 |
| 4.1 | Pendahuluan..... | 75 |
| 4.2 | Keputusan Ujian | 75 |
| 4.2.1 | Keputusan markah dan peratusan yang diperolehi..... | 75 |
| 4.2.2 | Keputusan ujian keseluruhan | 76 |
| 4.2.3 | Keputusan ujian keseluruhan mengikut bahagian..... | 77 |
| 4.3 | Perbincangan | 107 |
| 4.3.1 | Perbincangan Persoalan Kajian 1 | 107 |
| 4.3.2 | Perbincangan Persoalan Kajian 2 | 108 |

| | | |
|-------|--|-----|
| 4.3.3 | Perbincangan Persoalan Kajian 3 | 120 |
| 4.4 | Dapatan | 126 |
| | BAB 5: KESIMPULAN..... | 128 |
| 5.1 | Kekangan yang dihadapi pelajar dan pensyarah B3 di UiTM Shah Alam..... | 129 |
| 5.2 | Cadangan untuk Mempertingkatkan Pengajaran dan Pembelajaran BJ di Malaysia | 130 |
| 5.3 | Kesimpulan..... | 132 |
| | RUJUKAN | 133 |
| | LAMPIRAN | 138 |

SENARAI GAMBAR RAJAH

| | |
|--|----|
| Graf 4.1: Keputusan markah keseluruhan | 77 |
| Graf 4.2: Bilangan pelajar yang menyusun ayat dengan Betul dan Salah Bahagian Satu ... | 78 |
| Graf 4.3: Bilangan pelajar yang menyusun ayat dengan Betul dan Salah Bahagian Dua.... | 91 |
| Graf 4.4: Bilangan pelajar yang menyusun ayat Betul dan Salah Bahagian Tiga | 98 |

SENARAI JADUAL

| | |
|--|-----|
| Jadual 1.1: Senarai kerjasama antara universiti di Malaysia dan Jerman | 12 |
| Jadual 1.2: Topik-topik yang dipelajari oleh para pelajar BJ Tahap I | 17 |
| Jadual 1.3: Topik-topik yang dipelajari oleh para pelajar BJ Tahap II | 18 |
| Jadual 1.4: Topik-topik yang dipelajari oleh para pelajar BJ Tahap III..... | 18 |
| Jadual 2.1: Penghasilan semula rumusan kajian pemerolehan B1 kanak-kanak dari Flynn dan Lust (1981) dipetik dari (Flynn, Foley & Vinnitskaya, 2004 hlm. 6) | 41 |
| Jadual 2.2: Penghasilan semula rumusan kajian pemerolehan B1 kanak-kanak dari Flynn dan Lust (1983, 1987) dipetik dari (Flynn, Foley & Vinnitskaya, 2004 hlm. 9). | 43 |
| Jadual 2.3: Penghasilan semula skema tatatingkat unit-unit nahu dari Asmah Haji. Omar (2008, hlm. 5) | 46 |
| Jadual 3.1: Maklumat latar belakang responden. | 63 |
| Jadual 3.2: Senarai Jenis Penilaian (100%) dan pecahan peratusannya..... | 66 |
| Jadual 3.3: Soalan Ujian Bertulis Bahagian Satu | 68 |
| Jadual 3.4: Soalan Ujian Bertulis Bahagian Dua | 68 |
| Jadual 3.5: Soalan Ujian Bertulis Bahagian Tiga..... | 69 |
| Jadual 4.1: Keputusan markah dan peratusan FSSR dan FKK | 76 |
| Jadual 4.2: Susunan ayat yang betul soalan 1 Bahagian Satu | 79 |
| Jadual 4.3: Susunan ayat yang salah soalan 1 Bahagian Satu | 80 |
| Jadual 4.4: Susunan ayat yang betul soalan 2 Bahagian Satu | 80 |
| Jadual 4.5: Susunan ayat yang salah soalan 2 Bahagian Satu | 81 |
| Jadual 4.6: Susunan ayat yang betul soalan 3 Bahagian Satu | 82 |
| Jadual 4.7: Susunan ayat yang salah soalan 3 Bahagian Satu | 82 |
| Jadual 4.8: Susunan ayat yang betul soalan 4 Bahagian Satu | 83 |
| Jadual 4.9: Susunan ayat yang salah soalan 4 Bahagian Satu..... | 84 |
| Jadual 4.10: Susunan ayat yang betul soalan 5 Bahagian Satu | 85 |
| Jadual 4.11: Susunan ayat yang salah soalan 5 Bahagian Satu | 86 |
| Jadual 4.12: Susunan ayat yang betul soalan 6 Bahagian Satu | 87 |
| Jadual 4.13: Susunan ayat yang salah soalan 6 Bahagian Satu | 87 |
| Jadual 4.14: Susunan ayat yang betul soalan 7 Bahagian Satu | 88 |
| Jadual 4.15: Susunan ayat yang salah soalan 7 Bahagian Satu | 89 |
| Jadual 4.16: Susunan ayat yang betul soalan 1 Bahagian Dua..... | 91 |
| Jadual 4.17: Susunan ayat yang salah soalan 1 Bahagian Dua | 92 |
| Jadual 4.18: Susunan ayat yang betul soalan 2 Bahagian Dua..... | 92 |
| Jadual 4.19: Susunan ayat yang salah soalan 2 Bahagian Dua | 93 |
| Jadual 4.20: Susunan ayat yang betul soalan 3 Bahagian Dua..... | 93 |
| Jadual 4.21: Susunan ayat yang salah soalan 3 Bahagian Dua | 94 |
| Jadual 4.22: Susunan ayat yang betul soalan 4 Bahagian Dua..... | 94 |
| Jadual 4.23: Susunan ayat yang salah soalan 4 Bahagian Dua | 95 |
| Jadual 4.24: Susunan ayat yang betul soalan 5 Bahagian Dua..... | 95 |
| Jadual 4.25: Susunan ayat yang salah soalan 5 Bahagian Dua | 96 |
| Jadual 4.26: Susunan ayat yang betul soalan 6 Bahagian Dua..... | 96 |
| Jadual 4.27: Susunan ayat yang salah soalan 6 Bahagian Dua | 97 |
| Jadual 4.28: Susunan ayat yang betul soalan 1 Bahagian Tiga..... | 99 |
| Jadual 4.29: Susunan ayat yang salah soalan 1 Bahagian Tiga..... | 99 |
| Jadual 4.30: Susunan ayat yang betul soalan 2 Bahagian Tiga..... | 100 |
| Jadual 4.31: Susunan ayat yang salah soalan 2 Bahagian Tiga..... | 100 |
| Jadual 4.32: Susunan ayat yang betul soalan 3 Bahagian Tiga..... | 101 |

| | |
|---|-----|
| Jadual 4.33: Susunan ayat yang salah soalan 3 Bahagian Tiga..... | 101 |
| Jadual 4.34: Susunan ayat yang betul soalan 4 Bahagian Tiga..... | 102 |
| Jadual 4.35: Susunan ayat yang salah soalan 4 Bahagian Tiga..... | 102 |
| Jadual 4.36: Susunan ayat yang betul soalan 5 Bahagian Tiga..... | 103 |
| Jadual 4.37: Susunan ayat yang salah soalan 5 Bahagian Tiga..... | 104 |
| Jadual 4.38: Susunan ayat yang betul soalan 6 Bahagian Tiga..... | 104 |
| Jadual 4.39: Susunan ayat yang salah soalan 6 Bahagian Tiga..... | 105 |
| Jadual 4.40: Susunan ayat yang betul soalan 7 Bahagian Tiga..... | 106 |
| Jadual 4.41: Susunan ayat salah soalan 7 Bahagian Tiga | 106 |
| Jadual 4.42: Bilangan responden yang salah soalan 1 Bahagian Satu | 108 |
| Jadual 4.43: Bilangan responden yang salah soalan 2 Bahagian Satu | 109 |
| Jadual 4.44: Bilangan responden yang salah soalan 3 Bahagian Satu | 109 |
| Jadual 4.45: Bilangan responden yang salah soalan 4 Bahagian Satu | 110 |
| Jadual 4.46: Bilangan responden yang salah soalan 5 Bahagian Satu | 111 |
| Jadual 4.47: Bilangan responden yang salah soalan 6 Bahagian Satu | 111 |
| Jadual 4.48: Bilangan responden yang salah soalan 7 Bahagian Satu | 112 |
| Jadual 4.49: Bilangan responden yang salah soalan 1 Bahagian Dua..... | 113 |
| Jadual 4.50: Bilangan responden yang salah soalan 2 Bahagian Dua..... | 113 |
| Jadual 4.51: Bilangan responden yang salah soalan 3 Bahagian Dua..... | 114 |
| Jadual 4.52: Bilangan responden yang salah soalan 4 Bahagian Dua..... | 114 |
| Jadual 4.53: Bilangan responden yang salah soalan 5 Bahagian Dua..... | 115 |
| Jadual 4.54: Bilangan responden yang salah soalan 6 Bahagian Dua..... | 115 |
| Jadual 4.55: Bilangan responden yang salah soalan 1 Bahagian Tiga | 116 |
| Jadual 4.56: Bilangan responden yang salah soalan 2 Bahagian Tiga | 117 |
| Jadual 4.57: Bilangan responden yang salah soalan 3 Bahagian Tiga | 117 |
| Jadual 4.58: Bilangan responden yang salah soalan 4 Bahagian Tiga | 118 |
| Jadual 4.59: Bilangan responden yang salah soalan 5 Bahagian Tiga | 119 |
| Jadual 4.60: Bilangan responden yang salah soalan 6 Bahagian Tiga | 119 |
| Jadual 4.61: Bilangan responden yang salah soalan 7 Bahagian Tiga | 120 |

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

| | | |
|--------|---|------------------------------------|
| BM | - | Bahasa Melayu |
| BI | - | Bahasa Inggeris |
| BJ | - | Bahasa Jerman |
| BP | - | Bahasa Perancis |
| B1 | - | Bahasa pertama |
| B2 | - | Bahasa kedua |
| B3 | - | Bahasa ketiga |
| GMI | - | German Malaysia Institute |
| INTEC | - | Kolej Pendidikan Antabangsa |
| UM | - | Universiti Malaya |
| UPM | - | Universiti Putra Malaysia |
| UKM | - | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| UUM | - | Universiti Utara Malaysia |
| USM | - | Universiti Sains Malaysia |
| UMP | - | Universiti Malaysia Pahang |
| UTEM | - | Universiti Teknikal Melaka |
| UIA | - | Universiti Islam Antarabangsa |
| UMS | - | Universiti Malaysia Sabah |
| UNIMAS | - | Universiti Malaysia Sarawak |
| UPSI | - | Universiti Perguruan Sultan Idris |
| ALG | - | A-Level German |
| UNITEN | - | Universiti Tenaga Malaysia |
| UiTM | - | Universiti institut Teknologi Mara |
| UMP | - | Universiti Malaysia Pahang |
| JBAE | - | Jabatan Bahasa Asia Eropah |
| APB | - | Akademik Pengajian Bahasa |
| CLI | - | Cross-Linguistic Influence |
| CEM | - | Cumulative Enhancement Model |
| TG | - | Transformasi Generatif |
| P&P | - | Pengajaran dan Pembelajaran |
| FN | - | Frasa Nama |

| | | |
|-------------|---|---------------------------------|
| FK | - | Frasa Kerja |
| KK | - | Kata Kerja |
| Kbt | - | Kata bantu |
| Sub | - | Subjek |
| P | - | Predikat |
| Peny 1 | - | Penyambut 2 |
| Peny 2 | - | Penyambut 2 |
| Sub sasaran | - | Subjek sasaran |
| Peny pelaku | - | Penyambut pelaku |
| EA | - | Error Analysis |
| FSSR | - | Fakulti Senilukis dan Senireka |
| FKK | - | Fakulti Kejuruteraan Kimia |
| SPM | - | Sijil Pelajaran Malaysia |
| STPM | - | Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia |
| S-V-O | - | Subject-Verb-Object |
| V-S-O | - | Verb-Subject-Object |
| Wh-S-V | - | Wh question-Subject-Verb |
| R | - | Responden |

SENARAI LAMPIRAN

| | |
|--|-----|
| LAMPIRAN A: BORANG SOAL SELIDIK | 138 |
| LAMPIRAN B: SOALAN UJIAN BERTULIS | 139 |
| LAMPIRAN C: SKEMA JAWAPAN DAN PEMARKAHAN | 140 |
| LAMPIRAN D: MUKA HADAPAN BUKU TEKS ‘STUDIO D’ | 141 |
| LAMPIRAN E: MUKA HADAPAN TOPIK 6 DALAM BUKU ‘STUDIO D’ | 142 |
| LAMPIRAN F: MUKA HADAPAN TOPIK 8 DALAM BUKU ‘STUDIO D’ | 143 |

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan – Definisi bahasa

Semua manusia memerlukan bahasa untuk berkomunikasi di antara satu sama lain. Sekalipun manusia yang bisu dan pekak tetap memerlukan bahasa untuk berhubung dengan menggunakan bahasa isyarat tangan. Bahasa merupakan suatu elemen yang penting dalam kehidupan. Manusia menggunakan bahasa sebagai alat untuk berkomunikasi, sama ada secara lisan atau bertulis.

Abdullah Hassan (2005, hlm. 3) menjelaskan tentang kepentingan bahasa dalam pertuturan dengan mengatakan bahawa bahasa yang digunakan dalam pertuturan merupakan satu alat perhubungan yang penting antara manusia dengan manusia (kadang-kadang dengan binatang). Alat perhubungan ini amat kompleks tetapi teratur dengan menggunakan kod-kod tertentu.

Seterusnya, Abdullah Hassan (2005, hlm 3) turut mengatakan bahawa walaupun perhubungan melalui bahasa itu adalah yang paling sempurna tetapi ada banyak lagi cara lain untuk manusia berhubung antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, bahasa tidaklah boleh dianggap sebagai hanya satu alat perhubungan antara manusia. Malah ada banyak lagi cara lain untuk manusia berhubung antara satu sama lain, misalnya seperti gerak-geri, simbol atau kod telegraf, muzik dan lain-lain lagi. Tetapi perhubungan melalui perantaraan bahasa itu adalah semulajadi dan paling sempurna. Cara yang lain itu ialah dengan menggunakan beberapa unsur atau perantaraan yang berlainan seperti gambar, bunyi, panjang pendek sinaran cahaya lampu dan sebagainya. Tetapi bahasa menggunakan bunyi suara. Daripada bunyi suara itulah pula diterbitkan lambang-lambang yang berlainan yang boleh digambarkan di atas kertas seperti tulisan dan isyarat.

Manakala menurut Zulkifley Hamid (2007, hlm. 15), beliau mengatakan bahawa bahasa secara umumnya boleh wujud dalam dua bentuk iaitu dalam bentuk lisan dan tulisan. Di samping itu, terdapat juga bentuk-bentuk bahasa yang lain, tetapi tidaklah digunakan secara merata seperti bahasa lisan dan tulisan. Antara bentuk-bentuk bahasa yang lain ini termasuklah bahasa isyarat dan bahasa berkod.

Penulis turut menjelaskan lagi tentang dua tujuan bahasa digunakan oleh manusia iaitu untuk menyampaikan maklumat atau makna yang terbit daripada akal budi atau pemikiran mereka kepada khalayak, sama ada khalayak pendengar atau pembaca, dan juga untuk membolehkan mereka menerima maklumat daripada persekitaran, sama ada dalam bentuk rangsangan lisan atau tulisan.

Menurut Zulkifley Hamid lagi (2007, hlm. 16), bahasa turut dianggap sebagai aset manusia yang paling berharga dalam mengekalkan kemanusiaan itu sendiri. Melalui bahasalah, segala bentuk peradaban dan ilmu pengetahuan disampaikan daripada satu generasi ke generasi sejak zaman berzaman. Pada zaman di mana bentuk-bentuk bahasa bertulis belum dikuasai oleh masyarakat di nusantara, segala bentuk pengetahuan, etika, perundangan, pemikiran atau kebijaksanaan, petua dan sebagainya disampaikan secara lisan daripada satu generasi ke satu generasi. Pemindahan pelbagai konsep kebudayaan dan peradaban ini dilakukan menerusi pembentukan dan penggunaan pelbagai bentuk pepatah dan petitih, bidalan, simpulan bahasa dan sebagainya.

Zulkifley Hamid (2007, hlm. 17) turut menjelaskan lagi tentang bahasa di mana bahasa tidak sahaja terdiri daripada rumus-rumus formal, tetapi ia turut merangkumi pelbagai jenis pengetahuan lain yang merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia. Penulis turut menjelaskan tentang bahasa yang merupakan satu entiti yang terdiri daripada dua komponen pengetahuan, iaitu tatabahasa dan kecekapan berbahasa. Istilah tatabahasa merujuk peraturan-peraturan yang diguna pakai dalam menyusun pelbagai unsur dalam sesuatu bahasa agar bersesuaian dengan kaedah penyusunan secara sintagmatik atau secara mendatar. Kecekapan berbahasa pula merujuk kebolehan para pengguna bahasa untuk memilih dan menggunakan unsur-unsur yang terkandung dalam sesuatu bahasa secara wajar bersesuaian dengan keperihalan keadaan bagi memungkinkan pelbagai tujuan komunikasi mendapat kesan yang diharapkan. Kecekapan berbahasa juga merujuk kebolehan para pengguna bahasa menyusun pelbagai unsur bahasa secara betul menurut susunan paradigmatis atau susunan secara menegak.

Manakala Awang Sariyan (2009, hlm. 1), mengatakan bahawa bahasa memainkan peranan yang amat penting sejak manusia pertama lahir ke dunia ini iaitu Nabi Adam a.s. Sehingga kini bahasa menjadi salah satu entiti yang sangat penting dalam pelbagai bidang kehidupan manusia.

“Dalam sejarah awal kehidupan insan, iaitu sejak zaman Nabi Adam a.s. lagi, bahasa telah mula memainkan peranan penting untuk membina konsep diri dan untuk pengilmuan diri insan. Selanjutnya dalam pertumbuhan dan perkembangan tamadun manusia, bahasa menjadi salah satu unsur penting sebagai penyangga pandangan sarwa (worldview) masyarakat, sebagai pengungkap falsafah, ilmu dan pemikiran serta sebagai alat kreativiti insan dalam pelbagai bidang kehidupan.”
(Awang Sariyan, 2009 : hlm. 1).

1.2 Peranan dan Perkembangan bahasa Melayu (BM) di Malaysia

Abdullah Hassan (2007, hlm. 22) membincangkan tentang kedudukan bahasa Melayu di kalangan bahasa-bahasa dunia dan juga golongan-golongan utama bahasa-bahasa dunia. Menurut penulis, bahasa-bahasa dunia termasuk ke dalam empat belas golongan besar. Bahasa Melayu termasuk ke dalam kumpulan bahasa Austronesia yang terdiri daripada bahasa-bahasa seperti Maori, Fiji, Hawaii, Malagasi, Melayu dan lain-lain. Sementara bahasa Inggeris dan bahasa Jerman berada dalam kumpulan bahasa yang sama iaitu kumpulan bahasa Indo-Eropah yang terdiri daripada bahasa-bahasa seperti Inggeris, Jerman, Belanda, Gaelik, Slavia, Rusia, Itali, Yunani, Sanskrit, Hindi, Sinhalis dan lain-lain.

Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh dan Rahim Aman (2007, hlm. 20) menghuraikan tentang status dan fungsi BM yang pelbagai di Malaysia. Menurut penulis dan rakan-rakan, bagi orang Melayu, BM ialah bahasa pertama atau bahasa ibunda mereka. Bagi orang bukan Melayu di Malaysia, BM boleh berperanan sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Bahasa pertama di sini merujuk BM yang dikuasai oleh orang Melayu dalam situasi semula jadi, tanpa memerlukan proses pendidikan formal. BM sebagai bahasa kedua merujuk BM yang wajib dikuasai oleh rakyat Malaysia kerana ia merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan dan pentadbiran di Malaysia. BM sebagai bahasa asing pula merujuk BM yang dikuasai oleh individu tertentu secara sukarela untuk tujuan-tujuan tertentu. Biasanya, BM sebagai bahasa asing dikuasai oleh mereka yang bukan warganegara Malaysia, dan seringkali ia dikuasai untuk tujuan vokasional atau instrumental yang tertentu sahaja.

Hasrat untuk mengembalikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang penting telah bermula selepas Malaya diberi kemerdekaan pada tahun 1957 dan menurut Siti Rosnah Haji Ahmad (2002, hlm. 16), ‘di dalam Perlembagaan, bahasa Melayu telah diisytiharkan dengan

rasminya sebagai bahasa kebangsaan bagi negara baru ini. Bahasa Melayu telah dipilih sebagai bahasa kebangsaan kerana ia adalah bahasa asli di negara ini dan juga bahasa perantaraan yang utama di kalangan pelbagai bangsa.'

Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh dan Rahim Aman (2007, hlm. 20) turut menjelaskan tentang status BM sebagai Bahasa Kebangsaan yang telah dinyatakan secara jelas dalam perlembagaan negara iaitu Dalam FASAL (1) Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa, "Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang Parlimen". Kenyataan dalam FASAL (1) Perkara 152 secara jelas telah meletakkan BM dalam satu kedudukan yang tidak lagi boleh dipertikaikan kedudukannya oleh mana-mana pihak di Malaysia.

Namun, dalam tempoh sepuluh tahun iaitu sehingga 1967, Perlembagaan masih lagi membenarkan penggunaan bahasa Inggeris untuk tujuan rasmi di Malaysia. Menurut Siti Rosnah Haji Ahmad (2002, hlm. 16), keputusan untuk melengahkan pelaksanaan dasar untuk menjadikan BM sebagai bahasa rasmi tunggal disebabkan oleh pertimbangan-pertimbangan yang wajar. Di mana BM pada masa itu masih belum kuat dan mantap untuk menjadi bahasa rasmi disebabkan pelbagai faktor yang antaranya termasuk tidak memiliki perbendaharaan kata yang khusus dan rakyat terutamanya yang bukan Melayu masih belum bersedia untuk menerima perubahan tersebut. Menurut penulis lagi, kerajaan pada masa itu juga telah mengenal pasti bahawa sebahagian besar rakyat bukan Melayu tidak fasih dalam BM dan keadaan tersebut menyebabkan mereka menghadapi masalah bertutur dalam BM bagi tujuan-tujuan rasmi.

Seterusnya, masyarakat Malaysia diwarnai dengan kepelbagaiannya bangsa dan etnik serta suku kaum yang pelbagai. Selain tiga kumpulan utama kaum yang ada iaitu orang Melayu, Cina dan India, etnik dari Sabah dan Sarawak iaitu kaum Iban, Melanau, Kadazan, Murut, Bajau dan sebagainya, turut menyebabkan kerajaan memerlukan mekanisme penyatuan untuk mengikat atau menerbitkan rasa kekitaan di kalangan seluruh rakyat Malaysia. Di tambah pula selepas peristiwa 13 Mei 1969, menurut Siti Rosnah Haji Ahmad (2002, hlm. 17), kerajaan Malaysia membuat keputusan bahawa cara yang paling berkesan untuk menyatukan semua bangsa ini adalah menerusi pelaksanaan satu sistem pendidikan kebangsaan yang berasaskan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama.

Akhirnya, pada tahun 1967, BM diisytiharkan sebagai bahasa rasmi tunggal menerusi Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Akta ini kemudiannya telah dikaji semula pada tahun 1971 bagi memantapkan lagi tarafnya sebagai bahasa rasmi yang unggul. Kerajaan juga telah menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang telah diberi tanggungjawab untuk menaik taraf dan mengemaskini BM supaya ia dapat memainkan peranannya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi serta bahasa pengantar.

1.3 Perkembangan Bahasa Kedua (B2) di Malaysia

Bahasa kedua yang paling banyak dituturkan di Malaysia secara dasarnya ialah bahasa Inggeris (BI). Walau bagaimanapun, tidak semua bangsa di Malaysia bahasa keduanya ialah BI. Bangsa Melayu kebanyakannya menggunakan BI sebagai bahasa kedua. Bagi masyarakat Melayu, kita boleh bahagikan kepada masyarakat Melayu di bandar dan luar bandar. Masyarakat Melayu di bandar banyak menggunakan BI dalam pertuturan dan penulisan kerana mereka perlu berinteraksi dengan masyarakat bukan Melayu yang kebanyakannya tinggal di bandar dan juga orang asing yang datang ke Malaysia. Selain itu, mereka juga perlu

menggunakan BI dalam urusan pekerjaan, perniagaan dan ekonomi dengan orang ramai. Sementara masyarakat Melayu di luar bandar kurang menggunakan BI dan penggunaan BI yang minimum hanya pada urusan-urusan tertentu sahaja.

Berlainan pula dengan bangsa Cina dan India, bahasa kedua mereka sukar untuk ditentukan dengan jelas. Boleh jadi bahasa kedua mereka adalah BI, bahasa Malaysia ataupun mungkin bahasa-bahasa lain. Walau bagaimanapun, secara dasarnya, bahasa pertama mereka adalah bahasa ibunda seperti Mandarin, Kantonis atau Hokkien bagi bangsa Cina dan bahasa Tamil, Urdu, Malayalam, Hindi bagi bangsa India. Walau bagaimanapun, kedudukan bahasa-bahasa tersebut boleh berubah seiring dengan peredaran zaman yang serba moden ini dan pergaulan dengan masyarakat sekeliling serta peningkatan gaya hidup terutama oleh golongan terpelajar yang kebanyakannya tidak menggunakan bahasa ibunda masing-masing ketika berinteraksi dengan golongan masyarakat di persekitaran mereka. Namun, terdapat juga segelintir bangsa Melayu, Cina dan India yang tidak boleh bertutur dalam bahasa ibunda masing-masing. Dalam masyarakat Malaysia yang majmuk dan dengan kepelbagai etnik dan suku kaum, kedudukan dan keutamaan bahasa masing-masing agak sukar untuk diperjelaskan.

Secara asasnya, kita melihat BI sebagai bahasa kedua di Malaysia kerana bahasa itu setakat ini menjadi bahasa kedua yang banyak dipertuturkan dan digunakan oleh masyarakat Malaysia secara meluas selepas bahasa Malaysia. BI bukan setakat bahasa pertuturan di seluruh dunia. BI juga digunakan secara meluas dan meliputi bidang-bidang ilmu, politik, ekonomi dan perdagangan, pendidikan, perhubungan, pelancongan dan sebagainya. Kebanyakan negara di dunia menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan.

1.4 Perkembangan Bahasa Ketiga (B3) / Bahasa Asing (BA) di Malaysia

Penguasaan bahasa asing mempunyai banyak kelebihan. Mereka yang dapat berkomunikasi dalam bahasa asing lebih banyak mendapat peluang, terutama dalam peningkatan kerjaya di dalam dan luar negara. Pengetahuan dalam bahasa asing dewasa ini, telah menjadi semakin penting dalam era dunia globalisasi yang semakin mencabar.

Kerajaan Malaysia turut mengakui kepentingan menguasai bahasa asing, penguasaan bahasa asing ini membolehkan rakyat menjadi lebih kompetitif dan berkemampuan untuk bersaing dengan masyarakat global dalam pelbagai bidang yang mereka ceburi. Menurut Ainol Mardziah Zubairi dan Isarji Hj Sarudin (2009, hlm. 75), keadaan pasaran ekonomi Malaysia dewasa ini memerlukan siswazah yang mempunyai kemahiran dan juga kecekapan dalam B3.

“As a multi-racial country in an interdependent world, Malaysia is also affected by the global economic crisis. Employment situation in Malaysia necessitates the need for graduates to acquire employable skills including proficiency in a third language. (Ainol Mardziah Zubairi & Isarji Hj. Sarudin, 2009, pg. 75)

“Sebagai negara berbilang bangsa, Malaysia juga turut merasa kesan oleh krisis ekonomi global. Situasi pekerjaan di Malaysia memerlukan siswazah memperoleh kemahiran pekerjaan termasuk kecekapan dalam bahasa ketiga.” (Ainol Mardziah Zubairi & Isarji Hj. Sarudin, 2009, hlm. 75)

1.5 Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Jerman (BJ) di Malaysia

Peluang untuk mempelajari BJ di Malaysia semakin berkembang luas. Kebelakangan ini semakin banyak IPTA dan IPTS yang menawarkan peluang belajar BJ kepada pelajar. Selain IPTA dan IPTS yang menawarkan kursus BJ sebagai bahasa major dan bahasa elektif, Goethe-Institut yang terletak di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur juga turut menawarkan peluang mempelajari BJ kepada orang awam yang berminat.

Selke (2013, hlm. 70) mengatakan bahawa di Malaysia, BJ diajar kepada empat kumpulan sasaran iaitu yang pertama kepada murid-murid dengan latar belakang sebagai penutur asal, yang kedua kepada murid-murid tempatan yang mahu menyambung pengajian dalam pendidikan tinggi di negara Jerman, yang ketiga ialah kepada pelajar-pelajar yang berdaftar dalam program Ijazah Sastera (BA) dan yang terakhir ialah kepada pasangan Malaysia yang belajar BJ untuk tujuan perjumpaan keluarga.

Pada tahun 2012, lebih kurang 10,000 murid dan pelajar diajar BJ di Malaysia dengan bilangan guru, tenaga pengajar, pensyarah dan pensyarah senior dalam lingkungan bawah 100 orang. Kebanyakan program-program bahasa menawarkan kursus BJ di tahap asas iaitu tahap A1 dan A2 sekiranya ada permintaan. Pengajaran BJ adalah berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)*. Selke mengatakan lagi bahawa lebih kurang 300 murid belajar BJ di peringkat sekolah rendah di Malaysia iaitu di Sekolah Rendah Antarabangsa St. Christopher's di Pulau Pinang. Sekolah ini merupakan satu-satunya sekolah rendah di luar Kuala Lumpur yang menyediakan kelas tambahan dalam BJ. Kebanyakan muridnya adalah bukan warganegara Malaysia, tetapi terdapat juga kelas untuk penutur asal dan warganegara Jerman disediakan. Di peringkat sekolah menengah pula, terdapat lebih daripada 20 buah sekolah menengah yang menawarkan pembelajaran BJ, kebanyakannya diajar di tahap A1 dan juga di tahap A2 sekiranya ada permintaan untuk mempelajari BJ di tahap tersebut. Kumpulan pertama yang mengajar BJ di sekolah bermula pada tahun 1995. Peringkat yang kedua, iaitu kumpulan yang lebih besar, bermula pada tahun 2005. Dalam tempoh lima tahun seterusnya, jumlah guru Malaysia yang mengajar BJ dijangkakan akan mencecah 40 orang.

Seterusnya, menurut Schmidt (1991, hlm. 5), terdapat sebuah pusat kebudayaan khusus yang ditaja oleh kerajaan Jerman untuk mereka yang berminat mempelajari bahasa Jerman yang dikenali sebagai Goethe Institut. Menurut maklumat tentang Goethe-Institut di dalam laman sesawangnya, terdapat sebanyak 160 Goethe-Institut di 94 negara di seluruh dunia yang menyediakan maklumat tentang kebudayaan, bahasa dan pelbagai aspek-aspek umum berkenaan negara Jerman. Goethe-Institut juga mempunyai pejabat-pejabat perhubungan di kebanyakan negara-negara dengan tujuan untuk mengadakan kerjasama dalam bidang kebudayaan dengan masyarakat tempatan, selain turut menyediakan kemudahan perpustakaan dan pusat-pusat pembelajaran bahasa. Ibu pejabat Goethe Institut di German terletak di Munich. Cawangan Goethe Institut di Malaysia pula terletak di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Selain Goethe-Institut yang menawarkan peluang mempelajari bahasa dan kebudayaan Jerman, terdapat juga IPTA dan PTS yang menawarkan kursus bahasa Jerman kepada pelajar-pelajar sebagai kursus bahasa major dan elektif. IPTA yang menawarkan kursus BJ sebagai B3 antaranya adalah UM (Universiti Malaya), UPM (Universiti Putra Malaysia), UUM (Universiti Utara Malaysia), USM (Universiti Sains Malaysia), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Teknikal Melaka (UTEM). Manakala Kolej Pendidikan Antarabangsa (INTEC) dan German-Malaysian Institute (GMI) merupakan dua PTS yang banyak menawarkan kursus dalam BJ di peringkat A-Level, diploma dan Ijazah. Selain itu, terdapat sebuah lagi PTS yang turut menawarkan kursus elektif BJ kepada pelajar iaitu Universiti Nottingham yang mempunyai cawangan di Malaysia iaitu di Semenyih.

Setakat ini, hanya terdapat dua universiti di Malaysia iaitu Universiti Malaya (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menawarkan ijazah dalam bahasa asing dan

pengkhususan bahasa Jerman. Di Universiti Malaya, program ijazah dalam bahasa Jerman dikenali sebagai Ijazah dalam Bahasa dan Linguistik, pengkhususan dalam bahasa Jerman. Manakala di UPM, program bahasa Jerman dikenali sebagai Bachelor Sastera (Bahasa Asing), Major Bahasa Jerman.

INTEC yang terletak di Seksyen 17, Shah Alam adalah sebuah kolej yang menawarkan kursus peringkat A-Level kepada para pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke luar negara. Bagi pelajar-pelajar yang memilih untuk melanjutkan pelajaran ke Jerman, mereka dikehendaki mengambil kursus A-Level German (ALG) di INTEC. ALG adalah pra-universiti program yang telah bertapak di INTEC selama lebih 15 tahun dan ALG merupakan program bagi pelajar-pelajar INTEC dalam membuat persiapan untuk menyambung pengajian dalam bidang kejuruteraan di universiti-universiti Sains Gunaan di negara Jerman. Pelajar-pelajar perlu menjalani tempoh kursus selama 22 bulan sebelum membolehkan mereka menduduki peperiksaan ‘Edexcel Advanced Level Examination’. Kursus juga akan melengkapkan mereka dengan keperluan dalam BJ dan kemahiran antara budaya untuk membolehkan mereka berjaya dengan cemerlang dalam melengkapkan pengajian mereka di Jerman.

Sementara German-Malaysian Institute (GMI) pula menawarkan program-program diploma, Pra-Universiti (A-Level) dan kursus jangka pendek. Bagi program diploma, GMI menawarkan program diploma dalam Multimedia Kreatif dan diploma dalam Teknologi Pengeluaran. Sementara bagi program Pra-Universiti (A-Level) di GMI, sama seperti pelajar yang belajar A-Level di INTEC, pelajar perlu menjalani program persiapan di GMI selama 22 bulan dan juga program intensif bahasa Jerman selama 6 bulan di pelbagai pusat-pusat bahasa di German sebelum mereka mendaftar untuk memasuki Universiti Sains Gunaan

(University of Applied Sciences-UAS) atau Hochschule di Bavaria, Baden-Württemberg, Hessen, North-Rheine Westphalia, Saxony dan negeri-negeri yang lain. Manakala program kursus jangka pendek yang ditawarkan pula adalah dalam bidang Industri Elektronik dan Teknologi Pengeluaran.

Jadual 1.1 di bawah adalah maklumat tentang senarai kerjasama antara “Malaysia-German” dalam bidang pendidikan tinggi yang diterbitkan oleh Malaysian-German Chamber of Commerce and Industry (Oktober, 2013):

Jadual 1.1: Senarai kerjasama antara universiti di Malaysia dan Jerman

| Universiti di Malaysia | Universiti di Jerman | Projek / Program |
|--------------------------------------|----------------------|---|
| German-Malaysia Institute (GMI) | - | 1) Program diploma - Industri Elektronik - Teknologi Pengeluaran 2) Program Pra-Universiti (A-Level) 3) Kursus jangka pendek - Teknologi Pengeluaran - Industri Elektronik - Pendidikan dan Pembangunan guru 4) Teknikal dan Perkhidmatan Juru runding GMI 5) Pendidikan guru |
| Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) | Uni Duisburg-Essen | Fakulti Kejuruteraan Program Pendidikan Ijazah berkembar antara Fakulti Kejuruteraan dan Pemulihan Alam Sekitar UKM dan Universiti Duisburg-Essen Program Ijazah dalam: - Komunikasi & Kejuruteraan Komputer - Kejuruteraan Mekanikal - Kejuruteraan Awam dan Struktur - Kejuruteraan Awam dan Pembangunan |
| UNITEN (Universiti Tenaga Malaysia) | Universiti Aachen | Pusat Pemulihan Tenaga Misi dalam menjadi pusat peneraju untuk Penyelidikan dan Pembangunan dalam Pemulihan Tenaga |

| | | |
|--|----------------------|--|
| | | <ul style="list-style-type: none"> - 17 projek sedia ada dan 3 yang baru - Lapangan projek termasuk bio-diesel, pembakaran, kajian mikro-hidro, sel tindakbalas fotokimia (photochemical cells) |
| Universiti Teknologi Mara (UiTM) | SRH Heidelberg | <p>Pengurusan Pengekalan dan Pemuliharaan Tenaga</p> <ul style="list-style-type: none"> - kedua-dua institusi akan mempertingkatkan kerjasama dengan menawarkan kursus Sarjana secara berkembar dalam ‘Kejuruteraan Alam Sekitar’ yang ditawarkan di UiTM. - Sarjana dalam ‘Perniagaan Antarabangsa dan Kejuruteraan’ yang ditawarkan di Heidelberg. - Kursus akan bermula pada Oktober 2014. Pelajar – contohnya siswazah daripada kedua-dua universiti – akan belajar satu tahun di UiTM dan tahun kedua di SRH Heidelberg. Mereka akan memperoleh ijazah daripada kedua-dua universiti dengan dua ijazah. |
| Universiti Malaysia Pahang (UMP) | HS Karlsruhe | <p>Mechatronics (ijazah berkembar)</p> <ul style="list-style-type: none"> - ditawarkan kepada seramai 30-60 pelajar yang cemerlang setiap semester - Program selama 4 tahun - BSc Ijazah Kejuruteraan Mekanikal dengan Automatif |
| Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Kementerian Pembangunan dan Sumber Manusia (MOHD), Malaysia | Universiti Bremen | <p>Program Doktoral</p> |
| Universiti Kuala Lumpur (UniKL) | Hochschule Rosenheim | <p>Sarjana Kejuruteraan untuk Pembangunan Tenaga Rumah Hijau</p> <p>Pensyarah dari negara Jerman dan Malaysia daripada kedua-dua universiti menawarkan rangkaian kecekapan dalam pembangunan rumah hijau, tenaga, kebolehan technopreneurial dan kemahiran kepimpinan.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Jangka masa: 4 semester - Kursus dalam tiga semester di UniKL |

| | | |
|------------------------|---------------|--|
| | | <ul style="list-style-type: none"> - Semester akhir dengan kertas projek, Tesis master dan sekurang-kurangnya tinggal di Jerman selama sebulan. - Bahasa: bahasa Inggeris |
| Universiti Malaya (UM) | HWTG Konstanz | <p>Ijazah dalam ‘Bahasa dan Linguistik’ (bahasa Jerman) & ‘Pengurusan Perniagaan dan Pelancongan Jerman</p> <ul style="list-style-type: none"> - kedua-dua institusi bersetuju untuk bergabung untuk memulakan program ijazah berkembar mengandungi Ijazah dalam “Bahasa dan Linguistik” di UM dan kursus “Pengurusan perniagaan dan Pelancongan Jerman” di Konstanz. - Program menyediakan pakar dalam bahasa Jerman, budaya dan pengetahuan orientasi-latihan dalam pengurusan pelancongan - Pelajar pertama dari Fakulti Bahasa dan Linguistik UM akan pergi ke Konstanz pada Oktober 2013. |

Di bawah ini disenaraikan beberapa sebab mengapa negara Jerman merupakan pilihan terbaik bagi yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat pengajian tinggi menurut laman sesawang Studying-in-Germany.net:

1. Kualiti Hidup

Menikmati kepelbagaiannya budaya yang menghiasi negara Jerman: yang juga mempunyai taraf keselamatan tinggi dan terjamin di Eropah.

2. Kemajuan Ekonomi

Negara Jerman mempunyai ekonomi yang terbesar di Eropah dan merupakan antara negara pengeksport terbesar.

3. Peneraju Kejuruteraan dan Inovasi

Negara Jerman menerajui pelbagai bidang teknologi dan inovasi di peringkat global.

4. Peluang Melanjutkan Pelajaran

Terdapat lebih 400 universiti dan universiti sains gunaan di negara Jerman yang menawarkan kira-kira 16,000 kursus ijazah yang berbeza.

5. Kualiti Pengajaran dan Penyelidikan yang tinggi

Proses pembelajaran bukan sahaja berteraskan teori malah latihan amali juga diberi penekanan tinggi.

6. Sistem pendidikan Kelas Pertama

Negara Jerman ialah negara keempat paling popular sebagai destinasi untuk melanjutkan pelajaran.

7. Pengajian Ijazah yang diiktiraf Dunia

Ijazah universiti-universiti Jerman dipandang tinggi oleh syarikat-syarikat di Malaysia.

8. Peluang pekerjaan yang cerah

Terdapat lebih 400 syarikat Jerman di Malaysia. Pengalaman menuntut ilmu di negara Jerman memberi jaminan cerah peluang pekerjaan.

9. Budaya terbuka dan Proaktif

Negara Jerman merupakan antara tiga buah negara di seluruh dunia yang mempunyai pelajar antarabangsa yang teramai.

10. Pendidikan Percuma

Hampir tiada yuran pengajian dikenakan ke atas pelajar warga Jerman mahupun antarabangsa bagi pendidikan di universiti awam.

1.6 Pembelajaran BJ sebagai Bahasa Ketiga (B3) di UiTM

Di UiTM, Jabatan bahasa Asia dan Eropah (JBAE) di bawah Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Shah Alam, menawarkan tujuh bahasa asing sebagai bahasa elektif kepada para pelajar UiTM cawangan Shah Alam. Antara B3/BA yang ditawarkan adalah bahasa Mandarin, Arab, Jepun, Perancis, Jerman, Korea dan Itali.

Bahasa yang paling dipelajari dan paling popular dalam kalangan pelajar UiTM Shah Alam ialah bahasa Mandarin. Ini disebabkan bahasa Mandarin dilihat sebagai bahasa yang penting dalam bidang perniagaan kerana bidang ekonomi di Malaysia majoritinya dikuasai oleh masyarakat Cina. Seterusnya diikuti oleh bahasa-bahasa seperti Arab, Jepun, Perancis, Jerman dan sebagainya. Bahasa Jerman bukanlah bahasa yang popular dalam kalangan pelajar UiTM Shah Alam tetapi sangat popular dalam kalangan pelajar-pelajar di keempat-empat Fakulti Kejuruteraan iaitu Awam, Elektrik, Kimia dan Mekanikal disebabkan populariti Jerman sebagai negara yang mempunyai teknologi kejuruteraan automotif termaju seperti BMW, Mercedes, Volkswagen, Audi dan sebagainya. Tambahan pula, negara Jerman dikenali sebagai negara termaju di Eropah.

Kursus B3 di UiTM merupakan kursus bahasa elektif wajib lulus kepada pelajar-pelajar peringkat ijazah sarjana muda. Walaupun sekadar subjek elektif, namun para pelajar wajib lulus kursus ini untuk membolehkan mereka menamatkan pengajian. Di UiTM, para pelajar perlu mempelajari bahasa pilihan masing-masing sehingga ke tahap III. Ini bermakna, mereka perlu mengambil bahasa yang sama bermula dari tahap I, II dan sehingga tahap III. Di UiTM, kursus-kursus kecekapan bahasa Jerman dikenali sebagai *German Language I, II dan III*. Jika mereka sudah mempelajari bahasa Jerman atau bahasa-bahasa ketiga semasa di tahap I, mereka tidak boleh memilih bahasa lain semasa di tahap II dan III. Semua pelajar

UiTM yang mempelajari bahasa ketiga juga perlu mengambil pelbagai ujian yang telah ditetapkan mengikut minggu-minggu kuliah tertentu. Ujian-ujian yang perlu diambil oleh para pelajar ialah kuiz secara *online*, ujian pendengaran, ujian bertulis, ujian bacaan, ujian lisan dan lakonan vcd yang merupakan satu projek video secara berkumpulan. Para pelajar juga akan belajar topik-topik tertentu yang telah ditetapkan dalam silibus. Berikut disenaraikan topik-topik yang dipelajari oleh para pelajar UiTM untuk ketiga-tiga tahap tersebut iaitu I, II dan III.

Jadual 1.2: Topik-topik yang dipelajari oleh para pelajar BJ Tahap I

| Bab 1: Sapaan dan Pengenalan Diri | Sub-topik: |
|---|--|
| | 1.1 Perkenalkan diri. |
| | 1.2 Memberi salam. |
| | 1.3 Bertanya seseorang dan memperkenalkan mereka dalam situasi <i>formal</i> dan <i>informal</i> . |
| | 1.4 Bercakap tentang minuman. |
| | 1.5 Memperkenalkan huruf dan mengeja perkataan. |
| | 1.6 Memperkenalkan hari, bulan dan masa. |
| | 1.7 Bercakap tentang tempat asal, lokasi dan negara-negara. |
| | 1.8 Pengenalan kepada nombor dan penggunaan nombor Kardinal (0 – 1000). |
| | 1.9 Bercerita tentang umur seseorang dan nombor telefon. |
| | 1.10 Mengenal pasti kewarganegaraan seseorang dan bahasa. |
| | 1.11 Bercerita tentang pekerjaan, hobi dan keluarga. |
| Bab 2: Alat Tulis dan Alat Bantuan Mengajar | Sub-topik: |
| | 2.1 Memperkenalkan alat tulis dan alat bantuan mengajar. |
| | 2.2 Bertanya harga. |

Jadual 1.3: Topik-topik yang dipelajari oleh para pelajar BJ Tahap II

| | | |
|--------------------------------------|-------------------|---|
| Bab 1: Manusia dan jenis-jenis rumah | Sub-topik: | |
| | 1.1 | Jenis-jenis rumah dan bahagian dalam rumah. |
| | 1.2 | Perabut dalam rumah. |
| | 1.3 | Peralatan elektrik dalam rumah. |
| Bab 2: Temujanji-temujanji | Sub-topik: | |
| | 2.1 | Masa (dalam formal dan tidak formal). |
| | 2.2 | Aktiviti-aktiviti harian. |
| | 2.3 | Tempat bertemu yang berkaitan dengan aktiviti harian. |
| | 2.4 | Hari-hari dan masa tertentu dalam sehari. |
| | 2.5 | Mengatur perjumpaan dan temujanji (memberi alasan dalam cara yang positif dan negatif). |
| | 2.6 | Mengatur perjumpaan dan temujanji (memberi alasan dalam cara yang positif dan negatif). |
| | 2.7 | Memperkenalkan elemen durasi dan masa. |

Jadual 1.4: Topik-topik yang dipelajari oleh para pelajar BJ Tahap III

| | | |
|--|-------------------|---|
| Bab 1: Tempat bekerja, bandar dan arah | Sub-topik: | |
| | 1.1 | Tempat bekerja dan persekitaran. |
| | 1.2 | Bahagian dalam pejabat dan peralatan-peralatan. |
| | 1.3 | Tempat-tempat kebiasaan dan mercu tanda. |
| | 1.4 | Tempat-tempat pelancongan yang menarik di Berlin dan Leipzig. |
| | 1.5 | Papan tanda, peta-peta dan petunjuk arah. |
| | 1.6 | Nombor Ordinal (pertama sehingga 31). |
| Bab 2: Waktu santai dan percutian | Sub-topik: | |
| | 2.1 | Peristiwa atau aktiviti-aktiviti masa kini. |
| | 2.2 | Masa-masa tertentu dan durasi masa. |
| | 2.3 | Jangkamasa waktu. |

1.7 Pernyataan Masalah

Kajian penyelidikan ini akan mengkaji pengaruh bahasa Malaysia (BM) dan bahasa Inggeris (BI) dalam pembinaan ayat bahasa Jerman (BJ) dalam kalangan pelajar-pelajar UiTM Shah Alam. Tumpuan pengkaji ialah melihat susunan perkataan dalam ayat BJ yang dibina oleh para pelajar ketika menduduki ujian bertulis. Kajian akan melihat susunan perkataan yg dilakukan dalam ayat pernyataan dan ayat tanya yang dihasilkan. Bagaimanakah bentuk atau

corak ayat yang dihasilkan oleh mereka dan seterusnya pengkaji akan melihat signifikannya dengan kajian oleh Marie-Claude Tremblay dan model CEM oleh Suzanne Flynn, Claire Foley dan Inna Vinnitskaya. Pengkaji turut ingin mengkaji apakah yang menyebabkan ramai pelajar-pelajar Melayu di UiTM kerap melakukan kesalahan yang sama dalam setiap semester ketika menghasilkan ayat iaitu semasa menjawab soalan ujian bertulis.

1.8 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti:

1. Susunan ayat BJ yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar Melayu.
2. Corak kesalahan susunan ayat BJ yang dihasilkan oleh pelajar.
3. Bahasa yang paling mempengaruhi pelajar ketika mempelajari B3 (BJ), iaitu antara B1 (BM) dan B2 (BI).

1.9 Persoalan Kajian

Kajian ini adalah untuk menjawab persoalan kajian berikut:

1. Bagaimanakah susunan ayat BJ yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar Melayu?
2. Bagaimanakah corak kesalahan susunan ayat BJ yang dihasilkan oleh pelajar?
3. Apakah bahasa yang paling mempengaruhi pelajar ketika mempelajari B3 (BJ), samada antara B1 (BM) atau B2 (BI)?

1.10 Batasan Kajian

Batasan kajian ini hanya tertumpu kepada kajian susunan ayat oleh pelajar Melayu di UiTM Shah Alam yang belajar B3 (bahasa Jerman). Kajian ini tidak dapat diperluaskan merangkumi pelajar dari Sabah dan Sarawak kerana B3 mereka bukan BJ. Pelajar dari Sabah dan Sarawak mempunyai latar belakang yang berbeza dan mempunyai bahasa suku kaum

mereka sendiri. Oleh itu, BJ yang dipelajari oleh mereka telah menjadi bahasa keempat, kelima atau keenam.

Seterusnya, kajian penyelidikan ini hanya merangkumi susunan ayat yang dilakukan oleh pelajar dan tidak mengambil kira kesalahan tatabahasa, semantik dan lain-lain.

Akhir sekali, kajian ini dilakukan dalam bentuk kala kini (*present tense*) sahaja dan tidak dapat diperluaskan dalam kajian kala lepas (*past tense*) atau kala depan (*future tense*) kerana pelajar BJ di UiTM Shah Alam hanya belajar dalam bentuk kala kini. Kekangan masa untuk belajar B3 dengan masa yang diperuntukkan hanya selama dua jam seminggu telah menyebabkan perbendaharaan kata yang dipelajari sangat terhad.

1.11 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan kerana belum banyak kajian di dalam penyelidikan bahasa Malaysia yang mengkaji bidang sintaksis BJ di Malaysia. Berdasarkan pengalaman pengkaji sepanjang mengajar di UiTM, pelajar-pelajar sentiasa melakukan kesalahan dalam pembinaan ayat BJ dalam setiap semester. Oleh itu, pengkaji amat tertarik dengan isu ini dan cuba untuk membuat kajian yang lebih mendalam untuk melihat apakah faktor-faktor atau penyebab keadaan ini berlaku.

Seterusnya, diharapkan kajian ini akan dapat menjadi perintis kepada kajian dalam susunan ayat BJ oleh pengkaji-pengkaji lain pada masa yang akan datang terutama sekali di kalangan tenaga pengajar BJ.

Diharapkan juga kajian ini dapat membantu tenaga pengajar BJ mengenal pasti dengan lebih jelas kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar-pelajar yang belajar BJ dalam susunan dan pembinaan ayat. Seterusnya diharapkan kajian yang tidak seberapa ini dapat digunakan untuk memperbaiki kelemahan dan mempertingkatkan lagi pengajaran oleh tenaga pengajar BJ dan pembelajaran BJ di Malaysia khususnya.

BAB 2: KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan memberi tumpuan kepada kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh ahli-ahli bahasa dalam pemerolehan bahasa pertama (B1), bahasa kedua (B2) dan bahasa ketiga (B3).

2.2 Kajian Lepas pemerolehan Bahasa Pertama (B1)

Pengetahuan bahasa pertama dikaitkan dengan pemerolehan bahasa kanak-kanak dan ianya diperoleh secara semulajadi sejak seorang kanak-kanak itu masih kecil lagi. Pemerolehan B1 ini diperoleh secara tidak formal oleh kanak-kanak dan mereka belajar B1 melalui persekitaran, seperti ibu bapa dan sesiapa yang mereka temui.

Guat, (2006, hlm. 88) mengatakan bahawa pemerolehan bahasa merupakan satu proses perkembangan bahasa manusia. Lazimnya pemerolehan bahasa pertama dikaitkan dengan perkembangan bahasa kanak-kanak manakala pemerolehan bahasa kedua bertumpu kepada perkembangan bahasa orang dewasa.

Seterusnya, Abdullah Hassan (2007, hlm. 260) menghuraikan tentang penguasaan bahasa pertama kanak-kanak dalam beberapa tahap iaitu sejak berusia 3 bulan sehingga ke usia 6 tahun di mana ianya bermula dari tahap prabahasa sehingga ke tahap ayat sempurna. Beliau mengatakan bahawa semasa kanak-kanak berusia enam tahun dan memasuki alam persekolahan, dia mampu menggunakan bahasa aslinya dengan baik. Ini sungguh menakjubkan. Kanak-kanak itu dapat menguasai bahasanya dengan tidak ada sebarang proses pendidikan. Kita boleh mengatakan ini berlaku kerana setiap kanak-kanak dilahirkan dengan satu ‘jentera’ bahasa dalam mindanya. Jentera itu mencetuskan pembelajaran bahasa.

Walau bagaimanapun penguasaan bahasa tidak berlaku begitu sahaja. Kanak-kanak itu perlu berinteraksi dengan ahli lain dalam masyarakat yang menuturkan bahasa itu. Kanak-kanak normal melalui tahap dan proses penguasaan bahasa yang agak sama, tidak kira apa bahasanya. Tahap-tahap ini ialah tahap prabahasa, tahap ayat satu perkataan, tahap ayat dua perkataan, tahap ayat telegraf dan tahap ayat sempurna.

Manakala menurut Angelovska dan Hahn (2012), mereka mengatakan bahawa B1 telah lama dijadikan sebagai sumber utama pemindahan dalam pemerolehan bahasa-bahasa yang lain.

“The first language has been considered the main source of transfer for the acquisition of further languages for a long time.” (Angelovska & Hahn, 2012, pg. 23).

2.3 Pemerolehan Bahasa Kedua (B2)

Lightbown dan Spada (1999 hlm. 3) mengatakan bahawa kebanyakan kanak-kanak, kemungkinan juga majoriti kanak-kanak di dunia terdedah kepada lebih daripada satu bahasa di peringkat awal tumbesaran.

“Many children, perhaps the majority of children in the world, are exposed to more than one language in early childhood. Children who hear more than one language virtually from birth are sometimes referred to as ‘simultaneous bilinguals’, whereas those who begin to learn a second language later are referred to as ‘sequential bilinguals’. (Lightbown & Spada, 1999, pg. 3)

“Kebanyakan kanak-kanak, kemungkinan majoriti kanak-kanak di dunia terdedah kepada lebih daripada satu bahasa di peringkat awal tumbesaran. Menurut mereka lagi, kanak-kanak yang mendengar lebih daripada satu bahasa sejak lahir kadang-kadang dirujuk sebagai ‘*simultaneous bilinguals*’ sementara mereka yang mula belajar B2 kemudiannya dirujuk sebagai ‘*sequential bilinguals*’.” (Lightbown & Spada, 1999, hlm. 3).

Pemerolehan B2 tidak seperti B1 yang diperoleh dengan mudah, semulajadi dan tidak formal sejak bayi lagi. Pemerolehan B2 memerlukan usaha yang lebih iaitu melalui latihan dan pengulangan sehingga menjadi satu kebiasaan.

Kenyataan di atas disokong oleh Norsimah Mat Awal, Nadzrah Abu Bakar dan Nor Hashimah Jalaluddin (2012, hlm. 229) yang mengatakan bahawa pelajar yang mempelajari subjek bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, mereka memerlukan latihan dan pengulangan sehingga membentuk satu tabiat.

Ellis (1997, hlm. 3) memberikan penjelasan yang panjang lebar tentang pemerolehan B2. Beliau mengatakan bahawa manusia perlu mempelajari B2 bukan setakat suka-suka, tetapi juga untuk pendidikan dan mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik.

..... "*people have had to learn a second language, not just as a pleasing pastime, but often as a means of obtaining an education or securing employment.*" (Ellis, 1997, pg. 3).

Seterusnya beliau turut memberi penjelasan tentang bahasa kedua iaitu ‘kedua’ merujuk kepada bahasa seterusnya yang dipelajari selepas bahasa ibunda.

“... ‘second’ can refer to any language that is learned subsequent to the mother tongue. Thus, it can refer to the learning of a third or fourth language. Also, ‘second’ is not intended to contrast with ‘foreign’. Whether you are learning a language naturally as a result of living in a country where it is spoken, or learning it in a classroom through instruction, it is customary to speak generically of ‘second’ language acquisition.” (Ellis, 1997, pg. 3).

“...‘kedua’ boleh merujuk kepada bahasa seterusnya yang dipelajari selepas bahasa ibunda. Juga, “kedua” tidak bermaksud untuk membezakannya dengan “asing”. Samada anda mempelajari bahasa tersebut secara semulajadi disebabkan tinggal di negara di mana ia dipertuturkan, atau mempelajari ia di dalam bilik darjah melalui

pengajaran, ianya menjadi kebiasaan untuk dipanggil sebagai pemerolehan B2.” (Ellis, 1997, hlm. 3).

Rod Ellis (1997, hlm. 3) turut memberi definisi tentang pemerolehan B2 iaitu cara bagaimana manusia belajar bahasa selain bahasa ibunda mereka.

“‘L2 acquisition’, then, can be defined as the way in which people learn a language other than their mother tongue, inside or outside of a classroom,... ”. (Ellis, 1997, pg. 3)

“Pemerolehan B2, kemudiannya, boleh didefinisikan sebagai cara bagaimana manusia mempelajari bahasa selain daripada bahasa ibunda mereka, di dalam atau di luar bilik darjah”. (Ellis, 1997, hlm. 3)

Kesimpulannya, berdasarkan beberapa petikan yang diambil berkenaan pemerolehan B2 di atas, ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan ahli bahasa mendefinisikan B2 sebagai bahasa asing yang dipelajari selepas bahasa ibunda.

2.4 Pemerolehan Bahasa Ketiga (B3)

Di negara-negara Eropah, Amerika Latin dan Amerika Syarikat, kajian tentang pembelajaran dan pemerolehan bahasa ketiga (B3) sudah lama dilakukan. Ulrike Jessner (2008 hlm. 15), mengatakan tentang minat yang mendadak dalam kepelbagaiannya bahasa (*multilingualism*) dalam tempoh sedekad yang lepas. Walaupun kebanyakan ahli linguistik dalam kajian pemerolehan bahasa masih melakukan kajian dalam norma bahasa tunggal penutur asli, ahli-ahli linguistik yang lain telah mengembangkan kajian mereka dalam ‘*multilingualism*’ dengan lebih mendalam lagi.

“The last decade has witnessed a rapid increase in interest in multilingualism. Whereas a number of scholars in language acquisition research still base their work on the monolingual native speaker norm, others have developed more realistic viewpoints.” (Jessner, 2008, pg. 15)

Seterusnya, Zofia Chlopek (2007, hlm. 17) mengatakan bahawa sejak multilingualism menjadi satu fenomena dunia, terdapat peningkatan minat dalam mengkaji proses-proses yang berlaku dalam pemerolehan B3 dan seterusnya serta semasa penggunaan bahasa di dalam minda multilingual.

“Since multilingualism has become a common world phenomenon, there has been a growing interest in the processes which take place during third (and further) language acquisition and during language use within a multilingual mind.” (Chlopek, 2007, pg. 17)

Kajian dalam pemerolehan B3 berkembang pesat sejak belakangan ini. Ramai ahli-ahli bahasa yang membuat kajian dalam pemerolehan B3 terutamanya di negara-negara Eropah. Di antara ahli-ahli bahasa yang banyak membuat kajian dalam pemerolehan B3 sejak belakangan ini ialah Bardel dan Falk (2007 & 2012), Cenoz (1997), Christina Lindqvist dan Camilla Bardel (2006), Flynn, Foley dan Vinnitskaya (2004), Rebekah Rast (2010), Tremblay (2006) serta ramai lagi.

Sementara kajian pembelajaran dan pemerolehan bahasa di Malaysia pula kebanyakannya masih tertumpu kepada pengaruh B1 ke atas B2. Walau bagaimanapun, kajian tentang B3 di Malaysia sudah mula berkembang pesat. Terdapat banyak kajian B3 dalam bahasa-bahasa lain di Malaysia terutama dalam bahasa Mandarin dan bahasa Arab. Kajian-kajian dalam bahasa-bahasa asing yang lain seperti bahasa Perancis dan Sepanyol juga sudah semakin banyak dilakukan. Sementara itu, kajian dalam bahasa Jerman dalam penulisan bahasa Melayu masih kurang terutamanya kajian yang berfokuskan sintaksis BJ.

Artikel dan bahan-bahan pembelajaran dan pemerolehan B3 dalam bahasa Melayu juga agak terbatas dan sukar diperolehi. Kebanyakan artikel-artikel yang diperolehi adalah dalam bahasa Inggeris. Bidang P&P B3 khususnya di Malaysia masih baru dan bidang ini mempunyai peluang yang amat besar untuk diterokai.

Di Malaysia, terdapat banyak kajian pemerolehan B3 dalam bahasa-bahasa seperti Mandarin, Arab dan Jepun. Ini disebabkan bahasa-bahasa tersebut telah lama bertapak di Malaysia. Bahasa-bahasa lain terutamanya bahasa-bahasa Eropah seperti bahasa Jerman, Perancis, Sepanyol dan sebagainya masih agak baru di Malaysia. Namun, bahasa-bahasa ini semakin berkembang dan kajian dalam bahasa-bahasa tersebut telah semakin banyak dilakukan. Keadaan ini memberi impak yang positif dalam proses P&P B3 di Malaysia.

2.5 Kajian lepas yang berkaitan dengan pemerolehan dan pengajaran BJ di Malaysia

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan pemerolehan dan pengajaran BJ yang telah dilakukan oleh beberapa penyelidik BJ sebelum ini iaitu Aida Husni Abdul Hamid, Rowinah Jakiwa, Robe'ah Yusuf, Mohd Sofian Abdul Latif dan Saidah Ismail serta Yusnul'ain Yunus dan Noh Mohd Nyata.

Aida Husni Abdul Hamid (2012) membuat kajian tentang masalah yang sering dihadapi oleh pelajar untuk menyesuaikan penggunaan kata kerja regular dan kata kerja tidak regular untuk kala kini sahaja dalam BJ iaitu dalam disertasinya yang bertajuk ‘Analisis penggunaan kata kerja bahasa Jerman dalam kalangan pelajar IPTA’. Tumpuan utama beliau adalah untuk melihat penggunaan kata kerja regular dan kata kerja tidak regular dalam BJ. Menurut penyelidik, beliau membuat kajian dalam penggunaan kata kerja kerana ia merupakan asas

kepada pembentukan ayat atau sintaksis dalam BJ. Pelajar-pelajar sering menghadapi masalah untuk menyesuaikan kata kerja regular dan kata kerja tidak regular berdasarkan ganti nama. Tiga objektif kajian yang dilakukan oleh beliau adalah untuk mengenalpasti dan menjelaskan tentang: i) penggunaan kata kerja regular dan kata kerja tidak regular untuk kala kini sahaja, ii) jenis-jenis kesilapan berdasarkan kesilapan interlingual dan kesilapan intralingual dan iii) 4 punca kesilapan iaitu generalisasi melampau, kejahilan peraturan, analisis salah konsep dan penggunaan peraturan tidak sempurna.

Seterusnya, beliau telah melakukan kajian ke atas 50 orang pelajar semester kedua sesi 2010/2011 yang mengikuti kursus BJ tahap I di Universiti Utara Malaysia (UUM). Penyelidik telah mengumpul data-data berdasarkan soal selidik, ujian mengisi tempat kosong dan ujian karangan. Hasil kajian tersebut menunjukkan kata kerja tidak regular mencatatkan peratus kesilapan tertinggi iaitu sebanyak 56.7% dan kata kerja regular pula mencatatkan peratus kesilapan sebanyak 47.42%. Selain itu, kesilapan intralingual pula mencatatkan kesilapan penggunaan tertinggi iaitu 72.62% berbanding kesilapan interlingual sebanyak 27.66%. Dalam menganalisis kesilapan penggunaan kata kerja BJ, prosedur yang dicadangkan oleh Pit Corder dalam artikel *Idiosyncratic Dialects and Error Analysis* (Corder dalam Richards, 1974: 158-171) digunakan oleh penyelidik. Ia dibahagikan kepada lima peringkat iaitu: i) pengenalan, ii) pentafsiran, iii) proses pembinaan semula, iv) penggolongan kesilapan dan v) penjelasan. Penyelidik turut melihat empat punca kesilapan yang dikemukakan oleh Richards (1974:174) iaitu: i) generalisasi melampau, ii) penggunaan peraturan-peraturan bahasa secara tidak sempurna, iii) kejahilan tentang peraturan Bahasa dan iv) andaian salah konsep. Selain itu, penyelidik juga telah mengenal pasti faktor ekstralinguistik seperti minat, motivasi, jumlah jam pembelajaran BJ dan lain-lain melalui soalan soal selidik terhadap pelajar. Seterusnya, penyelidik turut mengemukakan beberapa

cadangan dan cara untuk mengatasi masalah penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar BJ khususnya, dan pelajar bahasa asing amnya.

Rowinah Jakiwa (2012) membuat kajian tentang gaya pembelajaran BJ dan kajiannya bertajuk ‘Gaya pembelajaran pelajar diploma dalam mempelajari bahasa Jerman’. Kajian penyelidikan yang dilakukan olehnya bertujuan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar Diploma dalam mempelajari BJ di Institut Jerman-Malaysia (GMI) dan juga untuk mengetahui hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik. Kajian melibatkan 190 responden iaitu 108 pelajar lelaki dan 82 pelajar perempuan. Data dikumpul melalui edaran soal selidik berdasarkan instrument *Index of Learning Style* (1991) dan dianalisis dengan menggunakan SPSS 16.0. Dapatan kajiannya mendapati bahawa gaya pembelajaran oleh pelajar Diploma di GMI dalam mempelajari BJ adalah visual (84.7%) dan gaya pembelajaran *Sensing & Intuitive* (70.5%) dan *Sequential & Global* (66.8%) adalah seimbang. Kajian oleh beliau mendapati pelajar lelaki dan perempuan mengamalkan gaya pembelajaran yang sama iaitu visual.

Robe’ah Yusuf (2005) melalui disertasinya yang bertajuk ‘Strategi Komunikasi dalam Pembelajaran bahasa Jerman: Satu kajian kes’ pula memberi tumpuan kepada jenis strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar yang mempelajari BJ. Subjek kajian terdiri daripada pelajar berbangsa Melayu yang mengambil kursus BJ di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Pusat Bahasa Moden. Selain itu, kajian beliau juga melihat kepada faktor-faktor seperti bahasa ibunda (bahasa Melayu) yang mempengaruhi corak strategi komunikasi, jenis-jenis strategi yang digunakan sewaktu perbualan berlangsung dan adakah ia membantu dalam sesuatu perbualan. Robe’ah turut melihat jenis strategi komunikasi yang kerap kali digunakan oleh subjek. Kajian oleh beliau adalah berdasarkan 40 jam rakaman yang ditranskripkan, pemerhatian terhadap aktiviti lisan dan soal selidik. Subjek dibahagikan kepada dua

kumpulan iaitu kumpulan A mempunyai sedikit asas dan pengetahuan tentang bahasa Jerman manakala kumpulan B adalah mereka yang baru mempelajari bahasa Jerman (*beginner*). Analisis data adalah secara kualitatif dan kuantitatif berdasarkan Taksonomi Tarone (1977). Hasilnya kumpulan A mencipta perkataan baru meliputi aspek yang disuaikan dengan perkataan-perkataan yang wujud dalam bahasa Jerman. Kumpulan B pula menggunakan bahasa ibunda apabila gagal berkomunikasi dalam bahasa Jerman.

Robe'ah Yusuf (2009) turut membuat penyelidikan lain ketika Persidangan Ilanns yang kedua. Beliau membentangkan artikel dan kajiannya tentang 'Analisis Kesilapan Dalam Konjugasi Kata Kerja Regular dan Irregular Bahasa Jerman di Kalangan Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris'. Robe'ah berpendapat, kajian analisis kesilapan atau Error Analysis (EA) terhadap bahasa Eropah khasnya BJ amat berguna kepada para tenaga pengajar terutamanya dalam pengajaran tatabahasa seperti penggunaan kata kerja. EA merupakan satu kajian teknik yang mengukur penguasaan dalam pembelajaran bahasa dengan mencatat dan mengklasifikasikan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh individu atau kumpulan tertentu. Secara umumnya tujuan pengajaran BJ di UPSI adalah untuk mencapai kemahiran berkomunikasi, membaca dan menulis secara asas. Penekanan diberikan kepada aspek sintaksis dalam tatabahasa di mana para pelajar diperkenalkan secara ringkas perbendaharaan kata untuk membina dan membentuk ayat-ayat yang melibatkan aspek konjugasi. Walau bagaimanapun, kekeliruan dari segi aspek konjugasi timbul khasnya apabila ia berkaitan dengan penggunaan kata ganti nama orang pertama, kedua, mufrad dan jamak. Kajian ini hanya ditumpukan kepada sekumpulan penuntut bahasa Jerman di Pusat Bahasa Moden, UPSI Semester II, Sesi 2008/2009 yang terdiri daripada 10 orang penutur berbangsa Melayu. Robe'ah hanya memilih sampel kajian daripada lepasan matrikulasi dan berumur 20 hingga 25 tahun. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dalam menjelaskan hasil

pemerhatian, soal selidik, rakaman ujian lisan sejumlah 20 jam, mengambil sampel karangan dan ujian tatabahasa. Ia turut menggunakan kaedah kuantitatif untuk melihat peratusan ujian lisan yang ditranskripsikan. Hasil kajian dijangka dapat membantu meningkatkan pengetahuan pengajar dalam P&P BJ dan dapat membantu pengajar menyediakan modul, buku latihan atau latih tubi BJ yang sesuai dengan kebolehan dan keperluan pelajar.

Mohd Sofian Abdul Latif dan Saidah Ismail (2009) juga telah membentangkan kajiannya di Persidangan Ilanns yang kedua yang bertajuk ‘Gambar & Fungsinya dalam Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Asing (Bahasa Ketiga)’. Mereka membuat kajian tentang kepentingan fungsi gambar dalam buku teks yang membantu dalam P&P bahasa asing (bahasa ketiga). Menurut Sofian dan Saidah, fungsi gambar digunakan secara meluas dalam setiap bahagian di dalam buku-buku tersebut. Namun, ianya masih menjadi persoalan sehingga kini apakah fungsi gambar ini sebenarnya di dalam sesuatu P&P BA/B3 dan kenapa ia digunakan? Ramai di kalangan tenaga pengajar BA/B3 sendiri tidak memahami dan mengetahui fungsi-fungsi gambar dalam buku teks dan dalam P&P secara tepat. Menurut mereka, tenaga pengajar seharusnya memahami bahawa terdapat begitu banyak kebarangkalian untuk sesuatu P&P BA itu dijalankan dengan lebih berkesan. Mereka berpendapat cara tersebut adalah melalui penggunaan gambar. Gambar menawarkan lebih banyak variasi dan pilihan untuk digunakan oleh tenaga pengajar BA dalam P&P. Sebagai contohnya, dengan pertolongan gambar, sesuatu teks dalam pengajaran dapat divisualkan untuk mudah difahami oleh pelajar. Oleh itu, fokus pelajar dapat dikecilkkan kepada sesuatu tema dan dalam masa yang sama pelajar boleh bersedia dengan perbendaharaan kata yang berkaitan. Dalam erti kata lain, pelajar sudah boleh memahami sesuatu teks (walaupun tidak 100%) tanpa membacanya. Sofian dan Saidah mengatakan bahawa, daripada contoh itu jelaslah menunjukkan gambar begitu berpengaruh dalam P&P BA.

Yusnul'ain Yusnus dan Mohd Noh Nyata (2014), ketika Persidangan Illanns yang Ketiga telah membentangkan kajian tentang ‘Kajian Akustik Huruf Vokal Bahasa Jerman oleh Penutur Melayu’ di mana mereka telah membuat penyelidikan tentang pola sebutan BM (B1), BI (B2) dan BJ (B3/BA). Menurut Yusnul'ain dan Mohd Noh, subjek kajian iaitu pelajar Melayu UiTM telah dirakam namun yang dianalisis dengan menggunakan Sistem Praat (Versi 5.3.47) untuk kajian ini hanyalah pola sebutan B1 dan B3/BA. Semua enam fonem vokal monoftong B1 dan lima belas B3 diberi lebih penekanan dalam kajian mereka. Yusnul'ain dan Mohd Noh turut berharap agar hasil kajian akustik itu kelak akan dapat menyumbang sedikit sebanyak kepada usaha memperkayakan lagi P&P BJ sebagai B3/BA di Malaysia. Juga diharapkan agar para perancang dan penyedia bahan-bahan P&P B3/BA khususnya BJ akan mendapat faedah dan manfaat dari dapatan tersebut.

2.5.1 Jurang Penyelidikan (Research gap) Kajian-Kajian Lepas

Berdasarkan perbincangan dalam kajian lepas daripada enam kajian di atas yang telah pengkaji perolehi (pertimbangan adalah berdasarkan sehingga tesis ini ditulis sahaja), belum banyak lagi kajian tentang sintaksis dilakukan dan kajian khusus tentang susunan ayat (word order) dan struktur ayat BJ secara lebih mendalam belum pernah lagi dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Pengkaji-pengkaji lain hanya menumpukan kepada aspek-aspek lain dalam kajian BJ dan bukan dalam aspek susunan dan struktur ayat BJ.

Aida Husni Abdul Hamid (2012) dalam kajiannya hanya mengkaji grammar (tatabahasa) iaitu beliau menganalisis penggunaan kata kerja regular dan kata kerja tidak regular dalam pembinaan ayat yang dilakukan oleh pelajar-pelajar. Walaupun beliau menyenaraikan ayat-ayat yang dilakukan oleh responden, namun beliau tidak dapat memperluaskan kajian dalam melihat kesalahan-kesalahan lain yang dihasilkan oleh responden dalam pembinaan ayat. Begitu juga dengan kajian oleh Robe'ah Yusuf (2009) yang membuat kajian analisis kesilapan terhadap 10 pelajar UPSI yang berbangsa Melayu yang mana sampel kajian yang diambil adalah daripada pelajar yang tidak mahir dan tidak mempunyai pengalaman dalam konjugasi kata kerja bahasa Eropah. Kajian oleh Robe'ah Yusuf ini juga lebih kepada mengkaji tatabahasa iaitu membuat analisis kesilapan dalam konjugasi kata kerja Regular dan Irregular BJ.

Sementara kajian Rowinah Jakiwa (2012) yang membuat penyelidikan dalam kajian tentang gaya pembelajaran pelajar dalam mempelajari BJ dalam kalangan pelajar di GMI dan Robe'ah Yusuf (2005) membuat kajian tentang strategi komunikasi dalam pembelajaran BJ oleh pelajar-pelajar UPSI. Kedua-dua kajian penyelidikan yang dilakukan dilihat lebih kepada bidang pendidikan dan komunikasi dan bukan dalam bidang linguistik.

Sementara kajian oleh Mohd Sofian Abdul Latif dan Saidah Ismail (2009) membincangkan keberkesanan gambar dan fungsinya dalam P&P BJ dan kajian ini adalah lebih kepada kajian kepustakaan.

Seterusnya, Yusnul'ain Yunus dan Mohd Noh Nyata (2014) membuat kajian penyelidikan tentang aspek fonetik BJ dalam kalangan pelajar Melayu di UiTM di mana kajian mereka adalah tentang kajian akustik huruf vokal bahasa Jerman.

Kesimpulan, disebabkan belum banyak kajian yang mengkaji secara mendalam tentang struktur ayat BJ oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dan kajian terdahulu yang telah dijalankan masih belum meluas, pengkaji merasa terpanggil untuk membuat kajian yang membincangkan dengan lebih khusus dan mendalam tentang struktur ayat dan susunan ayat BJ. Semoga kajian ini sekurang-kurangnya dapat menjadi rujukan dan dapat mengurangkan jurang kajian dalam kekurangan kajian dalam bidang sintaksis BJ.

2.6 Pengaruh Silang Linguistik: *Lexical inventions* dan *language shifts*

Pengkaji akan menggunakan kajian yang telah dikemukakan oleh Marie-Claude Tremblay (2006) dalam artikelnya yang bertajuk ‘*Cross-Linguistic Influence in Third Language Acquisition: The Role of L2 Proficiency and L2 Exposure*’. Tremblay telah membuat kajian berkenaan kesan kecekapan dan pendedahan B2 ke atas pengaruh silang-linguistik daripada B1 bahasa Inggeris dan B2 bahasa Perancis (BP) ke atas B3 bahasa Jerman. Beliau membuat kajian dengan tentang kadar *lexical inventions* dan *language shifts* dibandingkan untuk tiga kumpulan responden B3 dengan tahap-tahap kecekapan B2 yang berbeza dan jumlah pendedahan ke atas B2. Keputusan kajian oleh Tremblay juga menunjukkan bahawa apabila kecekapan B2 mempunyai kesan ke atas frekuensi di mana B2 dilihat mengganggu ketika komunikasi B3 sedang berlangsung, pendedahan B2 nampaknya mempengaruhi kemampuan responden untuk menggunakan pengetahuan B2 mereka dalam proses komunikasi sehingga menyebabkan kesukaran leksikal dalam B3. Tremblay turut mencadangkan, melainkan tahap awal kecekapan B2 berjaya dicapai, pengaruh silang linguistik dari B2 ke atas B3 adalah sangat kecil (*very marginal*). Dalam erti kata lain, kajian yang dilakukan bertujuan untuk mengkaji bagaimana kecekapan dan pendedahan B2 memberi kesan ke atas pengaruh dari B1 (BI) dan B2 (BP) ke atas pemerolehan dan pengeluaran perkataan-perkataan dalam B3 (BJ).

Kajian oleh Tremblay (2006, hlm. 111) bertujuan untuk mencari jawapan kepada persoalan kajian berikut:-

- 1) Adakah B2 mempunyai pengaruh yang lebih ke atas leksikon B3 pelajar yang mana telah mencapai tahap kecekapan B2 yang tinggi dan telah dianggap mendapat pendedahan secukupnya ke atas bahasa tersebut?
- 2) Bolehkah pengaruh silang-linguistik daripada B2 dikenal pasti dalam leksikon B3 pelajar yang telah mencapai tahap kecekapan B2 yang rendah dan telah mendapat pendedahan bahasa yang sedikit?

Hipotesis kajian pula ialah sekiranya lebih kecekapan B2 pelajar dan lebih pendedahan yang mereka peroleh, B2 akan memberi lebih pengaruh ke atas pengeluaran B3. Jumlah responden dalam kajian beliau adalah seramai 13 orang yang berumur antara 19 hingga 25 tahun. Kesemua responden belajar BP sebagai B2 di sekolah dan mengambil kursus BJ di tahun kedua atau ketiga di peringkat universiti pada masa kajian tersebut dijalankan. Beliau memastikan bahawa responden yang dipilih tidak belajar bahasa lain selain BI, BP dan BJ. Mereka dibahagikan kepada tiga kumpulan berdasarkan tahap kecekapan BP dan bergantung kepada jumlah pendedahan yang diperoleh ke atas bahasa tersebut:

- | | |
|--|---------------|
| (1) kecekapan B2 RENDAH / pendedahan B2 RENDAH | (6 responden) |
| (2) kecekapan B2 TINGGI / pendedahan B2 RENDAH | (3 responden) |
| (3) kecekapan B2 TINGGI / pendedahan B2 TINGGI | (4 responden) |

Menurut Tremblay, pengelasan yang dilakukan ke atas responden diperoleh berdasarkan maklumat daripada soal selidik dan ujian kecekapan bahasa Perancis. Kesemua responden tersebut telah didedahkan dengan pengajaran dalam BP di peringkat sekolah dalam tempoh masa yang agak lama iaitu antara lima sehingga 13 tahun. Disebabkan kajian menunjukkan terdapatnya kesan ke atas pengaruh *Cross-Linguistic Influence* (CLI), responden telah

diminta untuk menjawab ujian kecekapan dalam bahasa Jerman (B3). Ini untuk memastikan semua informan telah mencapai tahap kecekapan hampir serupa dalam kecekapan B3 mereka. Responden turut diminta untuk menjawab ujian kecekapan BP. Pengelasan informan bergantung kepada tahap kecekapan BP (B2) juga berdasarkan keputusan ujian tersebut. Responden yang mendapat markah antara 4.5 dan 14.5 daripada jumlah markah 25 dalam ujian BP diletakkan dalam kumpulan kecekapan B2 TINGGI. Sementara yang memperoleh markah 0 atau 1 diletakkan di dalam kumpulan kecekapan B2 RENDAH.

Sesi temu bual juga turut dijalankan di mana 25 set kartun dengan urutan pelbagai peristiwa ditunjukkan kepada responden. Arahan diberi dalam BI ketika sesi temu bual dan turut dirakamkan. Temu bual dijalankan oleh penemuduga bilingual BP-BI yang turut belajar BJ sebagai B3. Tremblay turut mengatakan bahawa BI digunakan sepanjang interaksi antara responden dan penemuduga dan sepanjang proses temuduga kecuali penerangan gambar yang dijalankan sepenuhnya dalam BJ.

Analisis yang dijalankan oleh beliau menggunakan latar belakang teoretikal daripada dua jenis CLI iaitu *lexical inventions* dan *language shifts*. Dalam artikel kajian Tremblay, beliau turut mengambil *citation* daripada pengkaji terdahulu seperti Dewaele (1998), Ringbom (1987) dan Williams & Hammerberg (1998) untuk mengukuhkan kajian beliau.

Ujian ANOVA sehala turut digunakan untuk menentukan samada pelbagai perbezaan yang dijumpai antara tiga kumpulan tersebut adalah signifikan. Keputusan diperoleh oleh beliau menunjukkan bahawa BI iaitu B1 responden setakat itu adalah sumber utama pengaruh ke atas B3 responden dalam ketiga-tiga kumpulan. Tambahan lagi, CLI yang dijumpai dalam BJ responden dalam kumpulan kecekapan B2 TINGGI / pendedahan B2 RENDAH mempunyai ciri-ciri yang sama dengan CLI yang dijumpai dalam BJ responden kumpulan

kecekapan B2 TINGGI / pendedahan B2 TINGGI dan kecekapan B2 RENDAH / pendedahan B2 RENDAH.

Menurut beliau lagi, fakta di mana BI ialah sumber utama CLI untuk ketiga-tiga kumpulan dalam kajian boleh dijelaskan oleh pelbagai faktor seperti di bawah:-

1. Tahap kecekapan BP responden mungkin terlalu rendah untuk menjadi sumber penting CLI dalam BJ. Walaupun pengaruh B1 terus berada dalam tempoh masa yang lebih lama, pengaruh B2 akan lebih cepat hilang.
2. Keadaan persekitaran ketika eksperimen dijalankan mungkin telah memberi kesan ke atas tahap pengaktifan B1 dan B2 responden. Ujian temu duga yang dijalankan dalam persekitaran BI serta BI turut digunakan dalam kesemua komunikasi antara penemuduga dan responden mungkin telah mempengaruhi keputusan.
3. Perbezaan tipologi antara tiga bahasa juga menjadi salah satu faktor. Fakta bahawa pelajar menganggap BI adalah lebih mempunyai persamaan dengan BJ berbanding BP telah memainkan peranan dalam menggalakkan penggunaan BI sebagai bahasa sumber dan menurunkan tahap pengaktifan BP semasa komunikasi dalam BJ.

Menurut Tremblay, keputusan kajian menunjukkan hanya seorang responden yang fasih dalam BP ditemui daripada kesemua data daripada sampel kajian kecekapan B2 RENDAH. Keputusan ini adalah mengejutkan menurut Tremblay kerana melihat kepada setiap responden dalam kumpulan tersebut yang kesemuanya mempunyai pengalaman di antara empat hingga 10 tahun belajar BP sebagai B2. Oleh itu, Tremblay mengatakan bahawa belajar dalam B2 atau mempunyai sedikit pengetahuan tentang B2 masih belum mencukupi

untuk mempengaruhi pemerolehan B3. Kecuali pelajar telah mencapai tahap kecekapan B2 yang sangat tinggi, bahasa tersebut kemungkinan boleh mempengaruhi pemerolehan B2.

Kesimpulannya, Tremblay mengatakan bahawa walaupun tahap kecekapan B2 pelajar adalah tinggi namun ia masih belum cukup untuk mengautomatikkan dan menjadikan pendedahan B2 adalah penting. Jelasnya, walaupun seseorang pelajar itu memperoleh pengajaran atau mempunyai sedikit pengetahuan dalam B2, ianya masih belum mencukupi untuk mempengaruhi pemerolehan dalam B3. Dalam kajian beliau, B1 iaitu BI dilihat lebih mempengaruhi pemerolehan BJ (B3) disebabkan persamaan yang wujud antara kedua-dua bahasa.

2.7 Cumulative Enhancement Model (CEM)

Kajian penyelidikan ini akan turut menggunakan teori CEM yang dikemukakan oleh Flynn, Foley dan Vinnitskaya (2004) dalam artikel yang bertajuk *The Cumulative-Enhacement Model for Language Acquisition: Comparing Adults' and Children's Patterns of Development in First, Second and Third Language Acquisition of Relative Clauses*.

Flynn, Foley dan Vinnitskaya (2004, hlm. 4) mengemukakan tentang beberapa pertanyaan seperti berikut dalam kajian mereka bagi menjawab persoalan kajian yang dikemukakan:

- 1) “Does all next language learning fundamentally derive from the learner’s L1?”
- 2) “Is it possible that language learning is a cumulative process?”
(Flynn, Foley, & Vinnitskaya, 2004, pg. 4).

- 1) "Adakah kesemua pembelajaran bahasa seterusnya pada asasnya memperoleh pengetahuan daripada B1 pelajar?"
- 2) "Adakah mungkin bahawa pembelajaran bahasa ialah satu proses yang kumulatif?" (Flynn, Foley, & Vinnitskaya, 2004, hlm. 4).

Soalan-soalan tadi adalah bertujuan menjawab persoalan kajian dalam artikel tersebut iaitu:

- 1) *Do the properties of the L1 grammar alone determine language learning in L3 development?*"
 - 2) *Can grammatical properties of all prior languages known potentially determine subsequent patterns?*"
(Flynn, Foley, & Vinnitskaya, 2004, pg. 6).
-
- 1) Adakah kandungan dalam tatabahasa B1 sahaja menentukan perkembangan pembelajaran bahasa B3?
 - 2) Bolehkah kandungan tatabahasa dalam kesemua bahasa-bahasa yang telah diketahui sebelumnya berpotensi menentukan corak-corak berikutnya?
(Flynn, Foley & Vinnitskaya, 2004, hlm. 6).

Berdasarkan soalan-soalan dan persoalan kajian yang telah dinyatakan di atas, Flynn, Foley dan Vinnitskaya (2004, hlm. 5) mengemukakan pertanyaan seterusnya:

"Does the language learner's L1 have a privileged role in all subsequent language acquisition? In other words, is there something 'special' about the learner's L1 even when a particular learner has acquired an L3 or L4 or Ln?"
(Flynn, Foley, & Vinnitskaya, 2004, pg. 5).

"Adakah B1 pelajar memainkan peranan istimewa di dalam kesemua pemerolehan bahasa seterusnya? Dalam erti kata lain, adakah terdapat sesuatu yang 'istimewa' tentang B1 pelajar, walaupun setelah sesetengah pelajar telah memperolehi B3 atau B4 atau bahasa seterusnya?"(Flynn, Foley, & Vinnitskaya, 2004, hlm. 5).

Menurut dapatan kajian yang telah diperoleh oleh Flynn, Foley dan Vinnitskaya (2004), B1 tidak memainkan peranan yang istimewa dalam pemerolehan B3. Mereka turut mengatakan bahawa pembelajaran bahasa adalah kumulatif dan kesemua pengetahuan bahasa yang sedia

ada berpotensi memberi pengaruh kepada perkembangan bahasa yang seterusnya. Oleh itu, B1 pelajar tidak memainkan peranan istimewa dalam pemerolehan bahasa selepas itu.

“Language learning is cumulative. All languages known can potentially influence the development of subsequent learning. The learner’s L1 does not play a privileged role in subsequent acquisition.”(Flynn, Foley & Vinnitskaya, 2004, pg. 5).

“Pembelajaran bahasa ialah kumulatif (terkumpul). Kesemua bahasa yang diketahui berpotensi memberi pengaruh kepada perkembangan bahasa seterusnya. B1 pelajar tidak memainkan peranan istimewa dalam pemerolehan bahasa yang seterusnya.” (Flynn, Foley & Vinnitskaya, 2004, hlm. 5).

Berikut adalah perbincangan berdasarkan data kajian oleh Flynn, Foley dan Vinnitskaya (2004) yang membandingkan penggunaan responden antara kanak-kanak dan orang dewasa dalam artikel ‘*The Cumulative-Enhacement Model for Language Acquisition: Comparing Adults’ and Children’s Patterns of Development in First, Second and Third Language Acquisition of Relative Clauses.*’

Data kajian pemerolehan B1 oleh responden kanak-kanak telah diambil daripada hasil kajian Flynn dan Lust (1981) yang mengkaji kanak-kanak monolingual dalam memperolehi bahasa Inggeris. Kajian tersebut telah menggunakan kaedah ajukan (*imitation method*), di mana pengkaji telah membandingkan produksi kanak-kanak dalam tiga jenis klausa relatif. Hasil kajian Flynn dan Lust (1981) ditunjukkan seperti dalam jadual 2.1 di bawah:-

Jadual 2.1: Penghasilan semula rumusan kajian pemerolehan B1 kanak-kanak dari Flynn dan Lust (1981) dipetik dari (Flynn, Foley & Vinnitskaya, 2004 hlm. 6)

| | |
|--|--|
| (1) <i>Lexically headed</i> , kepala dengan isi semantik | <i>Big Bird pushes the balloon [which bumps Ernie]</i> |
| (2) <i>Lexically headed</i> , kepala tanpa isi semantik | <i>Ernie pushes the thing [which touches Big Bird]</i> |
| (3) Relatif bebas | <i>Cookie Monster hits [what pushes Big Bird]</i> |

Berdasarkan kajian mereka dalam bahagian ini, keputusan kajian mendedahkan bahawa struktur Klausa relatif bebas dalam (3) adalah signifikan lebih produktif berbanding kedua-dua jenis *lexically headed* dalam (1) dan (2) dalam kumpulan umur kanak-kanak yang dikaji. Seterusnya, mereka menjelaskan lagi tentang kanak-kanak yang lebih banyak meniru dengan betul dalam ayat dengan struktur klausa relatif bebas secara lebih kerap berbanding ayat *lexically headed relative clause* dengan kandungan semantik (ayat 1) dan tanpa kandungan semantik (ayat 2). Contoh penjelasan ayat yang kerap digunakan oleh kanak-kanak ditunjukkan oleh mereka seperti di bawah:

'Big Bird pushes the balloon which bumps Ernie' they would often convert this sentence to 'Big Bird pushes what bumps Ernie'. (Flynn, Foley & Vinnitskaya, 2004, pg. 7).

'Big Bird pushes the balloon which bumps Ernie', mereka akan kerap tukarkan ayat ini kepada *'Big Bird pushes what bumps Ernie'*. (Flynn, Foley & Vinnitskaya, 2004, hlm. 7).

Kajian Flynn (1983, 1987) tentang pemerolehan B2 oleh orang dewasa yang telah menggunakan struktur-struktur klausa relatif yang sama dengan kajian pemerolehan B1 kanak-kanak Flynn dan Lust (1981). Kajian Flynn (1983, 1987) telah mengkaji penutur dewasa Jepun dan Sepanyol dalam mempelajari bahasa Inggeris dengan menggunakan

kaedah ajukan dan pemahaman sebagai kaedah eksperimental. Jenis kawalan eksperimental kajian B1 turut digunakan dalam kajian ini.

Menurut Flynn (1983, 1987), keputusan daripada kajian ini menunjukkan struktur klausa relatif bebas penutur B1 bahasa Jepun/B2 bahasa Inggeris adalah sama seperti kajian B1 kanak-kanak monolingual Flynn dan Lust (1981). Walau bagaimanapun, bagi penutur B1 bahasa Sepanyol/B2 bahasa Inggeris adalah sebaliknya. Keadaan ini dianggap suatu keputusan yang amat menarik oleh pengkaji dengan fakta bahawa penutur bahasa Sepanyol dan bahasa Jepun mempunyai kemahiran bahasa Inggeris yang sama dari semua tahap seperti yang telah ditentukan melalui Michigan Test.

Huraian ringkas tentang Michigan Test. *The Michigan English Test* (MET) ialah peperiksaan yang berasaskan standard tinggi-permulaan sehingga ke rendah-lanjutan sebagai bahasa asing (EFL). MET digunakan untuk mengukur kecekapan bahasa Inggeris dalam bidang sosial, pendidikan, dalam konteks di tempat kerja dan diiktiraf sebagai bukti dokumentasi rasmi dalam kebolehan BI di kalangan beberapa negara di seluruh dunia. MET mempunyai kepelbagai tahap dan peperiksaan modular. Seseorang pelajar boleh mengambil modul percakapan, modul mendengar/membaca, modul menulis atau gabungan daripada kesemua itu. Kebiasaannya, ujian akan sentiasa dikemaskini untuk memastikan peperiksaan menggambarkan kajian terkini dalam pengajaran bahasa dan penilaian. MET juga berterusan menyediakan pelajar yang mengambil ujian di mana ujian tersebut akan membantu mereka untuk menunjukkan kecekapan bahasa mereka. MET menyasarkan pelajar dalam tahap permulaan atas sehingga ke lanjutan bawah iaitu A2 sehingga C1 berasaskan kurikulum *Common European Framework of Reference* (CEFR). MET boleh digunakan untuk tujuan pendidikan, apabila selesai mengambil kursus bahasa Inggeris, atau untuk tujuan pekerjaan

seperti memohon sesuatu pekerjaan atau peluang kenaikan pangkat yang memerlukan kelayakan BI. Walau bagaimanapun, MET bukanlah ujian untuk mendapatkan tempat bagi pelajar-pelajar yang memohon kemasukan ke universiti dan kolej di Amerika Syarikat, Kanada atau United Kingdom. Mereka yang berminat dalam ujian kemasukan ke universiti atau kolej boleh mengambil ujian penilaian *Michigan English Language Assessment Battery* (MELAB) yang ditawarkan oleh CaMLA. MET hanya ditawarkan kepada orang dewasa dan remaja pada pendidikan peringkat menengah yang mahu mengukur tahap kecekapan BI dalam pelbagai konteks linguistik. Rumusan kajian B1 (Flynn dan Lust 1981) dan B2 Flynn (1983, 1987) ditunjukkan seperti Jadual 2.2 berikut:

Jadual 2.2: Penghasilan semula rumusan kajian pemerolehan B1 kanak-kanak dari Flynn dan Lust (1983, 1987) dipetik dari (Flynn, Foley & Vinnitskaya, 2004 hlm. 9).

| Bahasa sasaran | Kumpulan | Corak |
|--------------------------------|--|--|
| (1) Bahasa Inggeris sebagai B1 | Kanak-kanak | Relatif bebas mendahului <i>lexically headed</i> klausa relatif |
| (2) Bahasa Inggeris sebagai B2 | Orang dewasa, B1 bahasa Jepun (<i>head-final</i>) | Relatif bebas mendahului <i>lexically headed</i> klausa relatif |
| (3) Bahasa Inggeris sebagai B2 | Orang dewasa, B1 bahasa Sepanyol (<i>head-initial</i>) | Relatif bebas tidak mendahului <i>lexically headed</i> klausa relatif |

Flynn, Foley dan Vinnitskaya (2004) membuat kajian dalam membandingkan corak perkembangan pemerolehan bahasa pertama, kedua dan ketiga klausa relatif antara orang dewasa dan kanak-kanak yang mana responden kajian mempelajari bahasa Inggeris sebagai B3, B1 ialah bahasa Kazakh dan B2 ialah bahasa Rusia. Bahasa Kazakh merupakan bahasa cabang kiri (*left-branching language*) seperti bahasa Jepun, sedangkan bahasa Rusia merupakan bahasa cabang kanan (*right-branching language*) seperti bahasa Inggeris dan bahasa Sepanyol.

2.7.1 (B3) Bahasa Inggeris penutur dewasa

Menurut Flynn, Foley dan Vinnitskaya, hasil kajian penutur dewasa menyamai dapatan penutur B1 bahasa Sepanyol / B2 bahasa Inggeris. Keputusan ini adalah bertentangan dengan dapatan penutur B1 bahasa Jepun / B2 bahasa Inggeris. Mereka menyatakan keadaan sebaliknya ini mungkin berlaku kerana penutur kajian B1 bahasa Kazakh / B3 bahasa Inggeris mempunyai pengetahuan dengan bahasa Rusia sebagai B2.

2.7.2 (B3) Bahasa Inggeris kanak-kanak

Berlainan dengan apa yang telah diperolehi oleh penutur dewasa sebelum ini, didapati penutur kanak-kanak B1 bahasa Kazakh / B3 bahasa Inggeris adalah menyamai dapatan dari penutur B1 bahasa Jepun / B2 bahasa Inggeris dan B1 bahasa Inggeris kanak-kanak monolingual. Menurut Flynn, Foley dan Vinnitskaya (2004), dapatan kajian ini tidak dijangka sama sekali. Setelah analisis yang lebih mendalam terhadap penutur kanak-kanak tersebut dijalankan, ia menunjukkan ramai di kalangan mereka yang telah mempelajari bahasa Rusia dan bahasa Inggeris dalam jangka waktu yang hampir sama. Ini bermakna, mereka memperolehi dua bahasa kedua dalam masa yang sama. Selain itu, terdapat juga penutur kanak-kanak yang memiliki dua bahasa pertama iaitu bahasa Kazakh dan bahasa Rusia dan kemudiannya mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Kesimpulannya, Flynn, Foley dan Vinnitskaya mengatakan bahawa pengalaman atau pengetahuan dalam mana-mana bahasa sebelum ini boleh mempengaruhi pemerolehan bahasa seterusnya. Ini bermakna, B1 tidak memainkan peranan utama atau istimewa dalam pemerolehan bahasa-bahasa seterusnya.

Oleh itu, berdasarkan perbincangan kajian oleh Marie-Claude Tremblay (2006) dan model *The Cumulative Enhancement Model* (CEM) oleh Flynn, Foley dan Vinnitskaya (2004), pengkaji akan menggunakan kedua-duanya sebagai kerangka teoretikal kajian disertasi ini.

Pengkaji ingin mengetahui adakah corak susunan ayat-ayat BJ yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar Melayu lebih banyak dipengaruhi oleh BI seperti kajian oleh Marie-Claude Tremblay (2006) yang antaranya mengatakan bahawa fakta bahawa pelajar menganggap BI adalah lebih mempunyai persamaan dengan BJ telah mempengaruhi dalam pemerolehan bahasa. Sementara itu, berdasarkan model CEM pula, Flynn dan rakan-rakannya mengatakan bahawa pembelajaran bahasa adalah kumulatif dan B1 tidak memainkan peranan istimewa dalam pemerolehan bahasa-bahasa seterusnya. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji adakah B1 (BM) pelajar-pelajar Melayu di UiTM Shah Alam memainkan peranan penting ketika mereka belajar B3 iaitu BJ.

2.8 Struktur Ayat Bahasa Melayu (BM)

Asmah Haji Omar (2008, hlm. 4) menjelaskan tentang nahu iaitu nahu bermakna peraturan penyusunan kata menjadi ayat. Dan ayat mempunyai unsur-unsurnya, iaitu klausa, frasa dan kata. Apabila kita meneliti sesuatu ayat, sebenarnya kita meneliti pembentukan unsur-unsur berkenaan, dan dari situ melihat bagaimana perkaitan tiap-tiap satunya itu dengan yang lain. Kita akan lihat bahawa klausa mempunyai frasa sebagai unsurnya, frasa mempunyai kata sebagai unsurnya, dan kata pula terdiri daripada morfem. Secara keseluruhannya semuanya itu dikatakan unsur nahu.

Jadual 2.3 di bawah menunjukkan satu skema yang menerangkan dengan jelas urutan tatatingkat yang bermula dengan unit yang paling besar atau atas, iaitu ayat, dan berakhir dengan unit yang paling kecil, iaitu morfem.

Jadual 2.3: Penghasilan semula skema tatatingkat unit-unit nahu dari Asmah Haji. Omar (2008, hlm. 5)

| Urutan Tingkat | Unit Nahu |
|----------------|-----------|
| 1. | Ayat |
| 2. | Klausa |
| 3. | Frasa |
| 4. | Kata |
| 5. | Morfem |

Menurut Asmah (2008), berdasarkan jadual di atas dapat dilihat bahawa ayat menduduki peringkat yang paling atas, dan dengan itu ayat dikatakan merupakan unit nahu yang paling besar disebabkan semua unit lain terangkum di dalamnya. Ini bermakna bahawa di dalam kajian nahu, tidak ada peringkat yang lebih atas daripada ayat. Semua penelitian akan bertumpu pada peringkat yang paling atas. Daripada jadual tersebut juga kita dapat melihat bahawa morfem berada di peringkat yang paling bawah, dan dengan itu juga merupakan unit nahu yang paling kecil.

2.8.1 Subjek – Predikat

Menurut Asmah Haji Omar (2008, hlm. 8), bagi ayat dasar yang mudah perlu ada subjek dan predikat, dan hubungan antara keduanya adalah bersifat sintagmatik. Dengan itu, susunan subjek – predikat merupakan struktur ayat. Struktur predikat pula mungkin terhad kepada kata kerja, kata nama, atau kata sifat sahaja, dan mungkin juga lebih luas, iaitu kata kerja – adverba. Contoh ayat yang mengandungi subjek – predikat ditunjukkan seperti di bawah:

1. Loceng berbunyi.
2. Dia membunyikan loceng dengan nyaring.

Menurut Asmah, Ayat (1) di atas mempunyai predikat yang hanya terdiri daripada kata kerja sedangkan ayat (2) mempunyai predikat yang lebih luas iaitu kata kerja – adverba.

Asmah Haji Omar (2008, hlm. 9) turut menghuraikan tentang predikat iaitu ditakrifkan sebagai bahagian dalam proposisi yang menyatakan sesuatu samada mengiakan atau menafikan. Sementara subjek pula merupakan bahagian yang dihursti atau diceritakan oleh predikat. Dengan ayat mudahnya, predikat boleh ditakrifkan sebagai bahagian pernyataan (iaitu yang memberi sesuatu kenyataan atau maklumat) tentang subjek.

2.8.2 Pelaku – Perbuatan – (Objek) – (Adverba)

Asmah Haji Omar (2008, hlm. 9) mengatakan bahawa struktur ayat boleh juga dilihat dengan memberi tumpuan kepada makna yang dibawa oleh kategori atau kelas yang dianggotai oleh unit-unit itu. Dalam hal ini kita boleh menghasilkan struktur Pelaku – Perbuatan – Objek. Oleh itu, ayat (1) di atas iaitu ‘Loceng berbunyi’ boleh dikatakan terdiri daripada struktur Pelaku – Perbuatan, dan ayat (2) iaitu ‘Dia membunyikan loceng dengan nyaring’ adalah daripada Pelaku – Perbuatan – Objek – Adverba.

Seterusnya Asmah Haji Omar (2008, hlm. 198) turut menjelaskan tentang dua aliran yang membincangkan tentang pola ayat dalam kalangan ahli-ahli bahasa di dunia iaitu teori transformasi-generatif (TG) dan aliran sistemik –Fungsional. Asmah menjelaskan jika kita menerapkan teori transformasi-generatif (TG), maka pola ayat dasar bagi semua bahasa manusia di muka bumi ini hanyalah satu iaitu Frasa Nama – Frasa Kerja (FN - FK).

Kesimpulan yang dicapai oleh aliran pemikiran ini, khususnya pelopornya Noam Chomsky ialah dengan melihat bahasa-bahasa Indo-Eropah. Bahasa-bahasa dalam rumpun itu seperti bahasa Inggeris, Jerman, Perancis, Sweden dan sebagainya, tiap-tiap ayat mesti mempunyai kata kerja. Oleh itu, disebabkan teori ini diterapkan kepada semua bahasa di dunia, maka bahasa-bahasa yang tidak memerlukan kata kerja untuk membina ayat yang lengkap juga dikatakan pasti mempunyai kata kerja dalam struktur dalamannya. Menurut penulis lagi, berdasarkan teori TG, makauraian nahu bahasa Melayu oleh pakar-pakar yang menerapkan teori ini menetapkan bahawa pola ayat dasar bahasa Melayu ialah FN – FK. Contoh ayat:

- 1) Ali sedang makan nasi.

*FN → Ali, nasi
*KK → makan
*kbt → sedang

Terdapat pula ayat dalam bahasa Melayu yang tidak mempunyai sebarang kata kerja tetapi dianggap sebagai ayat yang baik dan betul seperti contoh berikut:

- 2) Bunga itu bunga anggerik.
- 3) Bunga itu cantik.

2.8.3 Jenis-Jenis Struktur Ayat BM

Menurut Arbak Othman (1985), ayat-ayat BM itu dapat dilihat dari sudut struktur. Maka ayat-ayat BM bolehlah dibahagikan jenis-jenisnya seperti berikut:

1. Ayat Selapis (mudah)
2. Ayat berlapis (majmuk)
3. Ayat berkait

1. Ayat Selapis (mudah)

Menurut Arbak Othman, ayat selapis merupakan ayat yang terbentuk dengan satu subjek (Sub) dan satu predikat (P). Oleh kerana ayat yang terbentuk dengan satu subjek yang diikuti pula dengan satu predikat itu berbagai-bagai pula bentuknya, perbezaan antara satu ayat dengan yang lain hendaklah dilihat pula dari segi jenis-jenis perkataan yang mengisi predikat ayat selapis itu. Oleh itu, ayat-ayat selapis boleh dibahagikan lagi jenis-jenis pecahannya kepada ayat setimpal (equatif), ayat aktif dan ayat pasif.

i) Ayat setimpal

Dalam ayat setimpal, peringkat ayat selapis mestilah terdiri daripada salah satu jenis perkataan yang berikut sebagai unsurnya yang utama iaitu nama, kata sifat, kopula *ada*, rangkai kata depan (sendi nama) seperti contoh-contoh ayat berikut:

- a) Subjek: Nama + Predikat: Nama
 - 1. Orang itu/guru.
 - 2. Ini/buku merah.
 - 3. Itu/motokar saya.
- b) Subjek: Nama + Predikat Sifat
 - 1. Perempuan itu/lampai.
 - 2. Air di situ/jernih.
 - 3. Budak itu/malas.
- c) Subjek: Nama + Predikat Ada
 - 1. Dia/tidak *ada*. Emak/*ada*.
 - 2. Sebuah bangunan/*ada* di situ.

Dalam ayat-ayat dengan pola yang sama ini kopula *ada* boleh mengambil peranan pencukup (komplemen) sesudahnya, seperti dalam ayat-ayat ini:

3. Kakak saya/ada *sebuah rumah* di kampung.
4. Bangunan itu/ada *lima bilik*.

Kalau dalam bahasa lisan yang bersahaja pula, ayat-ayat dengan pola di atas selalu disebut dengan pola yang disongsangkan, iaitu dengan meletakkan perkataan ada itu pada awal ayat. Misalnya:

1. Adapun/dia di rumah.
 2. Ada lima buah sekolah/di kampung itu.
- d) Subjek: Nama + Predikat: Frasa Depan
1. Adik kami/di Ipoh.
 2. Wang itu/pada saya.
 3. Kambing/di padang.
- ii) Ayat aktif

Menurut Arbak Othman (1985, hlm. 94), untuk mengenali ayat aktif, predikatnya mesti mengandungi kata kerja sebagai unsur utama predikatnya. Tambahan-tambahan lain jika ada hanya berfungsi sebagai keterangan. Kehadiran keterangan dalam ayat adalah tidak wajib.

Seterusnya, Arbak menerangkan lagi tentang ayat yang predikatnya mengandungi kata kerja yang berpenyambut (yang dikenali sebagai kata kerja transitif) dinamakan ayat aktif transitif. Manakala yang predikatnya mengandungi kata kerja yang tidak memerlukan penyambut (yang dikenali dengan istilah kata kerja tak transitif) dinamakan pula ayat aktif tak transitif. Menurut penulis, ayat aktif transitif ada dua jenis iaitu:

- a) Ayat aktif transitif dengan satu penyambut (Selepas ini disebut sebagai Peny).
- b) Ayat aktif transitif dengan dua penyambut.

Contoh-contoh ayat aktif transitif jenis a) iaitu yang mengandungi satu penyambut adalah seperti berikut:

1. Orang perempuan itu / menghisap rokok.
(Sub) **(KK)** **(P)**
2. Budak yang gemuk itu / membaiki kereta ayah saya.
(Sub) **(KK)** **(P)**
3. Beberapa orang kampung / menyaksikan kejadian kemalangan itu.
(Sub) **(KK)** **(P)**

Perbincangan diteruskan lagi dengan melihat kepada contoh-contoh ayat aktif transitif jenis b) iaitu yang mengandungi dua penyambut seperti berikut:

1. Ibu / menanak nenek bubur kanji.
(Sub) **(KK)** **(P)** **(Peny 1)**
2. Murid-murid darjah dua/menghadiahkan gurunya pen Parker.
(Sub) **(KK)** **(Peny 2)** **(Peny 1)**

iii) Ayat pasif

Ayat pasif adalah ayat yang mempunyai kata kerja pasif dalam predikatnya samada dinyatakan penyambut pelakunya ataupun tidak. Ayat-ayat pasif bahasa Malaysia boleh diterbitkan dengan dua pola iaitu pola subjek + predikat dan pola predikat + subjek.

a) Pola Subjek + Predikat

Ayat pasif boleh diterbitkan daripada ayat asalnya aktif transitif dengan mengalami perubahan subjek pelaku pada ayat aktif transitif menjadi penyambut dalam predikatnya iaitu samada dengan kehadiran *oleh* atau tanpanya sebelum penyambutnya. Contoh:

- 1) *Bayang-bayang* pun tidak *kelihatan* oleh *kami*.
(Sub sasaran) **(P)** **(Peny pelaku)**

- 2) *Budak itu kena pukul* oleh *emaknya*.
(Sub sasaran) **(P)** **(Peny pelaku)**

- 3) Tikus itu *ditangkap* kucing.
(P)

- 4) Buah itu *dibelinya* dua biji.
(P)

2.8.4 Jenis-jenis ayat BM

Seterusnya, pengkaji akan membincangkan tentang jenis-jenis ayat dan fungsinya secara ringkas untuk memudahkan pengkaji melihat perbezaan yang wujud antara penggunaan ayat BM dan BJ yang dilakukan oleh pelajar-pelajar UiTM ketika menjawab ujian bertulis.

Menurut Abdullah Hassan (2007, hlm. 188), berdasarkan makna yang disampaikan dalam ayat, ayat-ayat Melayu adalah seperti berikut:

1. Ayat Berita / Penyata / Keterangan
2. Ayat Tanya
3. Ayat Perintah
4. Ayat Seru

Menurut Abdullah Hassan lagi, di samping makna ayat tersebut, ayat-ayat tersebut disertai oleh pola intonasi tertentu yang menentukan ayat. Oleh itu, intonasi juga akan turut dibincangkan dalam menghuraikan jenis-jenis ayat.

1. Ayat Berita / Penyata

Ayat berita juga disebut ayat penyata atau ayat keterangan. Intonasi ayat berita mempunyai kontor intonasi menurun pada akhir ayat. Ayat berita ini adalah suatu pola dasar. Ayat pola dasar boleh dijadikan punca bagi ditransformasikan menjadi pola-pola lain yang bukan dasar tetapi masih mempunyai kontor berita yang sama. Sebagai contoh sebuah ayat yang mengandungi kata kerja transitif dalam binaan aktif masih mempunyai kontor intonasi yang sama apabila dipasifkan. Contoh ayatnya:

Pelajar itu membaca buku. (Ayat aktif)

Buku dibaca oleh pelajar itu. (Ayat pasif)

2. Ayat Tanya

Menurut Abdullah Hassan (2007, hlm. 189), ayat tanya lazimnya mempunyai kata tanya seperti *apa*, *siapa*, *bagaimana*, *mengapa*, *berapa* dan lain-lain. Ayat tanya begini mempunyai kontor intonasi yang mendatar sahaja. Ini dapat dilihat dalam contoh berikut:

Berapa harga buku ini?

Siapa nama encik?

Apa, dia datang?

Seterusnya, ayat tanya terdiri daripada dua jenis iaitu ayat tanya tanpa kata tanya dan jawapan ayat tanya.

i) Ayat Tanya Tanpa Kata Tanya

Ayat tanya yang tidak mempunyai kata tanya perlu diucapkan dengan intonasi akhir yang menaik. Ini bermaksud, nada pada akhir kontor itu ditinggikan. Ini dapat dilihat dalam contoh berikut:

Harga buku ini?

Nama encik?

ii) Jawapan Ayat Tanya

Ayat tanya digolongkan kepada dua iaitu ayat tanya yang memerlukan jawapan pendek “ya” atau “tidak”, dan ayat tanya yang memerlukan jawapan penuh. Memang sukar membuat penggolongan begini. Segala-galanya tergantung kepada konteks makna dan bukan kepada kontor intonasi atau ada atau tidaknya kata tanya. Walau bagaimanapun, lazimnya ayat tanya yang menggunakan kontor intonasi akhir menaik itu digunakan pada ayat penyata yang dijadikan ayat tanya. Ayat tanya demikian hanya memerlukan “ya” dan “tidak”. Contohnya seperti berikut:

Malaya diancam oleh komunis.

Menurut Abdullah Hassan lagi (2007, hlm. 190), ayat ini menjadi ayat penyata apabila diucapkan dengan intonasi akhir mendatar. Tetapi ayat ini menjadi ayat tanya apabila kata *komunis* diucapkan dengan intonasi akhir menaik. Ayat tanya demikian hanya memerlukan jawapan “ya” atau “tidak”. Sebaliknya, ayat tanya yang menggunakan kata tanya boleh dijawab dengan “ya” atau “tidak” dan juga jawapan penuh.

3. Ayat Perintah

Ayat perintah mempunyai nada akhir pada kontor intonasinya menurun. Intonasi akhir ayat perintah berbeza daripada intonasi akhir ayat penyata yang mempunyai intonasi akhir mendatar. Ayat perintah mempunyai intonasi yang ditegaskan. Ayat

perintah terdiri daripada lima jenis iaitu perintah biasa, minta, ajakan, larangan dan harapan. Antara contoh-contoh ayat perintah:

Berhenti

Masuklah

Bolehkah, dalam perjalanan pulang nanti anda belikan saya sekati gula

Mari kita bermain

Jangan merokok

4. Ayat seru

Abdullah Hassan (2007, hlm. 192) mengatakan bahawa ayat seru lazimnya tidak sempurna dan menyatakan perasaan sedih, suka, gembira, duka, terkejut, marah, hairan dan lain-lain. Ayat seru lazimnya ditandai dengan kata-kata seperti *amboi, aduh, cih, wah*, dan lain-lain. Intonasinya juga diberi tanda penegasan pada kata-kata seru tersebut. Lazimnya penegasan tersebut lebih tinggi daripada tekanan perintah. Ayat perintah dan seru berbeza daripada segi makna dan maksudnya. Antara contoh-contoh ayat seru:

Syabas ! Atas kejayaan anda.

Pergi !

Peritnya ! Sakit gigi ini.

Aduhai ! Nasib badan.

Berdasarkan penerangan ringkas tentang jenis-jenis ayat dalam BM di atas, pengkaji akan memberi tumpuan terhadap ayat berita / penyata dan ayat tanya kerana dua jenis ayat tersebut akan dianalisis oleh pengkaji dalam bab empat nanti.


2.9 Struktur Ayat BJ

Dalam bahagian ini pengkaji akan membincangkan tentang struktur ayat penyata dan ayat tanya dalam BJ.

2.9.1 Struktur Ayat Penyata dan Ayat Tanya BJ

Dalam bahagian ini pengkaji akan membincangkan struktur ayat BJ dalam bentuk ayat penyata dan ayat tanya yang asas sahaja. Pengkaji mengambil contoh perbezaan struktur ayat kedua-dua bahasa kerana BI dan BJ berada di dalam kumpulan bahasa yang sama iaitu bahasa Germanik. Berikut diuraikan secara ringkas beserta contoh-contoh susunan ayat asas BJ yang dipelajari oleh para pelajar Melayu di UiTM Shah Alam.

1. Ayat Penyata




Susunan ayatnya ialah *S-V-O* iaitu subjek-kata kerja-objek.

Struktur ayat OVS juga terdapat dalam BJ, tetapi untuk kajian ini hanya struktur ayat SVO yang diambil kira. Ini dibincangkan dengan lebih mendalam di 2.9.2.


2. Ayat Tanya

- Ayat Tanya yang bermula dengan kata Tanya (bagaimana, apa, siapa, di mana dll).



Susunan ayat ialah *Wh-Question-V-S* iaitu kata tanya-kata kerja-subjek.

b) Ayat Tanya dengan kata kerja / soalan ya-tidak.




Susunan ayatnya ialah *V-S-O* iaitu kata kerja-subjek-objek.

Kesimpulannya, walau bagaimana susunan perkataan dalam susunan ayat dalam BJ, kedudukan kata kerja (*verb*) sentiasa berada di posisi kedua dan keadaan ini menunjukkan susunan ayat BJ adalah lebih variabel dan fleksibel jika dibandingkan dengan susunan ayat BI. Oleh itu, pengkaji ingin memperjelaskan bahawa susunan ayat-ayat BJ yang akan dianalisis dan dikaji dalam bab-bab seterusnya terutamanya Bab 4 adalah jenis-jenis ayat mudah dan asas iaitu ayat penyata dan ayat tanya yang bermula dengan kata-kata pertanyaan dan kata kerja.


2.9.2 Perbandingan susunan ayat asas BJ, BI dan BM

Seterusnya pengkaji akan menerangkan struktur ayat asas BJ dan membandingkannya dengan susunan ayat BI dan juga BM. Bagi ayat klausa utama mudah (*simple main clause*), ayat dalam BJ adalah sama sahaja seperti BI dan BM. Contoh ayat:




Tidak seperti BI, susunan ayat dalam ayat klausa utama mudah (*simple main clause*) juga boleh disusun dalam susunan ayat yang berbeza untuk menekankan sesuatu selain subjek

dengan meletakkannya di hadapan, selagi kata kerja yang telah dikonjugasi kekal di posisi kedua seperti contoh ayat di bawah:




Contoh ayat yang telah diterjemah ke dalam BI dan BM di atas adalah secara harfiah. Setelah ayat BJ disusun secara berbeza, kata kerja ‘*kaufe*’ masih berada di posisi kedua. Di dalam BJ ayat i) di atas adalah betul, tetapi bila diterjemah, ayat BI dan BM agak kurang tepat. Bila disusun secara betul ayat dalam BI menjadi ‘*In the Tesco Supermarket I buy the bread*’ dan ayat BM adalah ‘Di pasaraya Tesco saya membeli roti’. Susunan ayat yang betul sepatutnya seperti berikut ‘Penggunaan kata kerja BI dan BM iaitu ‘buy’ dan ‘membeli’ berada di posisi ketiga ayat. Contoh ayat BJ dengan susunan yang lain pula ditunjukkan di mana kata kerja masih tetap berada di posisi kedua iaitu:




Berdasarkan contoh susunan ayat BI dan BM secara harfiah di atas, ayat dalam BI dan BM berubah maknanya sama sekali di mana ayat BI menjadi ‘*The bread buy I in the Tesco Supermarket*’ dan BM ‘Roti membeli saya di Pasaraya Tesco’. Namun, ayat BJ dengan kata kerja ‘*kaufe*’ tetap kekal berada di posisi kedua adalah difahami dan betul sekiranya dibaca oleh penutur BJ.

Selain itu, terdapat juga contoh susunan ayat yang mengandungi *compound verb* iaitu mengandungi kata kerja utama (*main verb*) dan kata kerja bantu (*helping verb*), BI selalunya meletakkan kedua-duanya bersama. Namun dalam BJ kata kerja yang telah dikonjugasi mestilah berada di kedudukan atau posisi kedua, sementara kata kerja yang satu lagi akan sentiasa berada di posisi akhir ayat seperti contoh yang diberikan. Terjemahan secara harfiah dalam BI dan BM ditunjukkan sekali di bawah:




Jika dilihat daripada contoh ayat i) di atas, kata kerja bantu BJ ‘werde’ dan kata kerja utama ‘lesen’ sentiasa berada dalam posisi kedua dan terakhir ayat.



Begitu juga dengan ayat ii) di atas yang diubah sedikit dengan objek ‘Das Buch’ diletakkan di permulaan ayat. Kata kerja bantu ‘werde’ dan kata kerja utama ‘lesen’ masih sama sentiasa berada dalam posisi kedua dan terakhir ayat. Seterusnya penjelasan penggunaan kata kerja ‘werde’ dan ‘lesen’ ditunjukkan dengan lebih jelas seperti di bawah:

I will read the book soon.

Ich werde das Buch bald lesen.




The book will I soon read.

Das Buch **werde** ich bald **lesen**.



Bagi susunan ayat tanya pula, konjugasi kata kerja juga akan sentiasa berada di posisi kedua.

Contoh ayat tanya dalam BJ adalah seperti berikut:



Berdasarkan perbincangan ringkas yang telah dinyatakan di atas, perbezaan struktur ayat antara BM dan BJ agak jauh berbeza di mana BM dilihat agak bebas dalam penggunaan perkataan ketika menyusun sesuatu ayat sementara susunan perkataan dalam ayat BJ agak tersusun dan sistematis dengan syarat kata kerja sentiasa berada dalam posisi kedua baik dalam ayat penyata maupun ayat soal yang menggunakan kata tanya.

Disebabkan belum ada kajian susunan perkataan (*word order*) B3 dalam BJ yang mengkaji susunan ayat BJ secara mendalam, maka pengkaji amat berminat untuk mengkaji topik ini. Secara tidak langsung ianya boleh memberi sumbangan kecil untuk meningkatkan lagi pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam bidang pemerolehan BJ di Malaysia.

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan tentang kerangka teoretikal, sampel kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data kajian, persembahan data kajian dan kesimpulan.

3.2 Kerangka Teoretikal

Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan dan analisis data-data untuk penyelidikan iaitu data-data kajian yang terdiri daripada soal selidik dan kertas ujian bertulis. Fokus utama kajian adalah kertas ujian bertulis di mana pengkaji akan menganalisis, menghurai dan memahami data-data yang terkumpul.

Kajian penyelidikan ini akan menggunakan model yang dipelopori oleh Flynn, Foley dan Vinnitskaya (2004) iaitu *Cumulative Enhancement Model* atau singkatannya CEM dan juga kajian oleh Marie-Claude Tremblay (2006). Model CEM mengatakan bahawa pembelajaran bahasa adalah kumulatif dan B1 tidak memainkan peranan istimewa dalam pemerolehan bahasa-bahasa seterusnya. Data-data kajian Flynn, Foley dan Vinnitskaya diambil daripada tahun-tahun yang berbeza antara responden kanak-kanak dan orang dewasa. Sementara Marie-Claude Tremblay pula dalam kajiannya mengatakan bahawa B1 (BI) lebih banyak mempengaruhi pelajar ketika pemerolehan B3 (BJ) berbanding B2 (BP) kerana persamaan tipologi yang wujud antara kedua-dua bahasa.

Pengkaji telah membincangkan secara mendalam tentang model CEM oleh Flynn, Foley dan Vinnitskaya serta kajian oleh Marie-Claude Tremblay dalam bab 2 sebelum ini. Sila rujuk 2.7 dan 2.8.

Kesimpulan daripada hasil dapatan kajian yang diperoleh oleh Flynn, Foley dan Vinnitskaya (2004) dalam artikel mereka tersebut mengatakan bahawa pengalaman atau pengetahuan dalam mana-mana bahasa sebelum ini boleh mempengaruhi pemerolehan bahasa seterusnya. Ini bermakna, B1 atau bahasa ibunda tidak memainkan peranan istimewa atau memberi pengaruh dalam pemerolehan bahasa seterusnya. Sementara Tremblay (2006) pula mengatakan bahawa keputusan kajiannya dalam artikel '*Cross-Linguistic Influence in Third Language Acquisition: The Role of L2 Proficiency and L2 Exposure*' menunjukkan bahawa B1 lebih mempengaruhi pembelajaran B3 pelajar kerana kedua-dua bahasa iaitu BI dan BJ mempunyai lebih persamaan berbanding BP.

Berdasarkan rumusan yang diperoleh daripada ringkasan perbincangan model CEM oleh Suzanne Flynn, Claire Foley dan Inna Vinnitskaya (2004) dan kajian Marie-Claude Tremblay (2006), pengkaji akan mengkaji dan melihat sekiranya pemerolehan B1 responden iaitu bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu di UiTM Shah Alam mempunyai peranan istimewa atau memberi pengaruh ketika mereka belajar BJ sebagai B3, ataukah B2 iaitu BI yang lebih banyak mempengaruhi pelajar-pelajar ketika mereka mempelajari B3.

3.3 Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada 30 pelajar yang belajar bahasa Jerman di tahap III (*Level III*) pada semester Mac hingga Julai 2014. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada dua fakulti iaitu 15 responden daripada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR) dan selebihnya 15 responden pula daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia (FKK). 13 responden adalah pelajar perempuan dan 17 responden adalah pelajar lelaki. Kesemua pelajar-pelajar ini berasal dari semenanjung Malaysia dan tiada responden dari Sabah atau Sarawak. Purata umur responden pula adalah 22 tahun. Berdasarkan soal selidik, tiada penguasaan bahasa-bahasa lain selain bahasa

Malaysia, bahasa Inggeris dan bahasa Jerman oleh kesemua 30 responden. Latar belakang tentang responden dari segi umur, fakulti, keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris ditunjukkan dengan lebih jelas dalam jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1: Maklumat latar belakang responden.

| Responden | Umur | Fakulti | Keputusan SPM Bahasa Malaysia (BM) | Keputusan SPM Bahasa Inggeris (BI) |
|------------------|-------------|----------------|---|---|
| R1 | 22 | FSSR | B | C |
| R2 | 22 | FSSR | B | D |
| R3 | 24 | FSSR | A1 | A2 |
| R4 | 22 | FSSR | B | C |
| R5 | 22 | FSSR | A | B |
| R6 | 22 | FSSR | A | C |
| R7 | 22 | FSSR | A | B |
| R8 | 22 | FSSR | B | B |
| R9 | 22 | FSSR | A | C |
| R10 | 24 | FSSR | A2 | A2 |
| R11 | 23 | FSSR | A1 | A2 |
| R12 | 23 | FSSR | A | B |
| R13 | 22 | FSSR | B | E |
| R14 | 22 | FSSR | A | B+ |
| R15 | 22 | FSSR | A | B |
| R16 | 21 | FKK | A+ | A+ |
| R17 | 22 | FKK | A | A |
| R18 | 22 | FKK | A+ | A |
| R19 | 22 | FKK | A | A- |
| R20 | 22 | FKK | A | A |
| R21 | 21 | FKK | A | A |
| R22 | 21 | FKK | A+ | A |
| R23 | 24 | FKK | A2 | A2 |
| R24 | 23 | FKK | A2 | A1 |
| R25 | 23 | FKK | A1 | A2 |
| R26 | 23 | FKK | A2 | A2 |
| R27 | 21 | FKK | A | B |
| R28 | 21 | FKK | A | A |
| R29 | 21 | FKK | A+ | A |
| R30 | 21 | FKK | A+ | B+ |

Berdasarkan jadual 3.1 di atas, terdapat dua responden yang tidak memperoleh kepujian dalam keputusan BI di peringkat SPM. Dua responden tersebut ialah R2 dan R13 di mana keputusan BI mereka adalah D dan E. Ini disebabkan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka di UiTM tidak menitik beratkan keputusan BI pelajar-pelajar mereka kerana lebih memberatkan

keputusan pelajar yang cemerlang dalam subjek lukisan. Kesemua pelajar yang diambil adalah mereka yang berjaya melepassi ujian-ujian yang dikendalikan di peringkat fakulti sebelum proses kemasukan pelajar dilakukan. Ujian yang perlu diambil itu ialah Ujian Melukis dan ujian Buta Warna serta sesi temuduga.

Seterusnya, sampel kajian diambil daripada pelajar-pelajar yang belajar bahasa Jerman di tahap III sahaja kerana pelajar-pelajar di tahap tersebut lebih banyak menguasai kosa kata berbanding pelajar-pelajar tahap I dan II. Seperti pelajar-pelajar tahap I dan II, tempoh pembelajaran para pelajar tahap III adalah satu semester. Ini bermakna selama 14 minggu pembelajaran mereka belajar B3 sebanyak 28 jam pertembungan sahaja untuk satu semester. Pensyarah hanya berjumpa dengan pelajar sekali sahaja dalam minggu. Pelajar-pelajar UiTM hanya perlu belajar dua jam seminggu bahasa elektif. Oleh itu, penguasaan kosa kata mereka tidaklah banyak dan tidak kuat seperti pelajar yang belajar empat jam seminggu bahasa elektif di sesetengah universiti awam yang lain yang mewajibkan kehadiran empat jam seminggu.

Bagi pelajar yang belajar bahasa Jerman di tahap III di UiTM Shah Alam, mereka belajar dua bab di dalam buku teks ‘*Studio d*’ yang digunakan iaitu bab enam dan lapan. Kedua-dua bab itu bertajuk ‘*Arbeiten in Leipzig*’ (Bekerja di Leipzig) dan ‘*Berlin sehen*’ (Melihat/Melawat Berlin). Lampiran muka hadapan buku teks ‘*Studio d*’ dan muka surat pertama bagi kedua-dua bab disertakan.

3.4 Instrumen Kajian

Terdapat dua jenis instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji iaitu borang soal selidik, soalan ujian bertulis beserta skema pemarkahan.

3.4.1 Borang Soal Selidik

Soalan-soalan dalam borang soal selidik terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian pertama berkaitan dengan latar belakang pelajar dan bahagian kedua berkenaan pemahaman dan minat bahasa ketiga yang dipelajari. Bagi soalan bahagian pertama, soalan-soalan melibatkan latar belakang pelajar iaitu jantina, umur, bangsa, kelayakan masuk ke UiTM, latar belakang persekolahan (sekolah menengah), pengetahuan bahasa (pengetahuan bahasa lisan dan penulisan), peperiksaan kemasukan ke universiti yang diambil, keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan keputusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) sekiranya ada. Bagi soalan-soalan bahagian pertama ini responden hanya perlu menanda dan memberi jawapan secara ringkas.

Sementara bahagian kedua ialah berkenaan pemahaman dan minat bahasa ketiga yang dipelajari. Soalan soal selidik bahagian kedua ini terdiri daripada dua bahagian. Dalam bahagian A dan B, responden perlu menulis jawapan yang berkaitan dengan pemahaman B3 yang dipelajari. Dalam bahagian A, responden perlu menjawab soalan-soalan seperti kenapa memilih belajar BJ, apakah bahasa lain yang diminati selain BJ dan sumber rujukan pelajar apabila belajar BJ.

Bagi bahagian B, responden perlu membulatkan jawapan dan menjawab secara ringkas tentang pendapat pelajar berkenaan dengan BJ yang dipelajari iaitu dari segi aspek bahasa Jerman yang paling sukar untuk difahami, bahasa yang paling hampir dengan bahasa Jerman

dari aspek fonetik, morfologi dan sintaksis dan kemahiran bahasa yang mana satu yang lebih mudah dikuasai dalam BJ, iaitu mendengar, menulis, membaca atau bertutur.

3.4.2 Ujian Bertulis

Kaedah penilaian ujian-ujian merangkumi penilaian berterusan (40%) dan penilaian akhir (60%). Penilaian berterusan terdiri daripada ujian-ujian aktiviti bahasa (Kuiz atas talian {*Online Quiz*}) sebanyak dua kali dan ujian bertulis), ujian lisan I iaitu ujian bacaan dan ujian pendengaran I. Setiap ujian-ujian tersebut mengandungi pecahan peratusan iaitu aktiviti bahasa sebanyak 20%, ujian bacaan 10% dan ujian pendengaran juga 10%. Markah untuk penilaian berterusan sebanyak 40% ini perlu dimaklumkan kepada pelajar-pelajar sekurang-kurangnya pada minggu ke-13 kuliah. Sementara penilaian akhir sebanyak 60% pula terdiri daripada ujian pendengaran II, ujian lisan II iaitu sesi soal dan jawab (*question and answer session*) sebanyak 10 soalan dan projek bahasa yang terdiri daripada penulisan skrip dan rakaman video. Pecahan pemarkahan iaitu ujian pendengaran II sebanyak 10%, ujian lisan II sebanyak 20% dan projek bahasa sebanyak 30%. Keseluruhan pemarkahan bagi penilaian akhir ialah 60%. Jadual 3.2 di bawah disenaraikan penilaian berterusan (100%) dan pecahan peratusan dengan lebih jelas.

Jadual 3.2: Senarai Jenis Penilaian (100%) dan pecahan peratusannya.

| Jenis Penilaian (100%) | | | |
|------------------------|---------------------------------|------|----------------------------|
| Bil. | Penilaian berterusan (40%) | Bil. | Penilaian akhir (60%) |
| 1. | Aktiviti Bahasa:- | 1. | Ujian Pendengaran II (10%) |
| | • Kuiz atas Talian 2 X 5% (10%) | | Ujian Lisan II (20%) |
| | • Ujian Bertulis (10%) | 3. | • Soal dan Jawab |
| 2. | Ujian Lisan I | | Projek Bahasa:- |
| | • Bacaan (10%) | | • Penulisan Skrip (10%) |
| 3. | Ujian Pendengaran I (10%) | | • Rakaman Video (20%) |

Bagi soalan ujian bertulis, soalan-soalannya terdiri daripada tiga bahagian iaitu membina soalan, menyusun ayat dan menjawab soalan. Bahagian Satu kertas soalan adalah *Fragesätze* (ayat/soalan interogasi), bahagian Dua ialah *Sätze bilden* (membina ayat) dan bahagian Tiga adalah *Antworten* (jawapan).

Bahagian Satu melibatkan soalan ayat tanya (*interrogative sentence*) di mana para pelajar perlu menulis dua jenis soalan iaitu soalan yang bermula dengan kata-kata pertanyaan (*Wh questions*) seperti (*bagaimana, apa, siapa dan di mana*) dan soalan yang bermula dengan kata kerja atau soalan *ya/tidak* (*verb questions atau yes/no questions*). Seterusnya untuk Bahagian Dua, pelajar perlu membina ayat dengan menyusun perkataan-perkataan dan mengkonjugasi kata kerja berdasarkan subjek yang diberi. Soalan yang diberi tidak berdasarkan susunan ayat (subjek-kata kerja-objek {SVO}) dan para pelajar perlu menyusun berdasarkan susunan ayat SVO tersebut. Untuk soalan bahagian ini, penekanan terhadap susunan ayat amat penting kerana jika pelajar banyak melakukan kesalahan menyusun ayat, banyak markah akan ditolak. Bahagian Tiga kertas soalan ialah menjawab soalan. Soalan bahagian ini dianggap senang kerana pelajar hanya perlu menjawab secara terus berdasarkan soalan yang diberi. Soalan pada bahagian ini juga ada kaitan dengan soalan pada bahagian Satu iaitu pelajar perlu memberi jawapan berdasarkan pernyataan biasa dan pernyataan yang bermula dengan jawapan ya atau tidak.

Bahagian Satu kertas ujian ini mengandungi tujuh soalan, Bahagian Dua terdiri daripada enam soalan dan Bahagian Tiga pula mengandungi tujuh soalan. Ini menjadikan keseluruhan jumlah soalan adalah 20. Kertas soalan ujian bertulis merangkumi 10 peratus daripada keseluruhan pemarkahan. Jadual 3.3, 3.4 dan 3.5 menyenaraikan soalan-soalan yang ditanya dalam Bahagian Satu, Bahagian Dua dan Bahagian Tiga.

Jadual 3.3: Soalan Ujian Bertulis Bahagian Satu

| No. | Soalan-soalan |
|-----|---|
| 1. | <p>_____?</p> <p><i>Susan Heim arbeitet bei ALDI in Stuttgart.</i> Susan Heim bekerja dengan ALDI di Stuttgart. ‘Susan Heim bekerja dengan syarikat ALDI di Stuttgart.’</p> |
| 2. | <p>_____?</p> <p><i>Nein, der Konferenzraum liegt in der dritten Etage links.</i> Tidak, Bilik Persidangan terletak di tingkat tiga sebelah kiri. ‘Tidak, Bilik Persidangan terletak di tingkat tiga sebelah kiri.’</p> |
| 3. | <p>_____?</p> <p><i>Die Touristen gehen am Abend ins Theater.</i> Pelancong-pelancong pergi pada waktu petang ke teater. ‘Pelancong-pelancong pergi pada waktu petang ke teater.’</p> |
| 4. | <p>_____?</p> <p><i>Nein, Karin braucht 25 Minuten mit der U-Bahn.</i> Tidak, Karin memerlukan 25 Minit dengan keretapi bawah tanah. ‘Tidak, Karin memerlukan 25 minit dengan menaiki keretapi bawah tanah.’</p> |
| 5. | <p>_____?</p> <p><i>Der Empfang liegt im Erdgeschoss.</i> Kaunter Pertanyaan terletak di tingkat bawah. ‘Kaunter pertanyaan terletak di tingkat bawah.’</p> |
| 6. | <p>_____?</p> <p><i>Ja, ich fahre eine halbe Stunde mit dem Auto.</i> Ya, saya memandu setengah jam dengan kereta. ‘Ya, saya mengambil masa setengah jam dengan menaiki kereta.’</p> |
| 7. | <p>_____?</p> <p><i>Nein, Herr Brenner arbeitet in einer Buchhandlung in Leipzig.</i> Tidak, Encik Brenner bekerja di sebuah kedai buku di Leipzig. ‘Tidak, Encik Brenner bekerja di sebuah kedai buku di Leipzig.’</p> |

Jadual 3.4: Soalan Ujian Bertulis Bahagian Dua

| No. | Soalan-soalan |
|-----|---|
| 1. | die Kantine / suchen / Sebastian (Kantin / mencari / Sebastian) |
| 2. | sein / die Redaktion / neben / dem Parkplatz (adalah / Pejabat Penerbitan / bersebelahan / tempat meletak kenderaan) |
| 3. | gehen / Daniela und ihr Freund / am Abend / das Stadttor / durch (pergi / Daniela dan teman lelakinya / pada waktu senja / pintu gerbang kota / melalui) |
| 4. | um 11 Uhr / das Parlament / Frau und Herr Fischer / besichtigen (pada pukul 11 / Parlimen / Puan dan Encik Fischer / melawat) |

| | |
|----|---|
| 5. | sein / hinter / dem Sofa / der Autoschlüssel (adalah / di belakang / Sofa / kunci kereta) |
| 6. | zwischen / dem Buch und der Tastatur / die Brille / stehen (di antara / buku dan papan kekunci / cermin mata / terletak) |

Jadual 3.5: Soalan Ujian Bertulis Bahagian Tiga

| No. | Soalan-soalan |
|-----|---|
| 1. | Wann besuchen die Touristen das Parlament ? Bilakah melawat pelancong-pelancong bangunan Parlimen ? 'Bilakah pelancong-pelancong itu melawat bangunan Parlimen ?' |
| 2. | Liegt die Personalabteilung vor dem Sekretariat ? Terletak Jabatan Personal di hadapan Sekretariat ? 'Adakah Jabatan Personel terletak di hadapan Sekretariat ?' |
| 3. | Wie fahren die Studenten zum Stadion ? Bagaimana pergi pelajar-pelajar ke Stadium ? 'Bagaimanakah pelajar-pelajar itu pergi ke Stadium ?' |
| 4. | Wohin gehen Klaus und seine Freundin am Nachmittag ? Ke manakah pergi Klaus dan kawan perempuannya pada waktu petang ? 'Ke mana kah Klaus dan kawan perempuannya pergi pada waktu petang ?' |
| 5. | Gehst du zu Fuß zum Reichstag ? Pergi awak dengan kaki ke bangunan Parlimen ? 'Adakah awak berjalan kaki pergi ke bangunan Parlimen ?' |
| 6. | Wo sind die Toiletten ? Di mana adalah tandas ? 'Di manakah tandas ?' |
| 7. | Hat das Verlagshaus kein Café ? Adakah Pejabat Penerbitan tiada Café ? 'Tiadakah Café di Pejabat Penerbitan ?' |

Kesemua soalan bertulis adalah soalan-soalan berbentuk masa kini (*present tense*).

Disebabkankekangan masa kerana pelajar-pelajar ini cuma belajar dua jam seminggu selama 14 minggu per semester, mereka tidak berpeluang untuk belajar BJ di peringkat yang lebih tinggi seperti melibatkan kala lepas dan kala akan datang.

Skema jawapan dan pemarkahan untuk kertas ujian bertulis tahap III terbahagi juga kepada tiga bahagian iaitu Bahagian Satu (*Fragesätze*), Bahagian Dua (*Sätze Bilden*) dan Bahagian Tiga (*Antworten*). Pemarkahan yang diberi adalah sama untuk ketiga-tiga bahagian iaitu setiap soalan yang dijawab dengan betul akan diberikan 2 markah dan dalam setiap satu kesalahan, setengah markah akan ditolak. Ini bermakna, sekiranya pelajar melakukan kesalahan sebanyak empat kali dalam satu soalan, tiada markah akan diberikan. Jika terdapat dua jawapan bagi setiap soalan pula, pelajar tersebut juga tidak akan mendapat sebarang markah. Markah penuh bagi Bahagian Satu ialah 14, Bahagian Dua ialah 12 dan Bahagian Tiga ialah 14. Markah keseluruhan adalah 40 dan peratusan keseluruhan pula adalah 10.

3.5 Prosedur Pengumpulan Data Kajian

Data dikumpul daripada 30 pelajar berbangsa Melayu daripada dua fakulti iaitu Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR) dan Fakulti Kejuruteraan Kimia (FKK), selepas mereka menduduki Ujian Bertulis.

3.5.1 Borang Soal Selidik

Borang soal selidik diedarkan selepas responden selesai menduduki ujian bertulis. Borang soal selidik yang diedarkan kepada responden terdiri daripada dua bahagian. Bahagian pertama adalah soalan-soalan tentang latar belakang diri responden dan bahagian kedua adalah berkenaan pemahaman B3 yang dipelajari. Sebelum kertas soal selidik diedarkan, pengkaji terlebih dahulu memberitahu tujuan borang soal selidik diedarkan dan meminta persetujuan responden untuk menjawab kertas soalan. Pengkaji juga ada mengatakan bahawa sekiranya mereka tidak mahu terlibat sebagai responden, mereka boleh menarik diri. Kesemua 30 responden yang dipilih untuk menjawab kertas soal selidik bersetuju untuk mengambil bahagian.

3.5.2 Ujian Bertulis

Ujian bertulis diadakan semasa minggu kuliah kesebelas di dalam kelas. Tempoh masa ujian itu adalah 45 minit. Kertas soalan mengandungi satu set soalan berwarna biru. Susun atur kerusi dan meja diasingkan supaya para pelajar tidak berpeluang untuk meniru. Pengkaji kekal berada dalam kelas semasa ujian bertulis ini diadakan. Seramai 50 pelajar daripada dua fakulti tersebut menduduki ujian bertulis. 20 pelajar daripada FSSR dan 30 pelajar daripada FKK. Ujian bertulis untuk FSSR diadakan pada hari Isnin dan FKK pada hari Rabu minggu kuliah yang sama. Pengkaji memberitahu responden sebahagian kertas soalan ujian bertulis akan digunakan untuk dibuat kajian penyelidikan. Tujuan pengkaji berbuat demikian ialah untuk mengekalkan kepekaan semulajadi (*natural awareness*) terhadap bahan kajian.

3.6 Persembahan Data Kajian

Data-data kajian yang diperolehi daripada ketiga-tiga Bahagian Satu, Bahagian Dua dan Bahagian Tiga ditunjukkan dalam bentuk jadual dan graf.

3.6.1 Pengelasan Data atau Jawapan Pelajar

Data atau jawapan pelajar dikelaskan kepada betul atau salah dalam bentuk jadual iaitu ditunjukkan dalam bentuk dua jadual berasingan dalam tiga bahagian. Susunan ayat atau jawapan yang betul ditunjukkan dahulu. Kemudiannya, barulah susunan ayat atau jawapan salah yang dilakukan oleh pelajar disenaraikan dalam bentuk jadual yang lain (Sila rujuk jadual 4.1 hingga 4.20). Bilangan responden dan setiap susunan ayat yang salah diberikan formula dalam bentuk VSO, WhSO, VOVO, SOVO, SO dan sebagainya.

3.6.2 Pengiraan Kesilapan

Pengiraan kesilapan juga ditunjukkan dalam bentuk jadual iaitu jenis-jenis susunan ayat yang salah disenaraikan beserta dengan bilangan responden yang melakukan kesalahan dalam susunan ayat beserta huraian. (Sila rujuk jadual 4.21 hingga 4.40).

3.6.3 Ayat yang bagaimana dikira salah

Pengkaji telah dapat mengenal pasti bentuk susunan ayat salah yang dilakukan oleh responden iaitu:

- 1) Susunan ayat tanya
- 2) Penggunaan dua kata kerja dalam susunan ayat
- 3) Penggunaan kata kerja sebelum subjek dalam ayat penyata
- 4) Pengguguran kata kerja dalam susunan ayat
- 5) Penggunaan dua subjek dalam susunan ayat
- 6) Pemisahan ayat objek menjadi dua bahagian yang berbeza.

Berdasarkan bentuk kesalahan susunan ayat yang dilakukan oleh responden seperti yang tersenarai di atas, kesalahan dalam 1) susunan ayat tanya dan 4) pengguguran kata kerja dalam susunan ayat mempunyai pengaruh yang lebih hampir dengan B1 iaitu BM. Sementara kesalahan dalam 1) susunan ayat tanya, 2) penggunaan dua kata kerja dalam susunan ayat dan 3) penggunaan kata kerja sebelum subjek dalam ayat penyata mempunyai pengaruh lebih hampir dengan B2 iaitu BI. Sementara bentuk kesalahan 5) Penggunaan dua subjek dalam susunan ayat dan 6) Pemisahan ayat objek menjadi dua bahagian yang berbeza lebih kepada faktor kemanusiaan iaitu kecuaian dan tiada komitmen untuk belajar ketika berada di dalam kelas.

3.6.4 Bagaimanakah ditentukan bahasa yang mempengaruhi susunan ayat BJ yang dihasilkan

Penentuan sama ada B1 (BM) atau B2 (BI) responden yang mempengaruhi susunan ayat BJ yang dihasilkan dibincangkan dalam perbincangan persoalan kajian 3, dapatan dan perbincangan dapatan.

Dalam perbincangan persoalan kajian 3, pengkaji mengenal pasti jenis-jenis kesalahan susunan ayat yang dilakukan oleh responden. Huraian terperinci diberikan beserta contoh-contoh ayat yang telah dianalisis untuk melihat samada kesalahan susunan ayat BJ yang dilakukan mempunyai pengaruh BM atau BI. Kemudiannya, hasil dapatan kajian yang diperolehi disenaraikan supaya lebih jelas untuk difahami. Terdapat dua kesalahan susunan ayat B1 atau BM yang pengkaji dapat kenal pasti iaitu susunan ayat tanya dan pengguguran kata kerja dalam susunan ayat. Manakala kesalahan susunan ayat disebabkan oleh pengaruh B2 atau BI lebih ketara iaitu sebanyak tiga kesalahan yang dikenalpasti iaitu selain terdapat juga kesalahan dalam susunan ayat tanya, dua kesalahan lain adalah penggunaan dua kata kerja dalam susunan ayat dan penggunaan kata kerja sebelum subjek dalam ayat penyata.

Akhir sekali dalam perbincangan dapatan, pengkaji turut menghuraikan faktor-faktor yang menyebabkan responden melakukan kesalahan dalam susunan ayat samada pengaruh BM atau BI yang dapatannya bersamaan dengan hasil kajian lepas oleh Flynn, Foley dan Vinnitskaya (2004) serta Tremblay (2006).

3.7 Kesimpulan

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah disebabkan pengkaji sudah lama memerhatikan kesalahan-kesalahan yang sama dilakukan oleh pelajar-pelajar dalam menyusun ayat, baik ayat tanya ataupun ayat pernyata BJ. Masalah tersebut sentiasa berulang setiap semester dan pengkaji ingin mengetahui apakah gangguan atau pengaruh yang menyebabkan pelajar-pelajar tidak dapat menghasilkan ayat BJ yang betul dan sempurna. Adakah terdapatnya pengaruh bahasa atau pengaruh lain ketika pelajar menjawab soalan ujian bertulis BJ dan sekiranya ada pengaruh bahasa-bahasa, bahasa manakah yang paling memberi pengaruh samada bahasa ibunda (B1) atau bahasa Inggeris (B2). Oleh itu, Bab 4 iaitu bab seterusnya akan menjawab persoalan kajian penyelidikan ini.

BAB 4: PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini menyenaraikan keputusan ujian bertulis yang telah dijalankan dan membincangkan dapatan kajian yang dikumpulkan.

4.2 Keputusan Ujian

Bahagian ini membincangkan secara keseluruhan tentang prestasi pelajar-pelajar ketika menjawab soalan ujian bertulis. Responden seramai 30 orang tersebut terdiri daripada 15 orang pelajar Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR) sementara 15 orang lagi terdiri daripada pelajar Kejuruteraan Kimia (FKK).

Jumlah pemarkahan dalam kertas ujian bertulis BJ adalah 40, tetapi peratusan kertas ujian bertulis hanyalah 10 peratus daripada jumlah keseluruhan peratusan pemarkahan. Graf 4.1 di bawah menunjukkan keputusan markah keseluruhan ujian bagi soalan Bahagian 1 hingga 3 responden daripada kedua-dua fakulti.

4.2.1 Keputusan markah dan peratusan yang diperolehi


Jadual 4.1 di bawah adalah keputusan yang diperolehi oleh 30 responden daripada FSSR dan FKK dengan jumlah pemarkahan sebanyak 40 yang bersamaan dengan 10%.

Jadual 4.1: Keputusan markah dan peratusan FSSR dan FKK

| Responden | Fakulti | Markah (40) | Peratus diperolehi (10%) |
|-----------|---------|-------------|--------------------------|
| R1 | FSSR | 26 | 6.5 |
| R2 | FSSR | 34 | 8.5 |
| R3 | FSSR | 28.5 | 7.1 |
| R4 | FSSR | 23.5 | 5.9 |
| R5 | FSSR | 22.5 | 5.6 |
| R6 | FSSR | 25.5 | 6.4 |
| R7 | FSSR | 23 | 5.8 |
| R8 | FSSR | 28.5 | 7.1 |
| R9 | FSSR | 22.5 | 5.6 |
| R10 | FSSR | 21 | 5.3 |
| R11 | FSSR | 21 | 5.3 |
| R12 | FSSR | 20 | 5 |
| R13 | FSSR | 20 | 5 |
| R14 | FSSR | 17 | 4.3 |
| R15 | FSSR | 16 | 4 |
| R16 | FKK | 32 | 8 |
| R17 | FKK | 27.5 | 6.9 |
| R18 | FKK | 33 | 8.3 |
| R19 | FKK | 34 | 8.5 |
| R20 | FKK | 37 | 9.3 |
| R21 | FKK | 30 | 7.5 |
| R22 | FKK | 39 | 9.8 |
| R23 | FKK | 35 | 8.8 |
| R24 | FKK | 37 | 9.3 |
| R25 | FKK | 35.5 | 8.9 |
| R26 | FKK | 37.5 | 9.4 |
| R27 | FKK | 36.5 | 9.1 |
| R28 | FKK | 31.5 | 7.9 |
| R29 | FKK | 35.5 | 8.9 |
| R30 | FKK | 38 | 9.5 |

4.2.2 Keputusan ujian keseluruhan

Bahagian ini membincangkan keputusan ujian bertulis iaitu keputusan markah keseluruhan yang diperolehi oleh pelajar yang dikategorikan di bawah antara cemerlang, baik, sederhana dan lemah seperti yang ditunjukkan dalam Graf 4.1 berikutnya.



Graf 4.1: Keputusan markah keseluruhan


Berdasarkan Graf 4.1 di atas, didapati hampir keseluruhan responden boleh menjawab kertas ujian bertulis dan memperoleh markah yang cemerlang dan baik. Terdapat seramai 14 responden memperoleh markah cemerlang antara 31-40 iaitu sebanyak 7.5-10%. Sementara 12 responden mendapat markah yang baik iaitu antara 21-30 iaitu peratusan antara 5 hingga 7.5%. Seterusnya, hanya empat responden mendapat markah yang sederhana iaitu 11 hingga 20 iaitu antara 2.5 sehingga 5%. Tiada responden yang mendapat markah yang lemah iaitu antara 0 hingga 10 (0 sehingga 2.5%).

4.2.3 Keputusan ujian keseluruhan mengikut bahagian

4.2.3.1 Keputusan Keseluruhan Soalan Bahagian Satu

Soalan-soalan untuk Bahagian Satu adalah berkaitan dengan aktiviti membina soalan. Terdapat dua jenis soalan yang perlu dibina iaitu ayat tanya yang bermula dengan kata-kata pertanyaan (apa, bagaimana, siapa, di mana, ke mana dan sebagainya) atau ayat tanya yang

bermula dengan kata kerja di hadapan ayat. Graf 4.2 di bawah menunjukkan keputusan keseluruhan pelajar yang menyusun ayat soalan Bahagian Satu dengan betul dan salah.



Graf 4.2: Bilangan pelajar yang menyusun ayat dengan Betul dan Salah Bahagian Satu

Berdasarkan Graf 4.2 di atas, keputusan keseluruhan pelajar yang menyusun ayat untuk kesemua tujuh soalan Bahagian Satu adalah memuaskan. Soalan 1, 3 dan 5 memperlihatkan keputusan yang baik di mana terdapat ramai pelajar yang boleh menjawab soalan-soalan tersebut iaitu peratusannya antara 66.7% hingga 86.7%. Bagi soalan 1, bilangan pelajar yang menjawab dengan betul adalah ramai iaitu 26 responden atau 80% berbanding dengan mereka yang salah sebanyak 6 orang iaitu 20%. Sementara soalan 3 pula adalah seramai 20 responden yang menjawab dengan betul iaitu peratusan sebanyak 66.7% dan 10 responden yang salah iaitu sebanyak 33.33%. Seterusnya untuk soalan 5, bilangan pelajar yang menjawab dengan betul adalah yang paling tinggi iaitu seramai 26 orang iaitu sebanyak 86.67% dan hanya 4 orang yang menjawab dengan salah iaitu 13.33%. Hanya soalan 4 menunjukkan bilangan pelajar yang menjawab dengan betul adalah kurang berbanding

dengan bilangan yang salah iaitu sebanyak 11 orang betul dengan peratus paling rendah sebanyak 36.67% berbanding 19 orang yang salah iaitu 63.33%. Keputusan untuk soalan ini menunjukkan bahawa soalan ini adalah sukar dan tidak sampai separuh daripada 30 responden yang boleh menjawab soalan ini dengan betul. Sementara soalan 6 dan 7 pula menunjukkan bilangan pelajar yang menjawab dengan betul dan salah adalah sama bilangannya iaitu sebanyak 15 responden atau 50%.

4.2.3.2 Perbincangan Persoalan Kajian 1

Bahagian ini akan membincangkan persoalan kajian pertama iaitu ‘bagaimakah susunan ayat BJ yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar Melayu?’ Dalam bahagian ini pengkaji menyenaraikan ayat-ayat salah yang dihasilkan oleh responden. Ayat-ayat yang salah tersebut akan ditunjukkan dalam bentuk jadual dan seterusnya huriaian dan perbincangan kesalahan-kesalahan ayat yang dilakukan oleh responden. Jadual-jadual yang ditunjukkan berikutnya adalah perbandingan susunan ayat yang betul dan salah oleh responden dalam ketiga-tiga bahagian kertas ujian bertulis.

Jadual 4.2: Susunan ayat yang betul soalan 1 Bahagian Satu

| Ayat | Formula susunan ayat betul |
|--|----------------------------|
| Wo arbeitet Susan Heim? (Wh) (V) (S) Di mana bekerja Susan Heim? 'Di manakah Susan Heim bekerja'? | (Wh-V-S) |

Formula susunan ayat yang betul bagi soalan 1 Bahagian Satu dalam jadual di atas adalah Wh-V-S (Wh-question-Verb-Subject).

Jadual 4.3: Susunan ayat yang salah soalan 1 Bahagian Satu

| Bil. | Responden (R) | Ayat | Formula susunan ayat salah |
|------|---------------|-------------------------------|----------------------------|
| 1. | R4 | Wie Susan Heim bei arbeitet ? | Wh-S-O-V |
| 2. | R13 | - | - |
| 3. | R14 | Was Susan Heim arbeitet ? | Wh-S-V |
| 4. | R15 | Wie Susan Heim arbeite ? | Wh-S-V |

Berdasarkan jadual 4.3 di atas, terdapat 4 responden yang melakukan kesalahan menyusun ayat soalan 1 Bahagian Satu. Daripada 4 responden tersebut, terdapat seorang responden yang tidak menjawab langsung soalan iaitu responden ke 13 (R13). Sementara dua responden lagi iaitu R14 dan R15 pula salah menyusun ayat iaitu dengan meletakkan subjek sebelum kata kerja dan formula susunan ayatnya menjadi Wh-S-V. R4 memasukkan kata sendi ‘bei’ yang bermaksud ‘dengan’ atau ‘di’ dalam susunan ayat dan ayatnya menjadi Wh-S-O-V iaitu ‘Wie Susan Heim bei arbeitet?’. R4 itu telah memasukkan perkataan ‘bei’ yang diambil daripada jawapan yang telah diberikan iaitu ‘Susan Heim arbeitet bei ALDI in Stuttgart’ (Susan Heim bekerja dengan syarikat ALDI di Stuttgart’), yang mana tidak perlu dilakukan.

Jadual 4.4: Susunan ayat yang betul soalan 2 Bahagian Satu

| Ayat | Formula susunan ayat betul |
|--|----------------------------|
| <p>Liegt der Konferenzraum in der zweiten Etage links? (V) (S) (O) Terletak Bilik Persidangan di tingkat dua sebelah kiri? ‘Adakah Bilik Persidangan terletak di tingkat dua sebelah kiri?’</p> | V-S-O |

Susunan ayat dalam jadual 4.4 di atas adalah ayat tanya yang bermula dengan kata kerja dan formulanya ialah Verb-Subject-Object (VSO).

Jadual 4.5: Susunan ayat yang salah soalan 2 Bahagian Satu

| Bil. | Responden (R) | Ayat | Formula susunan ayat salah |
|------|---------------|--|----------------------------|
| 1. | R1 | Ist der Konferenzraum liegt in der eine Etage links? | V-S-V-O |
| 2. | R3 | Der Konferenzraum liegt in der zweiten Etage links? | S-V-O |
| 3. | R6 | Ist lieght der Konferenzraum in der zweiten Etage links? | V-V-S-O |
| 4. | R9 | Was der Konferenzraum liegt in der vierten Etage links ? | Wh-S-V-O |
| 5. | R10 | Wo ist der Konferenzraum ? | Wh-V-O |
| 6. | R13 | Der Konferenzraum leigt in der vierten Etage links ? | S-V-O |
| 7. | R14 | Was Konferenzraum liegt in der dritten ? | Wh-S-V-O |
| 8. | R15 | Was der Konferenzraum liegt in der zwitter Etage ? | Wh-S-V-O |
| 9. | R17 | Ist liegt der Konferenzraum in der dritten Etage links ? | V-V-S-O |
| 10. | R18 | Ist der Konferenzraum liegt in der vierten Etage links ? | V-S-V-O |
| 11. | R19 | Ist der Konferenzraum liegt in der zweiten Etage links ? | V-S-V-O |
| 12. | R20 | Das liegt Konferenzraum in der zweiten Etage links ? | O-V-S-O |
| 13. | R21 | Ist der Konferenzraum liegt in der zweiten Etage links ? | V-S-V-O |
| 14. | R28 | Das liegt Konferenzraum in der zweiten Etage links ? | O-V-S-O |

Daripada Jadual 4.5 di atas, terdapat ramai responden yang salah menyusun ayat soalan 2 ini.

Seramai 14 responden yang salah melakukannya. Terdapat empat responden membina ayat tanya yang bermula dengan kata tanya iaitu R9, R10, R14 dan R15 di mana mereka menggunakan kata tanya ‘Was’ (apa) dan ‘Wo’ (di mana) sedangkan soalan ini adalah soalan yang bermula dengan kata kerja yang memerlukan responden menjawab ‘Ya’ atau ‘Tidak’.

Terdapat satu lagi kesalahan yang kerap dilakukan oleh responden iaitu menggunakan dua kata kerja dalam satu ayat dan ini adalah salah dalam BJ. Kesalahan susunan ayat yang menggunakan dua kata kerja dalam ayat ini boleh dilihat pada R1, R6, R17, R18, R19 dan

R21. Mereka seperti keliru apabila menggunakan kedua-dua kata kerja ‘*Ist*’ (adalah) dan ‘*liegt*’ (terletak) dalam susunan ayat. Kesalahan sedemikian berlaku kerana terdapatnya pengaruh B2 (BI) ketika mereka membina ayat dalam BJ. Sepatutnya mereka hanya perlu memilih salah satu kata kerja tersebut. Lain-lain kesalahan yang dilakukan oleh responden lain ketika menyusun ayat soalan 2 ini ialah dengan meletakkan subjek dan objek di kedudukan pertama ayat.

Jadual 4.6: Susunan ayat yang betul soalan 3 Bahagian Satu

| Ayat | Formula susunan ayat betul |
|---|----------------------------|
| Wohin gehen die Touristen am Abend? (Wh) (V) (S) (O) Ke mana pergi pelancong-pelancong pada waktu malam? ‘Ke mana pelancong-pelancong pergi pada waktu malam?’ | Wh-V-S-O |

Susunan ayat betul untuk soalan 3 Bahagian Satu yang berbentuk ayat tanya dan bermula dengan kata pertanyaan seperti dalam Jadual 4.6 di atas ialah ‘*Wohin gehen die Touristen am Abend?*’. Formula susunannya ialah Wh-(Wh-question)-Verb(V)-Subject(S)-Object(O).

Jadual 4.7: Susunan ayat yang salah soalan 3 Bahagian Satu

| Bil. | Responden (R) | Ayat | Formula susunan ayat salah |
|------|---------------|---|----------------------------|
| 1. | R5 | Gehst die Touristen zum Theater ? | V-S-O |
| 2. | R7 | Gehen sie die Tauristen ? | V-S-O |
| 3. | R9 | Wer die Touristen gehen ins Theater ? | Wh-S-V-O |
| 4. | R10 | Wo sind Touristen gehen Sie ? | Wh-V-S-V-S |
| 5. | R13 | Ich gehen am Abend ins Theater ? | S-V-O |
| 6. | R14 | Wie die Touristen gehen ins Theater ? | Wh-S-V-O |
| 7. | R15 | Wier die Touristen gehen am Abend ins Theater ? | Wh-S-V-O |
| 8. | R18 | Wo die Touristen gehen am Abend ? | Wh-S-V-O |
| 9. | R21 | Wann das die touristen gehen ins Theater ? | Wh-O-S-V-O |
| 10. | R25 | Wann die Touristen gehen ins Theater ? | Wh-S-V-O |

Berdasarkan Jadual 4.7 di atas, terdapat 10 responden yang membuat kesalahan menyusun ayat untuk soalan 3 Bahagian Satu. Daripada 10 responden di atas, hampir kebanyakan responden meletakkan kesalahan perkataan subjek ‘*Die Touristen*’ di posisi kedua dalam ayat. Sepatutnya kata kerja ‘*gehen*’ yang diletakkan di posisi kedua dalam ayat. Selain itu, terdapat tiga responden melakukan kesalahan apabila menjawab soalan 3 ini dengan ayat yang bermula dengan kata kerja iaitu R5 dan R7 sehingga susunan ayat tersebut menjadi ayat tanya ya atau tidak.

Jadual 4.8: Susunan ayat yang betul soalan 4 Bahagian Satu

| Ayat | Formula susunan ayat betul |
|---|----------------------------|
| <i>Braucht Karin 30 Minuten mit der U-Bahn?</i> (V) (S) (O) Perlukah Karin 30 minit dengan keretapi bawah tanah ? ‘Adakah Karin memerlukan masa 30 minit dengan menaiki keretapi bawah tanah?’ | V-S-O |

Susunan ayat yang betul untuk soalan 4 seperti dalam Jadual 4.8 di atas ialah ‘*Braucht Karin 30 Minuten mit der U-Bahn?*’. Formula susunan ayatnya ialah Verb(V)-Subject(S)-Object(O). Jadual 4.9 di bawah pula adalah analisis kesalahan ayat-ayat yang dilakukan oleh responden.

Jadual 4.9: Susunan ayat yang salah soalan 4 Bahagian Satu

| Bil. | Responden (R) | Ayat | Formula susunan ayat salah |
|------|---------------|--|----------------------------|
| 1. | R1 | Ist Karin Braucht 30 Minuten mit der U-Bahn? | V-S-V-O |
| 2. | R3 | Karin mit der U-Bahn braucht 30 Minuten? | S-O-V-O |
| 3. | R5 | Hat das Karin braucht 15 Minuten? | V-O-S-V-O |
| 4. | R6 | Ist braucht Karin 20 Minuten mit der U-Bahn? | V-V-S-O |
| 5. | R9 | Was Karin braucht 40 Minuten mit der U-Bahn? | Wh-S-V-O |
| 6. | R10 | Ich braucht 25 Minuten mit der U-Bahn? | S-V-O |
| 7. | R11 | Hat das Karin braucht 30 Minuten mit der U-Bahn? | V-O-S-V-O |
| 8. | R12 | Wohin Karin 24 Minuten mit der U-Bahn? | Wh-S-O |
| 9. | R13 | Karin braucht 25 Minuten mit dem Bus? | S-V-O |
| 10. | R14 | Was Karin braucht 30 Minuten mit der U-Bahn? | Wh-S-V-O |
| 11. | R15 | Was Karin braucht 20 Minuten mit der U-Bahn? | Wh-S-V-O |
| 12. | R17 | Sind Sie braucht der U-Bahn um 1 Uhr? | V-S-V-O |
| 13. | R18 | Ist Karin braucht 15 Minuten mit der U-Bahn? | V-S-V-O |
| 14. | R19 | Das braucht Karin 20 Minuten mit der U-Bahn? | O-V-S-O |
| 15. | R20 | Das braucht Karin 15 Minuten mit der U-Bahn? | O-V-S-O |
| 16. | R21 | Ist Karin braucht 40 Minuten mit der U-Bahn? | V-S-V-O |
| 17. | R23 | Das braucht Karin 10 Minuten mit der u-Bahn? | O-V-S-O |
| 18. | R27 | Das braucht Karin 20 Minuten mit der U-Bahn? | O-V-S-O |
| 19. | R28 | Karin braucht 20 Minuten mit der U-Bahn? | S-V-O |

Berdasarkan Jadual 4.9 di atas, terdapat lebih daripada separuh responden yang melakukan kesalahan dalam menjawab soalan 4. Bilangannya adalah ramai, iaitu sebanyak 19 orang. Empat responden telah membina ayat yang bermula dengan kata pertanyaan iaitu R9, R12, R14 dan R15. Sementara terdapat juga responden yang meletakkan dua kata kerja dalam ayat iaitu R1, R5, R6, R11, R17, R18 dan R21. Mereka menggunakan dua kata kerja iaitu ‘*ist*’ (adalah) dan ‘*braucht*’ (memerlukan). Kesalahan seterusnya ialah terdapat segelintir responden yang memecahkan ayat objek kepada dua. Ayat objek dalam soalan 4 ini ialah ‘*30 Minuten mit der U-Bahn*’. Ayat objek tersebut sepatutnya menjadi satu dan tidak boleh dipecahkan. Terdapat seramai enam responden iaitu R3, R5, R19, R20, R23 dan R27 yang memecahkan ayat objek kepada dua posisi. Jawapan yang diberi dalam kertas soalan adalah ‘*Nein, Karin braucht 25 Minuten mit der U-Bahn*’. Ayat objeknya ialah ‘*25 Minuten mit der U-Bahn*’. Ayat objek yang diberi agak panjang dan ini menyebabkan terdapat responden yang keliru dengan ayat tersebut sehingga menyebabkan mereka memisahkannya menjadi dua posisi.

Jadual 4.10: Susunan ayat yang betul soalan 5 Bahagian Satu

| Ayat | | | Formula susunan ayat betul |
|--|--|--|----------------------------|
| Wo liegt der Empfang ? (Wh) (V) (S) Di mana terletak kaunter pertanyaan ? ‘Di manakah terletaknya kaunter pertanyaan ?’ | | | Wh-V-S |

Jadual 4.10 di atas adalah susunan ayat yang betul untuk soalan 5 Bahagian Satu. Ayatnya ialah ‘*Wo liegt der Empfang?*’ dan formula susunan ayat ialah Wh (wh-question)-Verb(V)-Subject(S). Jadual 4.11 seterusnya menunjukkan susunan ayat yang salah untuk soalan 5 yang dilakukan oleh responden.

Jadual 4.11: Susunan ayat yang salah soalan 5 Bahagian Satu

| Bil. | Responden (R) | Ayat | Formula susunan ayat salah |
|------|---------------|-------------------------------|----------------------------|
| 1. | R9 | Wie der Empfang liegt? | Wh-S-V |
| 2. | R11 | Hat das liegt im Erdgeschoss? | V-O-V-O |
| 3. | R14 | Wo der Empfang liegt? | Wh-S-V |
| 4. | R15 | Wie der Empfang Etage? | Wh-S-O |

Berdasarkan Jadual 4.11 di atas, tidak ramai responden yang melakukan kesalahan dalam menyusun ayat bagi soalan 5 Bahagian Satu tersebut. Hanya empat responden yang melakukan kesalahan iaitu R9, R11, R14 dan R15. Terdapat dua responden yang meletakkan perkataan subjek sebelum kata kerja iaitu R9 dan R14. Manakala R11 pula seperti tidak memahami soalan apabila tiada penggunaan kata tanya dalam ayat dan susunan ayatnya VOVO adalah salah. Jika dilihat susunan ayat yang dilakukan oleh R11 iaitu VOVO, responden itu meletakkan dua kata kerja utama (*main verbs*) seperti ayat dalam BI. Contohnya seperti yang dilakukan oleh R11, ‘*Hat das liegt im Erdgeschoss*’. Penggunaan dua kata kerja utama ‘*hat*’ dan ‘*liegt*’ dalam ayat tersebut adalah salah kerana dalam susunan ayat asas BJ tidak boleh meletakkan dua kata kerja utama. Kekeliruan ini timbul kerana terdapat juga pengaruh BI iaitu penggunaan *continuous tense*. Contoh *continuous tense* adalah penggunaan kata kerja *verb to be + ing*. Contoh penggunaan *continuous tense* adalah seperti *I am talking*, *He is going* dan sebagainya. Hanya struktur ayat asas BJ dengan kata kerja modal (*modal verbs*) sahaja boleh mempunyai dua kata kerja. R15 pula tidak meletakkan perkataan kata kerja langsung dalam ayat dan sudah tentu ia menjadi kesalahan besar kerana BJ adalah bahasa yang mewajibkan adanya kata kerja dalam ayat apabila belajar secara formal. Ayat yang salah itu ialah ‘*Wie der Empfang Etage?*’

Jadual 4.12: Susunan ayat yang betul soalan 6 Bahagian Satu

| Ayat | Formula susunan ayat betul |
|---|----------------------------|
| <p><i>Fahren Sie eine halbe Stunde mit dem Auto ?</i> (V) (S) (O) Memandu anda setengah jam dengan kereta ? ‘Adakah anda mengambil masa setengah jam memandu kereta ?’</p> | V-S-O |

Jadual 4.12 di atas adalah susunan ayat yang betul untuk soalan 6 Bahagian Satu kertas ujian bertulis. Susunan ayat yang betul ialah ‘*Fahren Sie eine halbe Stunde mit dem Auto?*’ Formula susunan ayatnya ialah Verb(V)-Subject(S)-Object(O). Sementara Jadual 4.13 di bawah adalah susunan ayat soalan 6 yang salah yang dihasilkan oleh responden.

Jadual 4.13: Susunan ayat yang salah soalan 6 Bahagian Satu

| Bil. | Responden (R) | Ayat | Formula susunan ayat salah |
|------|---------------|---|----------------------------|
| 1. | R1 | Ist Sie fahre eine halbe Stunde mit dem Auto? | V-S-V-O |
| 2. | R3 | Ich fahre eine halbe Stunde mit dem Auto? | S-V-O |
| 3. | R4 | Halbe Stunde mit dem Auto? | O |
| 4. | R5 | Hat fahrt du eine halbe Stunde mit dem Auto? | V-V-S-O |
| 5. | R6 | Ist eine Halbe Stunde fahre mit dem Auto? | V-O-V-O |
| 6. | R7 | Sind Sie fahre eine halbe Stunde mit dem Auto? | V-S-V-O |
| 7. | R9 | Wie fahre eine halbe Stunde mit dem Auto? | WH-V-O |
| 8. | R10 | Ich fahre eine halbe Stunde mit dem Auto? | S-V-O |
| 9. | R11 | Wie fahren eine halbe Stunde mit dem Auto? | Wh-V-O |
| 10. | R12 | Was mit dem Auto eine halbe Stunde? | Wh-O |
| 11. | R13 | Ich fahre eine halbe Stunde mit dem Auto? | S-V-O |
| 12. | R14 | Wer fahre Halbe Stunde mit dem Auto? | Wh-V-O |
| 13. | R15 | Was komms fahre eine halbe Stunde mit dem Auto? | Wh-V-V-O |
| 14. | R18 | Ist Sie fahren eine halbe Stunden mit dem Auto? | V-S-V-O |
| 15. | R21 | Ist du fahre eine halbe Stunde mit dem Auto? | V-S-V-O |

Berdasarkan Jadual 4.13 di atas, terdapat lima responden meletakkan kata pertanyaan dalam ayat iaitu ‘Wie’ (bagaimana), ‘Was’ (apa) dan ‘Wer’ (siapa) yang sepatutnya jenis ayat ini ialah ayat tanya yang bermula dengan kata kerja ‘fahren’ (memandu). Lima responden tersebut adalah R9, R11, R12, R14 dan R15. Kesalahan-kesalahan lain ialah meletakkan dua kata kerja di mana terdapatnya pengaruh BI dalam ayat iaitu dilakukan oleh R1, R5, R6, R7, R18 dan R21. Terdapat tiga responden yang membina ayat dengan meletakkan subjek di hadapan kata kerja seperti ayat penyata.

Jadual 4.14: Susunan ayat yang betul soalan 7 Bahagian Satu

| Ayat | | | Formula susunan ayat betul |
|---|--|--|----------------------------|
| Arbeitet Herr Brenner in einer Bank in Leipzig? (V) (S) (O) | | | V-S-O |
| Bekerja Encik Brenner di sebuah Bank di Leipzig? 'Adakah En. Brenner bekerja di sebuah Bank di Leipzig?' | | | |

Jadual 4.14 di atas menyenaraikan ayat tanya yang bermula dengan kata kerja dan soalannya ialah ‘Arbeitet Herr Brenner in einer Bank in Leipzig?’ Formula susunan ayatnya ialah Verb(V)-Subject(S)-Object(O). Jadual berikutnya 4.15 menunjukkan bilangan responden yang melakukan kesalahan dalam soalan 7 Bahagian Satu.

Jadual 4.15: Susunan ayat yang salah soalan 7 Bahagian Satu


| Bil. | Responden (R) | Ayat | Formula susunan ayat salah |
|------|---------------|---|----------------------------|
| 1. | R1 | Ist Herr Brenner arbeitet in einer Buchhandlung in Stuttgart? | V-S-V-O |
| 2. | R3 | Herr Brenner arbeitet in einer Buchhandlung in Dutch? | S-V-O |
| 3. | R5 | Hat das arbeit Herr Brenner in einer Buchhandlung in Stuttgart? | V-O-V-S-O |
| 4. | R6 | Ist arbeitet Herr Brenner in einer Shah Alam in Selangor? | V-V-S-O |
| 5. | R7 | Das arbeitet Herr Brenner in Commerzbank in Leipzig? | O-V-S-O |
| 6. | R9 | Was Herr Brenner arbeitet in einer Buchhandlung in Stuttgart? | Wh-S-V-O |
| 7. | R10 | Herr Brenner arbeitet in einer Uni? | S-V-O |
| 8. | R11 | Was Herr Brenner arbeitet in einer Buchhandlung in Stadion? | Wh-S-V-O |
| 9. | R13 | Herr Brenner arbeitet in keine Café in Leipzig? | S-V-O |
| 10. | R14 | Was Herr Brenner arbeitet in Buchhandlung in Leipzig? | Wh-S-V-O |
| 11. | R15 | Was? | Wh |
| 12. | R17 | Sind Herr Brenner arbeitet in einer Changlun in Kedah? | V-S-V-O |
| 13. | R18 | Ist Herr Brenner arbeitet bei der Commerzbank in Leipzig? | V-S-V-O |
| 14. | R19 | Herr arbeitet Brenner in einen Verlagshaus in Leipzig? | S-V-S-O |
| 15. | R21 | Ist Herr Brenner arbeitet in der Verlagshaus in Leipzig? | V-S-V-O |

Berdasarkan Jadual 4.15 di atas, terdapat separuh daripada bilangan responden yang melakukan kesalahan iaitu seramai 15 orang. Terdapat empat responden membuat kesalahan dengan menyusun ayat tanya dengan kata tanya di hadapan ayat iaitu R9, R11, R14 dan R15. Selebihnya melakukan kesalahan yang sama seperti soalan-soalan sebelum ini iaitu meletakkan dua kata kerja ketika menyusun ayat. Ramai juga responden yang melakukan kesalahan meletakkan dua kata kerja dalam susunan ayat ini iaitu R1, R5, R6, R17, R18 dan R21. Seperti yang telah diterangkan dalam Bab dua berkenaan struktur ayat BJ, BI dan BM sebelum ini, ayat asas BJ tidak boleh mempunyai dua kata kerja utama. Jika dikaji, responden

yang melakukan kesalahan dengan meletakkan dua kata kerja utama itu adalah dipengaruhi oleh struktur ayat BI iaitu terdapat penggunaan *Continuous Tense*. Contoh ayat dengan dua kata kerja utama oleh R1 adalah '*Ist Herr Brenner arbeitet in einer Buchhandlung in Stuttgart?*' Dua kata kerja yang digunakan itu ialah 'Ist' (ialah) dan 'arbeitet' (bekerja). Sekiranya diterjemah ke dalam ayat BI, ayat tersebut akan menjadi (Is Mr. Brenner working in a bookstore in Stuttgart?). Sepatutnya kata kerja 'arbeitet' sahaja digunakan di hadapan ayat iaitu '*Arbeitet Herr Brenner in einer Buchhandlung in Stuttgart?*'

4.2.3.3 Keputusan Keseluruhan Soalan Bahagian Dua

Soalan-soalan untuk Bahagian Dua ini agak mudah jika dibandingkan dengan soalan-soalan Bahagian Satu dan Tiga kerana soalannya berbentuk ayat penyata. Bagi soalan Bahagian Dua ini, pelajar hanya perlu menyusun ayat Subjek-Kata kerja-Objek (SVO) dan memastikan penggunaan tatabahasa yang betul dalam ayat. Graf 4.3 menunjukkan keputusan keseluruhan bilangan pelajar yang menjawab soalan Bahagian Dua dengan betul atau salah.



Graf 4.3: Bilangan pelajar yang menyusun ayat dengan Betul dan Salah Bahagian Dua

Graf 4.3 di atas menunjukkan keputusan keseluruhan pelajar yang menyusun ayat betul dan salah untuk Bahagian Dua. Selepas dianalisis, keputusannya dilihat agak cemerlang di mana kebanyakan responden dapat menjawab kesemua enam soalan tersebut dengan baik. Soalan 4 menunjukkan jumlah bilangan pelajar yang tinggi yang dapat menjawab soalan tersebut dengan betul iaitu sebanyak 28 orang (93.33%) dan hanya 2 responden (6.67%) yang salah jawab. Soalan 2 dan 6 menunjukkan bilangan responden yang menyusun ayat dengan betul adalah yang paling rendah dan dengan bilangan yang sama iaitu 21 orang dan yang salah masing-masing adalah 9 responden.

Jadual 4.16: Susunan ayat yang betul soalan 1 Bahagian Dua

| Ayat | | | Formula susunan ayat betul |
|-------------------------|---------------------|----------------------------|----------------------------|
| <i>Sebastian</i> (S) | <i>sucht</i> (V) | <i>die Kantine.</i> (O) | S-V-O |

Sebastian mencari Kantin.
 ‘Sebastian mencari Kantin’.

Jadual 4.16 di atas menunjukkan susunan ayat untuk soalan 1 Bahagian Dua iaitu ‘*Sebastian sucht die Kantine*’. Formula susunan ayatnya ialah Subject(S)-Verb(V)-Object(O). Sementara Jadual 4.17 di bawah adalah susunan ayat yang salah dilakukan oleh responden.

Jadual 4.17: Susunan ayat yang salah soalan 1 Bahagian Dua

| Bil. | Responden (R) | Ayat | Formula susunan ayat salah |
|------|---------------|--------------------------------|----------------------------|
| 1. | R5 | Suche Sebastian im Kantine. | V-S-O |
| 2. | R12 | Die Kantine suchent Sebastian. | O-V-S |
| 3. | R22 | Die Kantine sucht Sebastian. | O-V-S |

Berdasarkan Jadual 4.17 di atas, terdapat seramai 3 responden sahaja yang melakukan kesilapan dalam susunan ayat untuk soalan 1 Bahagian Dua tersebut. R5 melakukan kesalahan dengan meletakkan kata kerja di permulaan ayat. Sementara dua lagi responden iaitu R12 dan R22 melakukan kesalahan susunan ayat yang sama iaitu meletakkan objek di permulaan ayat sehingga susunan ayatnya menjadi OVS. Susunan ayat OVS adalah betul dalam BJ tetapi perlu pula melihat maksud di sebalik ayat tersebut. Contohnya, R22 yang menyusun ayat menjadi ‘*Die Kantine sucht Sebastian*’ di mana maksudnya agak melucukan dan selepas ditukarkan maksudnya ke dalam BM menjadi ‘Kantin mencari Sebastian’.

Jadual 4.18: Susunan ayat yang betul soalan 2 Bahagian Dua

| Ayat | Formula susunan ayat betul |
|--|----------------------------|
| $\begin{array}{ccc} \text{Die Redaktion} & \text{ist} & \text{neben dem Parkplatz.} \\ (\text{S}) & (\text{V}) & (\text{O}) \end{array}$ Pejabat Penerbitan adalah bersebelahan tempat meletak kereta. ‘Pejabat Penerbitan terletak bersebelahan tempat meletak kereta’. | SVO |

Jadual 4.18 di atas merupakan susunan ayat yang betul untuk soalan 2 Bahagian Dua iaitu ‘*Die Redaktion ist neben dem Parkplatz*’. Formula susunan ayatnya ialah SVO. Seterusnya Jadual 4.19 di bawah adalah senarai kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh responden.

Jadual 4.19: Susunan ayat yang salah soalan 2 Bahagian Dua

| Bil. | Responden (R) | Ayat | Formula susunan ayat salah |
|------|---------------|---|----------------------------|
| 1. | R1 | Die Redaktion neben sein dem Parkplatz. | S-O-V-O |
| 2. | R3 | Die Redaktion neben sein dem Parkplatz. | S-O-V-O |
| 3. | R4 | Die Redaktion neben sein dem Parkplatz. | S-O-V-O |
| 4. | R5 | Neben seine Redaktion dem Parkplatz. | O-V-S-O |
| 5. | R7 | sein die Redaktion neben dem Parkplatz. | V-S-O |
| 6. | R9 | sein das Redaktion neben dem Parkplatz. | V-S-O |
| 7. | R14 | sein das Redaktion neben dem Parkplatz. | V-S-O |
| 8. | R15 | sein die Redaktion neben dem Parkplatz. | V-S-O |
| 9. | R17 | Sein dem Parkplatz neben die Redaktion. | V-O-S |

Berdasarkan Jadual 4.19 di atas, terdapat sembilan responden yang salah menyusun ayat soalan 2. Selepas dianalisis, terdapat dua kesalahan utama yang dilakukan oleh responden. Kesalahan pertama ialah ramai responden yang memecahkan ayat objek ‘*neben dem Parkplatz*’ kepada dua posisi. Ianya dilakukan oleh R1, R3, R4 dan R5. Kesalahan kedua ialah dengan meletakkan kata kerja pada permulaan ayat dan susunan ayatnya menjadi VSO dan VOS. Kesalahan tersebut dilakukan oleh R7, R9, R14, R15 dan R17.

Jadual 4.20: Susunan ayat yang betul soalan 3 Bahagian Dua

| Ayat | Formula susunan ayat betul |
|---|----------------------------|
| <p><i>Daniela und ihr Freund gehen durch das Stadttor am Abend.</i> (S) (V) (O) Daniela dan kawan lelakinya berjalan melalui pintu gerbang pada waktu malam. ‘Daniela dan kawan lelakinya berjalan melalui pintu gerbang pada waktu malam’</p> | SVO |

Jadual 4.20 di atas adalah soalan 3 Bahagian Dua iaitu ‘*Daniela und ihr Freund gehen durch das Stadttor am Abend*’ dan formula susunan ayat bagi soalan tersebut ialah SVO.

Jadual 4.21: Susunan ayat yang salah soalan 3 Bahagian Dua

| Bil. | Responden (R) | Ayat | Formula susunan ayat salah |
|------|---------------|---|----------------------------|
| 1. | R7 | Gehen Daniela und ihr Freund durch am abend das Stadttor. | V-S-O |
| 2. | R11 | Daniela und ihr Freund durch gehen am Abend das Stadttor. | S-O-V-O |
| 3. | R13 | Daniela und ihr Freund durch geht am Abend das Stadtor. | S-O-V-O |
| 4. | R14 | Daniela und ihr Freund das Stadttor gehen am Abend durch. | S-O-V-O |

Jadual 4.21 di atas adalah susunan ayat salah yang dilakukan oleh responden untuk soalan 3 Bahagian Dua. Terdapat empat responden sahaja yang melakukan kesalahan, iaitu R7, R11, R13 dan R14. Daripada keempat-empat responden tersebut, tiga responden iaitu R11, R13 dan R14 melakukan kesalahan yang sama dengan memecahkan ayat objek ‘*durch das Stadttor am Abend*’ kepada dua bahagian. Susunan ayat yang salah tersebut menjadi SOVO. Sementara seorang lagi responden iaitu R7 melakukan kesalahan yang sama seperti soalan-soalan sebelum ini dengan meletakkan kata kerja di permulaan ayat dan formula susunan ayatnya menjadi VSO.

Jadual 4.22: Susunan ayat yang betul soalan 4 Bahagian Dua

| Ayat | Formula susunan ayat betul |
|--|----------------------------|
| <i>Frau und Herr Fischer besichtigen um 11 Uhr das Parlament.</i> (S) (V) (O) Pn. dan En. Fischer melawat pada pukul 11 bangunan Parlimen. ‘Pn. dan En. Fischer melawat bangunan Parlimen pada pukul 11.’ | SVO |

Jadual di atas adalah jawapan soalan 4 Bahagian Dua iaitu ‘*Frau und Herr Fischer besichtigen um 11 Uhr das Parlament*’ dan formula susunan ayatnya ialah SVO. Seterusnya jadual 4.23 di bawah menunjukkan responden yang melakukan kesalahan untuk soalan 4 bahagian Dua.

Jadual 4.23: Susunan ayat yang salah soalan 4 Bahagian Dua

| Bil. | Responden (R) | Ayat | Formula susunan ayat salah |
|------|---------------|--|----------------------------|
| 1. | R5 | Besichtigt Frau und Herr Fischer das Parlament um 11 Uhr. | V-S-O |
| 2. | R14 | Frau und Herr Fischer das Parlament besichtigen um 11 Uhr. | S-O-V-O |

Jadual 4.23 di atas menunjukkan kesalahan yang dilakukan oleh responden untuk soalan 4 Bahagian Dua. Hanya dua responden sahaja yang berbuat salah iaitu R5 dan R14. R5 melakukan kesalahan susunan ayat VSO iaitu meletakkan kata kerja di permulaan ayat dan R14 pula memecahkan ayat objek ‘um 11 Uhr das Parlament’ kepada dua bahagian dan formula susunan ayat salah yang dilakukannya ialah SOVO.

Jadual 4.24: Susunan ayat yang betul soalan 5 Bahagian Dua

| Ayat | Formula susunan ayat betul |
|---|----------------------------|
| <i>Der Autoschlüssel ist hinter dem Sofa.</i> (S) (V) (O) Kunci kereta ialah di belakang sofa. ‘Kunci kereta berada di belakang sofa.’ | S-V-O |

Jadual 4.24 di atas menunjukkan susunan ayat yang betul untuk soalan 5 Bahagian Dua. Ayatnya ialah ‘*Der Autoschlüssel ist hinter dem Sofa*’. Formula susunan ayatnya ialah SVO.

Jadual 4.25: Susunan ayat yang salah soalan 5 Bahagian Dua

| Bil. | Responden (R) | Ayat | Formula susunan ayat salah |
|------|---------------|--|----------------------------|
| 1. | R4 | Der Autoschlüssel unter sein dem Sofa. | S-O-V-O |
| 2. | R5 | Autoschlüssel hinter dem Sofa seine der. | S-O-V-S |
| 3. | R6 | Der Autoschlüssel hinter sind dem Sofa. | S-O-V-O |
| 4. | R7 | Sein der Autoschlüssel hinter dem Sofa. | V-S-O |
| 5. | R14 | Der Autoschlüssel hinter sein dem Sofa. | S-O-V-O |
| 6. | R15 | Sein der Autoschlüssel hinter dem Sofa. | V-S-O |
| 7. | R17 | Sein der Autoschlüssel hinter dem Sofa. | V-S-O |

Berdasarkan jadual 4.25 di atas, terdapat tujuh responden yang melakukan kesalahan. Tiga responden iaitu R4, R6 dan R14 melakukan kesalahan dengan memecahkan ayat objek ‘*hinter dem Sofa*’ kepada dua bahagian. Kesalahan lain yang dilakukan adalah kesalahan yang sama sahaja seperti soalan-soalan sebelum ini iaitu dengan meletakkan kata kerja sebelum subjek iaitu dengan rumusan susunan ayatnya menjadi VSO. Kesalahan tersebut dilakukan oleh R7, R15 dan R17.

Jadual 4.26: Susunan ayat yang betul soalan 6 Bahagian Dua

| Ayat | Formula susunan ayat betul |
|---|----------------------------|
| <p><i>Die Brille steht zwischen dem Buch und der Tastatur.</i> (S) (V) (O) Cermin mata terletak di antara buku dan papan kekunci. ‘Cermin mata terletak di antara buku dan papan kekunci.’</p> | S-V-O |

Susunan jawapan untuk ayat soalan 6 Bahagian Dua ditunjukkan oleh jadual di atas, ‘*Die Brille steht zwischen dem Buch und der Tastatur*’ dan formula susunan ayatnya ialah SVO. Jadual 4.27 seterusnya ialah susunan ayat-ayat yang salah yang dilakukan oleh responden.

Jadual 4.27: Susunan ayat yang salah soalan 6 Bahagian Dua


| Bil. | Responden (R) | Ayat | Formula susunan ayat salah |
|------|---------------|---|----------------------------|
| 1. | R4 | Stehen zwischen die Brille dem Buch und Tastatur. | V-O-S-O |
| 2. | R5 | Stehen die Brille zwischen dem Buch und der Tastatur. | V-S-O |
| 3. | R6 | Die Brille und der Tastatur steh zwischen die Brille. | O-V-O-S |
| 4. | R7 | Stehen die Brille dem Buch und der Tastatur. | V-S-O |
| 5. | R9 | Das Buch und der Tastatur stehen zwischen das Brille. | O-V-O-S |
| 6. | R11 | Zwischen stehen dem Buch und der Tastatur die Brille. | O-V-S-O |
| 7. | R12 | dem Buch und der Tastatu stehent die Brille zwischen. | O-V-S-O |
| 8. | R13 | Dem Buch und der Tastatur steht zwischen die Brille. | O-V-O-S |
| 9. | R14 | Dem Buch und der Tastatur die Brille zwischen stehen. | O-S-O-V |

Berdasarkan Jadual 4.27 di atas, terdapat seramai sembilan responden yang melakukan kesalahan dalam susunan ayat soalan 6 tersebut. Kebanyakan kesalahan yang dilakukan oleh responden adalah dengan memisahkan ayat objek ‘zwischen dem Buch und der Tastatur’ kepada dua bahagian dan kesalahan tersebut dilakukan oleh R4, R6, R9, R11, R12, R13 dan R14.

4.2.3.4 Keputusan Keseluruhan Ujian Bahagian Tiga

Untuk soalan Bahagian Tiga ini pelajar-pelajar perlu membina ayat berbentuk ayat kenyataan atau penyata bergantung kepada dua jenis soalan yang diberikan iaitu samada soalan berbentuk kata-kata pertanyaan ataupun soalan yang bermula dengan kata kerja. Graf 4.4 di bawah menunjukkan bilangan pelajar yang menjawab soalan yang betul dan yang salah untuk soalan Bahagian Tiga kertas ujian bertulis.

Pencapaian Keseluruhan Bahagian Tiga



Graf 4.4: Bilangan pelajar yang menyusun ayat Betul dan Salah Bahagian Tiga

Berdasarkan Graf 4.4 di atas, keputusan keseluruhan pelajar yang menjawab soalan Bahagian Tiga ini adalah cemerlang di mana kesemua tujuh soalan memperlihatkan jumlah bilangan pelajar yang menjawab dengan betul adalah sangat tinggi. Bilangan pelajar yang paling baik dan menjawab dengan betul adalah bagi soalan 6 iaitu seramai 26 orang (86.67%) dan hanya 4 orang (13.33%) yang salah. Sementara itu, soalan 5 memperlihatkan bilangan responden yang menyusun ayat yang betul dan yang salah paling rendah iaitu sebanyak 18 responden yang menyusun ayat dengan betul, dan sebanyak 12 responden pula menyusun ayat dengan salah. Peratusan yang betul dalam menyusun ayat untuk soalan 5 tersebut ialah 60% dan menyusun ayat yang salah ialah 40%.

Jadual 4.28: Susunan ayat yang betul soalan 1 Bahagian Tiga

| Ayat | | | Formula susunan ayat betul |
|--|--|--|----------------------------|
| <i>Die Touristen besuchen das Parlament am Montag.</i> (S) (V) (O) | | | S-V-O |
| Pelancong-pelancong melawat bangunan Parlimen pada hari Isnin. 'Pelancong-pelancong melawat bangunan Parlimen pada hari Isnin.' | | | |

Jadual 4.28 di atas adalah jawapan yang betul untuk soalan 1 bahagian Tiga iaitu 'Die Touristen besucht das Parlament am Montag'. Soalannya adalah ayat tanya dengan kata tanya dan jawapannya berbentuk ayat penyata. Formula susunan ayat ialah SVO.

Jadual 4.29: Susunan ayat yang salah soalan 1 Bahagian Tiga

| Bil. | Responden (R) | Ayat | Formula susunan ayat salah |
|------|---------------|--|----------------------------|
| 1. | R5 | Besuchen die Touristen das Parlament am Samstag. | V-S-O |
| 2. | R6 | Ja, die Touristen besuchen das Parlament. | S-V-O |
| 3. | R10 | Ya, die Touristen besuchen ins Parlament. | S-V-O |
| 4. | R12 | Die Touristen wann besuchen. | S-Wh-V |
| 5. | R14 | Besuchen die Touristen das Parlament. | V-S-O |
| 6. | R15 | Die Touristen das Parlament um 11 Uhr. | S-O |
| 7. | R28 | Besuchen die Touristen das Parlament um 12 Uhr. | V-S-O |

Berdasarkan Jadual 4.29 di atas, terdapat tujuh responden telah menyusun ayat yang salah bagi soalan 1 Bahagian Tiga. Terdapat tiga responden iaitu R5, R14 dan R28 membina ayat salah iaitu dengan formula VSO. Seterusnya terdapat seorang responden membina ayat yang sama sekali salah iaitu R12 dengan susunan ayatnya S-Wh-V. Walau bagaimanapun, terdapat dua responden menyusun ayat dengan formula ayat penyata yang betul iaitu SVO tetapi kesalahan yang dilakukan adalah terdapatnya perkataan 'Ja' di awal permulaan ayat. Kesalahan tersebut dilakukan oleh R6 dan R10.

Jadual 4.30: Susunan ayat yang betul soalan 2 Bahagian Tiga

| Ayat | Formula susunan ayat betul |
|--|----------------------------|
| <i>Ja, die Personalabteilung liegt vor dem Sekretariat.</i> (S) (V) (O) | S-V-O |
| Ja, Jabatan Personal terletak di hadapan Sekretariat. 'Ja, Jabatan Personal terletak di hadapan Sekretariat.' | |

Jadual 4.30 di atas merupakan jawapan kepada susunan ayat yang betul untuk soalan 2 bahagian Tiga iaitu ayat penyata yang memerlukan jawapan 'ya/tidak' di hadapan ayat. Susunan ayat tersebut ialah '*Ja, die Personalabteilung liegt vor dem Sekretariat*' dan formula susunan ayat tersebut ialah SVO. Jadual 4.31 di bawah pula adalah kesalahan-kesalahan susunan ayat yang telah dikenal pasti dilakukan oleh responden.

Jadual 4.31: Susunan ayat yang salah soalan 2 Bahagian Tiga

| Bil. | Responden (R) | Ayat | Formula susunan ayat salah |
|------|---------------|--|----------------------------|
| 1. | R1 | Die Personalabteilung vor dem Sekretariat liegt in der dritten etage. | S-O-V-O |
| 2. | R7 | Ja, die Personalabteilung vor dem Sekretariat. | S-O |
| 3. | R9 | Die Personalabteilung vor dem Sekretariat liegt der vierten Etage links. | S-O-V-O |
| 4. | R11 | Ja, die Personalabteilung vor dem Sekretariat. | S-O |
| 5. | R14 | Ja, liegt die Personalabteilung vor dem Sekretariat. | V-S-O |
| 6. | R15 | Die Personalabteilung vor dem Sekretariat liegt in der dritten Etage link. | S-O |
| 7. | R19 | Ja, die Personalabteilung vor dem Sekretariat. | S-O |
| 8. | R25 | Ja, die Personalabteilung vor dem Sekretariat. | S-O |
| 9. | R28 | - | - |

Berdasarkan Jadual 4.31 di atas, terdapat seramai sembilan responden yang melakukan kesalahan dalam susunan ayat soalan 2 tersebut. Terdapat dua responden memecahkan ayat objek iaitu '*vor dem Sekretariat*' kepada dua bahagian sehingga menyebabkan formula susunan ayat yang disusun menjadi SOVO. Sementara itu, terdapat 5 responden menyusun ayat yang hanya ada subjek dan objek sahaja. Mereka meninggalkan kata kerja '*liegt*' dalam

ayat. Responden yang melakukan kesalahan tersebut ialah R7, R11, R15, R19 dan R25. Manakala R28 langsung tidak menjawab soalan 2 bahagian Tiga.

Jadual 4.32: Susunan ayat yang betul soalan 3 Bahagian Tiga

| Ayat | Formula susunan yang betul |
|---|----------------------------|
| <i>Die Studenten fahren zum Stadion mit dem Bus.</i> (S) (V) (O) Pelajar-pelajar memandu ke Stadium dengan Bas. ‘Pelajar-pelajar pergi ke Stadium dengan menaiki Bas.’ | S-V-O |

Jadual di atas adalah jawapan untuk ayat soalan 3 bahagian Tiga iaitu ‘*Die Studenten fahren zum Stadion mit dem Bus*’ dan susunan ayatnya adalah SVO. Soalan 3 bahagian Tiga ini adalah soalan berbentuk kata tanya. Jadual 4.33 di bawah adalah analisis kesalahan yang dilakukan oleh responden.

Jadual 4.33: Susunan ayat yang salah soalan 3 Bahagian Tiga

| Bil. | Responden (R) | Ayat | Formula susunan ayat salah |
|------|---------------|---|----------------------------|
| 1. | R1 | Ja, die Studenten fahret zum Stadion. | S-V-O |
| 2. | R11 | Ich fahren mit dem die Studenten zum Stadion. | S-V-O-S-O |
| 3. | R12 | Die Studenten zu alf Auto zum Stadion. | S-O |
| 4. | R13 | - | - |
| 5. | R15 | Die Studenten zum Stadion in der dritten Etage. | S-O |
| 6. | R28 | Nein, die Studenten fahren das Museum. | S-V-O |

Berdasarkan jadual 4.33 di atas, terdapat enam responden yang melakukan kesalahan dalam menyusun ayat soalan 3. Soalan 3 ini adalah ayat tanya berbentuk kata tanya tetapi terdapat dua responden iaitu R1 dan R28 yang kurang memahami soalan di mana mereka menjawab soalan yang berbentuk kata tanya dengan kata kerja. Mereka meletakkan ‘Ja’ dan ‘Nein’ di permulaan ayat. Walau bagaimanapun, formula susunan ayat seterusnya adalah betul iaitu SVO. R11 pula membina ayat yang salah di mana formula susunan ayat yang dilakukannya adalah SVOSO dan ayatnya ialah ‘*Ich fahren mit dem die Studenten zum Stadion*’. R11

langsung tidak menjawab soalan yang sebenar dan dari segi semantik pula adalah salah sama sekali. R12 dan R15 pula membina ayat dengan menggugurkan kata kerja ‘fahren’ dan formula susunan ayatnya menjadi SO sahaja. Manakala terdapat seorang responden iaitu R13 yang langsung tidak menjawab soalan 3 Bahagian Tiga tersebut.

Jadual 4.34: Susunan ayat yang betul soalan 4 Bahagian Tiga

| Ayat | Formula susunan ayat betul |
|---|----------------------------|
| <i>Klaus und seine Freundin gehen in den Park am Nachmittag.</i> (S) (V) (O) Klaus dan kawan perempuannya pergi ke taman pada waktu petang. ‘Klaus dan kawan perempuannya pergi ke taman pada waktu petang.’ | S-V-O |

Jadual di atas merupakan susunan ayat yang betul untuk soalan 4 Bahagian Tiga. Soalan 4 Bahagian Tiga ini juga adalah soalan berbentuk kata tanya dan jawapannya adalah merupakan ayat perintah dengan formula susunan ayatnya ialah SVO. Jadual 4.35 berikutnya ialah analisis kesalahan susunan ayat yang telah dikenal pasti oleh pengkaji.

Jadual 4.35: Susunan ayat yang salah soalan 4 Bahagian Tiga

| Bil. | Responden (R) | Ayat | Formula susunan ayat salah |
|------|---------------|---|----------------------------|
| 1. | R5 | Gehen Klaus und seine Freund im Kino am Nachmittag. | V-S-O |
| 2. | R6 | Klaus und seine Freundin am Nachmittag gehen in einer Buchhandlung. | S-O-V-O |
| 3. | R11 | Ja, gehen Klaus und seine Freundin am Nachmittag. | V-S-O |
| 4. | R12 | Klaus und seine Freundin wohin gehen in Etage. | S-Wh-V-O |
| 5. | R13 | - | - |
| 6. | R14 | Nein, wohin gehen Klaus und seine Freundin am Nachmittag. | Wh-V-S-O |
| 7. | R15 | Nein, Klaus und seine Freundin am Abend. | S-O |

Jadual 4.35 di atas adalah susunan ayat soalan 4 Bahagian Tiga yang salah oleh responden. Terdapat tujuh responden yang melakukan kesalahan dalam membina ayat soalan 4. Berdasarkan analisis yang telah dibuat, terdapat beberapa responden seperti tidak memahami soalan ini. Mereka mencampur-adukkan ayat tanya ‘Wohin’ (ke mana) dalam susunan ayat sedangkan mereka seharusnya menjawab soalan dengan membina ayat penyata. Kesalahan sebegini dilakukan oleh dua responden iaitu R12 dan R14. Kesalahan-kesalahan lain yang dapat dikenal pasti dan kesalahan tersebut adalah berulang dilakukan sama seperti soalan-soalan sebelum ini iaitu antaranya ialah meletakkan kata kerja ‘gehen’ di permulaan ayat oleh R5, menjawab soalan kata tanya dengan dimulai dengan ‘Ja’ pada permulaan ayat oleh R11, memecahkan ayat objek ‘*in den Park am Nachmittag*’ menjadi dua bahagian seperti yang dilakukan oleh R6 dan menggugurkan kata kerja ‘gehen’ dalam susunan ayat oleh R15. Bukan itu sahaja, malahan R13 pula langsung tidak menjawab soalan 4 tersebut.

Jadual 4.36: Susunan ayat yang betul soalan 5 Bahagian Tiga

| Ayat | Formula susunan ayat betul |
|---|----------------------------|
| Ja, ich gehe zu Fuß zum Reichstag. (S) (V) (O) Ya, saya pergi dengan kaki ke bangunan parlimen. ‘Ya, saya berjalan kaki ke bangunan parlimen.’ | S-V-O |

Jadual 4.36 di atas adalah jawapan kepada soalan 5 Bahagian Tiga iaitu ‘*Ja, ich gehe zu Fuß zum Reichstag*’ dan susunan ayatnya ialah SVO. Jadual 4.37 di bawah pula adalah susunan ayat yang salah yang dilakukan oleh responden untuk soalan tersebut.

Jadual 4.37: Susunan ayat yang salah soalan 5 Bahagian Tiga

| Bil. | Responden (R) | Ayat | Formula susunan ayat salah |
|------|---------------|--|----------------------------|
| 1. | R3 | Ja, gehst du zu Fuß zum Reichstag. | V-S-O |
| 2. | R6 | Ja, ich zu Fuß zum Reichtag. | S-O |
| 3. | R7 | Ja, die Fuß zum im Reichstag. | O |
| 4. | R9 | Ja, gehst du zu Fuß zum Reichstag. | V-S-O |
| 5. | R11 | Ja, du zu Fuß zum Reichstag. | S-O |
| 6. | R12 | Ja, ich du zu gehst zum Reichstag. | S-S-V-O |
| 7. | R13 | Ja, du zu Fuß zum Reichstag. | S-O |
| 8. | R14 | Ja, gehst du zu Fußzum Reichstag. | V-S-O |
| 9. | R15 | - | - |
| 10. | R16 | Ja, ich gehe du zu Fuß zum Reichstag. | S-V-S-O |
| 11. | R21 | Ja, ich gehst zum Reichstag du zu Fuß. | S-V-O-S-O |
| 12. | R28 | Ya, ich gehe du zu Fuß zum Reichstag. | S-V-S-O |

Berdasarkan Jadual 4.37 di atas, terdapat banyak kesalahan yang dilakukan oleh responden untuk soalan 5. Bilangan responden yang melakukan kesalahan untuk soalan ini adalah agak ramai iaitu sebanyak 12 orang daripada jumlah keseluruhan responden 30 orang. Salah satu kesalahan ketara yang dapat dikenal pasti oleh pengkaji ialah terdapat empat responden menggunakan dua subjek dalam membina ayat iaitu R12, R16, R21 dan R28. Kesalahan-kesalahan lain ialah dengan menyusun ayat dengan formula VSO oleh R3, R9 dan R14. Ada juga yang menggugurkan kata kerja dalam ayat oleh R6, R11 dan R13 di mana susunan ayatnya menjadi SO sahaja. Malahan terdapat pula seorang responden hanya menjawab dengan ayat objek sahaja iaitu R7. Akhir sekali, R15 pula langsung tidak menjawab soalan tersebut.

Jadual 4.38: Susunan ayat yang betul soalan 6 Bahagian Tiga

| Ayat | Formula susunan ayat betul |
|--|----------------------------|
| <i>Die Toiletten sind in der zweiten/dritten Etage.</i> (S) (V) (O) Tandas adalah di tingkat dua/tingkat tiga. ‘Tandas berada di tingkat dua/tiga.’ | S-V-O |

Jawapan dalam Jadual 4.38 di atas ialah soalan 6 bahagian Tiga dan soalannya ialah ayat tanya dengan kata tanya. Jawapan yang betul untuk soalan 6 ini ialah ‘*Die Toiletten sind in der zweiten/dritten Etage*’. Formula susunan ayatnya juga ialah SVO. Berikutnya Jadual 4.39 di bawah adalah susunan ayat soalan 6 yang salah yang dilakukan oleh responden.

Jadual 4.39: Susunan ayat yang salah soalan 6 Bahagian Tiga

| Bil. | Responden (R) | Ayat | Formula susunan ayat salah |
|------|---------------|-------------------------------------|----------------------------|
| 1. | R5 | Faris und Ali sind im die Toilette. | O-V-S |
| 2. | R11 | Ich gehe die Toiletten. | O-V-S |
| 3. | R12 | Nein, ich bein der Café. | O-V-S |
| 4. | R14 | Samad sind die Toiletten. | O-V-S |

Jadual 4.39 di atas adalah susunan ayat-ayat yang salah oleh responden untuk soalan 6 Bahagian Tiga. Selepas dianalisis, terdapat hanya empat responden seperti di dalam jadual di atas yang melakukan kesalahan dari segi makna sahaja. Keempat-empat responden tersebut menyusun salah ayat soalan 6 ini dan menjadikan formulanya OVS. Mereka meletakkan objek dan subjek secara terbalik iaitu objek di posisi pertama ayat dan subjek di posisi akhir ayat. Sedangkan jawapan yang betul ialah subjek di posisi pertama ayat dan objek di posisi terakhir ayat. Namun, kesemua empat responden itu meletakkan kata kerja di posisi kedua dengan betul. Soalan ini sebenarnya adalah mudah dan bagi pelajar yang mengulang kaji tidak sepatutnya salah menjawab soalan tersebut. Tambahan pula, pengkaji banyak memberi latihan semasa di dalam kelas bentuk-bentuk soalan yang sama seperti soalan 6 ini.

Jadual 4.40: Susunan ayat yang betul soalan 7 Bahagian Tiga

| Ayat | Formula susunan ayat betul |
|--|----------------------------|
| <i>Ja, das Verlagshaus hat kein Café.</i> (S) (V) (O) Ya, pejabat penerbitan ada tidak Café. ‘Ya, pejabat penerbitan tidak ada Café.’ | S-V-O |

Jadual di atas adalah susunan ayat yang betul untuk soalan 7 Bahagian Tiga. Soalan 7 tersebut adalah soalan ayat tanya dalam bentuk kata kerja. Susunan ayat di dalam jadual di atas ialah ‘*Ja, das Verlagshaus hat kein Café*’ dan formula susunan ayat ialah SVO. Jadual berikutnya 4.41 ialah susunan ayat yang salah yang dilakukan oleh responden untuk soalan 7 Bahagian Tiga.

Jadual 4.41: Susunan ayat salah soalan 7 Bahagian Tiga

| Bil. | Responden (R) | Ayat | Formula susunan ayat salah |
|------|---------------|------------------------------------|----------------------------|
| 1. | R3 | Ja, das Verlangshaus kein Café. | S-O |
| 2. | R4 | - | - |
| 3. | R5 | Ja, das Verlagshaus kein Café. | S-O |
| 4. | R6 | Das Verlagshaus kein Café. | S-O |
| 5. | R7 | Ja, das Verlagshaus kein in Café. | S-O |
| 6. | R9 | Ja, das Verlagshaus kein Café. | S-O |
| 7. | R11 | Ja, das Verlagshaus kein Café. | S-O |
| 8. | R14 | Ja, Hat das Verlagshaus kein Café. | V-S-O |
| 9. | R15 | Ja, das Verlagshaus kein Café. | S-O |
| 10. | R28 | Ja, Das Verlagshaus kein Café. | S-O |

Jadual 4.41 di atas menunjukkan jumlah responden yang melakukan kesalahan dalam susunan ayat soalan 7 iaitu seramai sepuluh orang. Menariknya, selepas menganalisis soalan 7 bahagian Tiga ini, pengkaji dapat melihat bahawa hampir kesemua responden melakukan kesalahan yang sama iaitu menggugurkan kata kerja ‘*hat*’ (ada) ketika menyusun ayat. Ianya dapat dilihat dalam jadual di atas di mana daripada sepuluh responden, sebanyak lapan responden melakukan kesalahan iaitu R3, R5, R6, R7, R9, R11, R15 dan R28. Seorang

responden iaitu R14 menyusun ayat dengan meletakkan kata kerja ‘hat’ di hadapan subjek. Sementara terdapat seorang responden iaitu R4 pula langsung tidak menjawab soalan 7 ini.

4.3 Perbincangan

4.3.1 Perbincangan Persoalan Kajian 1

Berdasarkan huraian dalam perbincangan persoalan kajian 1 di atas iaitu dalam melihat susunan dan penghasilan ayat oleh pelajar setakat ini, pengkaji berpendapat terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan para pelajar melakukan kesalahan seperti dalam jadual 4.2 hingga 4.41 di atas. Antaranya kurang penguasaan BI oleh segelintir pelajar, medium pengajaran yang banyak menggunakan B1 (BM), menghasilkan ayat kerana banyak dipengaruhi oleh B2 (BI) dan faktor kemanusiaan iaitu tidak penguasaan perbendaharaan kata B3 (BJ) dengan baik oleh beberapa orang pelajar.

Pada pendapat pengkaji, faktor-faktor yang disenaraikan tadi berlaku disebabkan wujudnya pengaruh kedua-dua bahasa samada BM dan BI ke atas BJ dalam kesalahan susunan ayat yang dilakukan oleh responden. Kesalahan dalam penghasilan ayat dan faktor-faktor yang menyebabkan pelajar menghasilkan ayat yang salah akan dianalisis dan diuraikan serta dibincangkan dalam bahagian-bahagian seterusnya.

Seterusnya, pengkaji akan melihat analisis tentang kesalahan susunan ayat yang telah dilakukan tadi dan membandingkan dengan teori CEM oleh Flynn, Foley dan Vinnitskaya (2004) dan kajian oleh Marie-Claude Tremblay (2006), untuk melihat samada kesalahan dalam penghasilan ayat yang dilakukan mempunyai persamaan atau perbezaan dengan kedua-dua kajian ahli bahasa tersebut.

4.3.2 Perbincangan Persoalan Kajian 2

Huraian bahagian ini akan menjawab persoalan kajian kedua iaitu ‘Bagaimanakah corak kesalahan susunan ayat BJ yang dihasilkan oleh pelajar?’ Pengkaji akan menjawab bahagian ini dengan membuat huraian berdasarkan susunan-susunan ayat yang disenaraikan dalam jadual-jadual 4.2 hingga 4.41 di dalam perbincangan persoalan kajian pertama sebelum ini. Jadual seterusnya iaitu dari jadual 4.42 hingga 4.61 menunjukkan bentuk susunan ayat yang salah dan bilangan responden yang melakukannya.

Jadual 4.42: Bilangan responden yang salah soalan 1 Bahagian Satu

| Susunan ayat yang salah | Bilangan responden |
|-------------------------|--------------------|
| Wh-S-V | 3 |
| - | 1 |
| Jumlah | 4 |

Berdasarkan Jadual 4.42 di atas, terdapat hanya satu susunan ayat yang salah dilakukan oleh responden. Bilangan responden yang melakukan kesalahan *Wh-question(Wh)-Subject (S)-Verb(V)* dalam menjawab soalan 1 bahagian Satu ini hanyalah empat orang. Tiga responden telah melakukan kesalahan dengan meletakkan subjek dahulu sebelum kata kerja dan susunan ayat salah itu adalah WhSV. Sepatutnya mereka meletakkan kata kerja dahulu sebelum subjek. Sementara terdapat seorang responden langsung tidak menjawab soalan tersebut. Jadual 4.43 seterusnya adalah bilangan responden yang melakukan susunan ayat salah untuk soalan 2 bahagian Satu.

Jadual 4.43: Bilangan responden yang salah soalan 2 Bahagian Satu

| Susunan ayat yang salah | Bilangan responden |
|-------------------------|--------------------|
| S-V-O | 2 |
| V-S-V-O | 4 |
| V-V-S-O | 2 |
| O-V-S-O | 2 |
| Wh-S-V-O | 3 |
| Wh-V-O | 1 |
| Jumlah | 14 |

Jadual 4.43 di atas menunjukkan pecahan bilangan responden yang membuat kesalahan dalam menyusun ayat untuk soalan 2 Bahagian Satu. Terdapat pelbagai kesalahan susunan ayat yang dilakukan oleh responden untuk soalan 2 bahagian Satu antaranya SVO, VSVO, VVSO, OVSO, WhSVO dan WhVO. Terdapat sebanyak 14 responden yang menyusun ayat yang salah untuk susunan ayat soalan 2 bahagian Dua ini. Sebanyak dua responden melakukan susunan ayat salah berbentuk SVO, empat responden VSVO, tiga responden menyusun ayat menjadi WhSVO dan seorang responden menyusun ayat salah menjadi WhVO. Jika dilihat dengan lebih jelas, terdapat seramai sepuluh orang yang melakukan kesalahan dengan menyusun ayat yang bermula dengan subjek dahulu sebelum kata kerja untuk ayat tanya tersebut. Susunan ayat tersebut sebenarnya adalah ayat tanya yang bermula dengan kata kerja tetapi kesalahan susunan ayat sedemikian menyebabkan ayat tersebut menjadi ayat penyata.

Jadual 4.44: Bilangan responden yang salah soalan 3 Bahagian Satu

| Susunan ayat yang salah | Bilangan responden |
|-------------------------|--------------------|
| V-S-O | 2 |
| Wh-S-V-O | 5 |
| Wh-V-S-V-S | 1 |
| Wh-O-S-V-O | 1 |
| S-V-O | 1 |
| Jumlah | 10 |

Seterusnya, Jadual 4.44 di atas pula adalah bilangan responden yang melakukan kesalahan untuk soalan 3 bahagian Satu. Antara kesalahan dalam susunan ayat yang dilakukan untuk soalan 3 bahagian Satu ini ialah VSO, WhSVO, WhVSVS, WhOSVO dan SVO. Terdapat sebanyak lapan responden melakukan pelbagai kesalahan dalam susunan ayat untuk soalan 3 ini. Namun, kesalahan yang paling jelas ialah sebanyak enam responden menyusun ayat salah dengan meletakkan subjek dahulu sebelum kata kerja iaitu untuk kesalahan susunan ayat WhSVO, terdapat seramai empat responden dan SVO pula hanya seorang responden melakukannya.

Jadual 4.45: Bilangan responden yang salah soalan 4 Bahagian Satu

| Susunan ayat yang salah | Bilangan responden |
|-------------------------|--------------------|
| V-S-V-O | 4 |
| S-O-V-O | 1 |
| V-O-S-V-O | 2 |
| V-V-S-O | 1 |
| Wh-S-V-O | 3 |
| S-V-O | 3 |
| Wh-S-O | 1 |
| O-V-S-O | 4 |
| Jumlah | 19 |

Berdasarkan Jadual 4.45 di atas, bilangan responden yang melakukan pelbagai kesalahan dalam menyusun ayat untuk soalan 4 bahagian Satu ini adalah ramai iaitu sebanyak 19 orang. Antara kesalahan yang dilakukan adalah VSVO, SOVO, VOSVO, VVSO, WhSVO, SVO, WhSO dan OVSO. Berdasarkan kesalahan yang telah dilakukan itu, pengkaji telah dapat mengenal pasti kesalahan yang paling banyak adalah dengan meletakkan subjek dahulu sebelum kata kerja dan susunan ayat yang salah itu ialah VSVO, VOSVO dan SVO. Bilangan responden yang melakukan kesalahan dalam ketiga-tiga susunan ayat tersebut adalah seramai sembilan orang.

Jadual 4.46: Bilangan responden yang salah soalan 5 Bahagian Satu

| Susunan ayat yang salah | Bilangan responden |
|-------------------------|--------------------|
| Wh-S-V | 2 |
| Wh-S-O | 1 |
| V-O-V-O | 1 |
| Jumlah | 4 |

Jumlah responden yang melakukan kesalahan dalam menyusun ayat soalan 5 Bahagian Satu berdasarkan Jadual 4.46 di atas hanyalah seramai empat orang. Seperti kesalahan dalam soalan-soalan bahagian Satu sebelum ini, kesalahan utama yang dilakukan oleh responden ialah dengan meletakkan subjek dahulu sebelum kata kerja untuk susunan ayat tanya. Soalan 5 bahagian Satu ini menunjukkan terdapat sebanyak dua responden sahaja yang melakukan kesalahan tersebut dan kesalahan susunan ayat itu ialah WhSV. Seterusnya, Jadual 4.47 di bawah adalah bilangan responden yang melakukan kesalahan untuk soalan 6 bahagian Satu.

Jadual 4.47: Bilangan responden yang salah soalan 6 Bahagian Satu

| Susunan ayat yang salah | Bilangan responden |
|-------------------------|--------------------|
| V-S-V-O | 4 |
| S-V-O | 3 |
| O | 1 |
| V-V-O | 1 |
| V-O-V | 1 |
| Wh-V-O | 3 |
| Wh-O | 1 |
| Wh-V-V-O | 1 |
| Jumlah | 15 |

Berdasarkan Jadual 4.47 di atas, terdapat ramai responden yang menyusun ayat yang salah untuk soalan 6 bahagian Satu ini. Soalan ini adalah ayat tanya yang bermula dengan kata kerja. Seramai 15 responden iaitu separuh daripada jumlah keseluruhan responden seramai 30 orang yang menyusun salah struktur ayat soalan 6. Antara kesalahan dalam struktur ayat yang dilakukan oleh responden adalah VSVO, SVO, O, VVO, VOV, WhVO, WhO dan WhVVO. Jika dilihat dengan jelas, kesalahan yang paling banyak dilakukan adalah kesalahan

yang sama iaitu meletakkan subjek sebelum kata kerja. Seramai tujuh responden yang melakukan kesalahan susunan ayat sedemikian iaitu untuk susunan ayat VSVO dan SVO. Kesalahan lain ialah dengan meletakkan dua kata kerja dalam susunan ayat. Jadual berikutnya 4.48 pula ialah bilangan responden yang menyusun ayat yang salah untuk susunan ayat soalan 7 bahagian Satu.

Jadual 4.48: Bilangan responden yang salah soalan 7 Bahagian Satu

| Susunan ayat yang salah | Bilangan responden |
|-------------------------|--------------------|
| V-S-V-O | 4 |
| S-V-O | 3 |
| V-O-V-S-O | 1 |
| V-V-S-O | 1 |
| O-V-S-O | 1 |
| Wh-S-V-O | 3 |
| Wh | 1 |
| S-V-S-O | 1 |
| Jumlah | 15 |

Seterusnya bilangan responden yang membuat kesalahan dalam susunan ayat soalan 7 bahagian Satu berdasarkan Jadual 4.48 di atas juga agak ramai iaitu sebanyak 15 responden. Pelbagai kesalahan dapat dikenal pasti dilakukan oleh responden iaitu antaranya VSVO, SVO, VOVS, VVSO, OVSO, WhSVO, Wh dan SVSO. Kesalahan yang sama dilakukan oleh kebanyakan responden untuk soalan bahagian Satu sama seperti soalan 1 hingga 6, di mana mereka melakukan kesalahan dalam susunan ayat dengan meletakkan subjek sebelum kata kerja. Terdapat seramai tujuh responden melakukan kesalahan tersebut untuk susunan ayat VSVO, SVO dan WhSVO. Terdapat juga beberapa kesalahan lain yang telah dikenalpasti dilakukan oleh responden iaitu kesalahan dalam meletakkan dua kata kerja dalam susunan ayat dan memisahkan ayat objek sehingga menjadikan ayat tersebut berada di dua posisi dalam ayat.

Jadual 4.49: Bilangan responden yang salah soalan 1 Bahagian Dua

| Susunan ayat yang salah | Bilangan responden |
|-------------------------|--------------------|
| V-S-O | 1 |
| O-V-S | 2 |
| Jumlah | 3 |

Soalan bahagian Dua ini memerlukan pelajar membina ayat penyata. Oleh itu, formula susunan ayat yang betul untuk susunan ayat bahagian Dua ialah SVO, *Subject(S)-Verb(V)-Object(O)*. Berdasarkan Jadual 4.49 di atas, terdapat tiga responden yang menyusun ayat yang salah untuk soalan 1 bahagian Dua tersebut dan terdapat dua kesalahan susunan ayat yang dilakukan oleh responden iaitu VSO dan OVS. Pengkaji telah dapat mengenal pasti di mana terdapat seorang responden melakukan kesalahan dengan meletakkan kata kerja sebelum subjek dan menjadikan susunan ayat tersebut seperti ayat tanya iaitu VSO. Manakala dua responden lagi melakukan kesalahan susunan ayat dengan meletakkan ayat objek sebelum kata kerja dan subjek menjadikan susunan ayat itu OVS. Jadual 4.50 berikutnya ialah bentuk susunan ayat yang salah dan bilangan responden yang melakukan kesalahan untuk soalan 2 bahagian Dua.

Jadual 4.50: Bilangan responden yang salah soalan 2 Bahagian Dua

| Susunan ayat yang salah | Bilangan responden |
|-------------------------|--------------------|
| S-O-V-O | 3 |
| O-V-S-O | 1 |
| V-S-O-O | 1 |
| V-S-O | 3 |
| V-O-S | 1 |
| Jumlah | 9 |

Berdasarkan Jadual 4.50 di atas, terdapat pelbagai kesalahan susunan ayat yang dilakukan oleh responden. Antaranya ialah SOVO, OVSO, VSOO, VSO dan VOS dan jumlah responden yang melakukan kesalahan tersebut adalah sebanyak sembilan orang. Jika diperhatikan, empat kesalahan susunan ayat tersebut berlaku apabila responden menyusun

ayat dengan dimulakan oleh kata kerja sebelum subjek. Ini dapat dilihat di dalam susunan ayat OVSO, VSOO, VSO dan VOS. Cuma perbezaan untuk keempat-empat kesalahan dalam susunan ayat-ayat itu ialah ayat objek di hadapan, di tengah dan di belakang ayat. Walau bagaimanapun, kesalahan susunan ayat yang dilakukan adalah sama iaitu meletakkan kata kerja dahulu sebelum subjek dan menyebabkan susunan ayat salah dan menjadi ayat tanya. Bilangan responden yang berbuat kesalahan susunan ayat sedemikian adalah sebanyak lima orang.

Jadual 4.51: Bilangan responden yang salah soalan 3 Bahagian Dua

| Susunan ayat yang salah | Bilangan responden |
|-------------------------|--------------------|
| V-S-O | 1 |
| S-O-V-O | 3 |
| Jumlah | 4 |

Jadual 4.51 di atas adalah bilangan responden yang melakukan kesalahan dalam susunan ayat soalan 3 bahagian Dua. Terdapat empat responden sahaja yang melakukan kesalahan dengan dua jenis susunan ayat iaitu VSO dan SOVO. Seperti kesalahan dalam soalan 1 dan 2, terdapat seorang responden menyusun ayat penyata menjadi ayat tanya iaitu meletakkan kata kerja sebelum subjek menjadikan susunan ayat tersebut adalah VSO. Manakala tiga responden lagi memisahkan ayat objek kepada dua posisi sehingga susunan ayatnya agak mengelirukan iaitu SOVO.

Jadual 4.52: Bilangan responden yang salah soalan 4 Bahagian Dua

| Susunan ayat yang salah | Bilangan responden |
|-------------------------|--------------------|
| V-S-O | 1 |
| S-O-V-O | 1 |
| Jumlah | 2 |

Seterusnya, Jadual 4.52 di atas menunjukkan bilangan responden yang melakukan kesalahan dalam susunan ayat untuk soalan 4 bahagian Dua. Hanya terdapat dua responden sahaja yang melakukan kesalahan. Kesalahan susunan ayat yang dilakukan pula adalah sama seperti kesalahan dalam soalan 3 bahagian Dua iaitu VSO dan SOVO. Terdapat seorang responden melakukan kesalahan susunan ayat dengan meletakkan kata kerja dahulu sebelum subjek dan seorang responden lagi memisahkan ayat objek menjadi dua posisi.

Jadual 4.53: Bilangan responden yang salah soalan 5 Bahagian Dua

| Susunan ayat yang salah | Bilangan responden |
|-------------------------|--------------------|
| S-O-V-O | 3 |
| S-O-V-S | 1 |
| V-S-O | 3 |
| Jumlah | 7 |

Berdasarkan Jadual 4.53 di atas, sebanyak tujuh responden yang melakukan kesalahan dalam susunan ayat soalan 5 bahagian Dua. Kesalahan tersebut adalah SOVO, SOVS dan VSO. Tiga responden melakukan kesalahan susunan ayat SOVO iaitu memisahkan ayat objek kepada dua posisi. Manakala seorang responden melakukan kesalahan susunan ayat SOVS yang berbeza jauh dengan formula susunan ayat yang betul SVO. Seterusnya, tiga responden lagi melakukan kesalahan yang banyak dilakukan seperti dalam soalan-soalan sebelum ini iaitu susunan ayat yang salah itu menjadi VSO dengan mereka meletakkan kata kerja sebelum subjek sehingga susunan ayat menjadi ayat tanya.

Jadual 4.54: Bilangan responden yang salah soalan 6 Bahagian Dua

| Susunan ayat yang salah | Bilangan responden |
|-------------------------|--------------------|
| V-O-S-O | 1 |
| V-S-O | 2 |
| S-O-V-S | 1 |
| O-V-O-S | 3 |
| O-V-S-O | 1 |
| O-S-O-V | 1 |
| Jumlah | 9 |

Berdasarkan Jadual 4.54 di atas, kesalahan dalam susunan ayat yang dilakukan oleh responden untuk soalan 6 ini adalah yang paling banyak untuk soalan bahagian Dua. Antara kesalahan tersebut ialah VOSO, VSO, SOVS, OVOS, OVSO dan OSOV. Bilangan responden yang melakukan kesalahan ialah sebanyak sembilan orang. Jika dilihat kesalahan susunan ayat soalan 6 tersebut, secara asasnya hampir kebanyakan responden melakukan kesalahan dengan meletakkan kata kerja sebelum subjek. Perbezaannya cuma dalam kepelbagaian bentuk susunan ayat salah yang dilakukan oleh mereka.

Jadual 4.55: Bilangan responden yang salah soalan 1 Bahagian Tiga

| Susunan ayat yang salah | Bilangan responden |
|-------------------------|--------------------|
| V-S-O | 3 |
| S-V-O | 2 |
| S-Wh-V | 1 |
| S-O | 1 |
| Jumlah | 7 |

Seperti yang telah diterangkan dalam Bab 2 sebelum ini, susunan ayat untuk bahagian Tiga memerlukan pelajar membina ayat tanya dalam bentuk kata tanya dan kata kerja. Jadual 4.55 di atas adalah bilangan responden yang melakukan kesalahan dalam susunan ayat untuk soalan 1 bahagian Tiga. Susunan ayat untuk jawapan yang betul bagi soalan 1 ini memerlukan responden membina ayat dengan formula SVO. Berdasarkan jadual, terdapat tujuh responden melakukan kesalahan dan jenis-jenis susunan ayat salah yang dilakukan ialah seperti VSO, SWhV, SO dan SVO. Jelas dapat dilihat, terdapat tiga responden menyusun ayat yang bermula dengan kata kerja sebelum subjek menyebabkan susunan ayat tersebut menjadi ayat tanya. Kesalahan lain pula, terdapat seorang responden yang meletakkan semula kata tanya dalam posisi kedua dalam ayat dan susunannya menjadi SWhV. Selain itu, terdapat juga seorang responden menggugurkan kata kerja dalam susunan ayat dan ayat tersebut kemudiannya hanya disusun menjadi SO. Sementara kesalahan lain adalah susunan ayat SVO

yang dinyatakan di dalam jadual sebenarnya adalah betul cuma terdapat dua responden meletakkan perkataan ‘Ja’ (ya) di awal ayat yang sepatutnya tidak perlu digunakan kerana soalan 1 Bahagian Tiga ini adalah soalan kata tanya bukannya soalan Ya atau Tidak.

Jadual 4.56: Bilangan responden yang salah soalan 2 Bahagian Tiga

| Susunan ayat yang salah | Bilangan responden |
|-------------------------|--------------------|
| S-O-V-O | 2 |
| S-O | 5 |
| V-S-O | 1 |
| - | 1 |
| Jumlah | 9 |

Jadual 4.56 di atas adalah bilangan responden yang melakukan susunan ayat yang salah untuk soalan 2 bahagian Tiga. Soalan 2 Bahagian Tiga ini adalah soalan berbentuk Ya atau Tidak. Terdapat sebanyak sembilan responden yang melakukan kesalahan dengan susunan ayat seperti SOVO, SO dan VSO. Terdapat hanya seorang responden yang menyusun susunan ayat menjadi VSO iaitu meletakkan kata kerja dahulu sebelum subjek. Kesalahan lain di mana terdapat dua responden memisahkan ayat objek sehingga menjadi dua posisi dalam susunan ayat iaitu SOVO. Sementara lima responden yang lain pula menggugurkan kata kerja dalam ayat sehingga susunan ayat soalan 2 ini menjadi SO. Terdapat seorang responden langsung tidak menjawab soalan ini.

Jadual 4.57: Bilangan responden yang salah soalan 3 Bahagian Tiga

| Susunan ayat yang salah | Bilangan responden |
|-------------------------|--------------------|
| S-V-O | 2 |
| S-V-O-S-O | 1 |
| S-O | 2 |
| - | 1 |
| Jumlah | 6 |

Jadual 4.57 di atas adalah bilangan responden yang melakukan kesalahan dalam susunan ayat untuk soalan 3 bahagian Tiga iaitu seramai enam orang. Soalan bahagian Tiga ini adalah soalan kata pertanyaan ‘Wie’ (Bagaimana). Namun, terdapat dua responden yang kesalahan kecil iaitu meletakkan kata ‘Ja’ (Ya) dan ‘Nein’ (Tidak) di permulaan ayat walaupun susunan ayat adalah betul iaitu SVO. Kesalahan lain ialah ayat objek dipisahkan menjadi dua bahagian dan susunan ayat tersebut adalah SVOSO. Sementara dua responden yang lain menyusun ayat menjadi SO iaitu menggugurkan kata kerja dalam ayat dan terdapat seorang responden tidak menjawab soalan Tiga ini.

Jadual 4.58: Bilangan responden yang salah soalan 4 Bahagian Tiga

| Susunan ayat yang salah | Bilangan responden |
|-------------------------|--------------------|
| V-S-O | 2 |
| S-O-V-O | 1 |
| S-Wh-V-O | 1 |
| Wh-V-S-O | 1 |
| S-O | 1 |
| - | 1 |
| Jumlah | 7 |

Jadual seterusnya 4.58 adalah bilangan responden yang melakukan susunan ayat yang salah untuk soalan 4 bahagian Tiga iaitu sebanyak tujuh responden. Terdapat dua responden melakukan kesalahan dengan menyusun ayat dengan kata tanya menjadi VSO iaitu dengan meletakkan kata kerja sebelum subjek di mana susunan ayat tersebut sepatutnya adalah SVO. Kesalahan-kesalahan lain adalah kesalahan yang sama seperti soalan-soalan sebelum ini iaitu antaranya memisahkan ayat objek menjadi dua posisi SOVO dan menggugurkan kata kerja dalam ayat menjadi SO. Terdapat juga responden yang meletakkan kata tanya dengan kata pertanyaan dalam ayat dan susunan ayatnya menjadi SWHVO dan WHVSO. Akhir sekali, terdapat seorang responden pula langsung tidak menjawab soalan 4 ini.

Jadual 4.59: Bilangan responden yang salah soalan 5 Bahagian Tiga

| Susunan ayat yang salah | Bilangan responden |
|-------------------------|--------------------|
| V-S-O | 3 |
| S-O | 3 |
| O | 1 |
| S-S-V-O | 1 |
| S-V-S-O | 2 |
| S-V-O-S-O | 1 |
| - | 1 |
| Jumlah | 12 |

Berdasarkan Jadual 4.59 di atas, bilangan responden yang melakukan kesalahan susunan ayat soalan 5 bahagian Tiga ini agak ramai iaitu sebanyak 12 orang. Kesalahan yang dilakukan pula adalah pelbagai iaitu antaranya VSO, SO, O, SSVO, SVSO dan SVOSO. Terdapat tiga responden menyusun ayat SVO menjadi VSO iaitu meletakkan kata kerja dahulu sebelum subjek. Selebihnya melakukan kesalahan yang pelbagai antaranya melakukan kesalahan dalam susunan ayat dengan menggunakan dua subjek dalam ayat iaitu seramai empat responden dan susunan ayat yang salah tersebut adalah SSVO, SVSO dan SVOSO. Selebihnya merupakan kesalahan yang sama iaitu menggugurkan kata kerja dalam ayat dan susunan ayat menjadi SO iaitu seramai tiga responden. Terdapat juga seorang responden tidak menjawab soalan.

Jadual 4.60: Bilangan responden yang salah soalan 6 Bahagian Tiga

| Susunan ayat yang salah | Bilangan responden |
|-------------------------|--------------------|
| O-V-S | 4 |
| Jumlah | 4 |

Jadual 4.60 seterusnya merupakan bilangan responden yang melakukan susunan ayat salah untuk soalan 6 bahagian Tiga. Hanya terdapat empat responden sahaja yang melakukan kesalahan iaitu dengan menyusun ayat menjadi OVS di mana mereka meletakkan objek dahulu di permulaan ayat, diikuti oleh kata kerja dan subjek. Susunan ayat yang betul adalah SVO.

Jadual 4.61: Bilangan responden yang salah soalan 7 Bahagian Tiga

| Susunan ayat yang salah | Bilangan responden |
|-------------------------|--------------------|
| SO | 8 |
| VSO | 1 |
| - | 1 |
| Jumlah | 10 |

Jadual 4.61 di atas merupakan bilangan responden yang melakukan kesalahan dalam susunan ayat untuk soalan 7 bahagian Tiga. Seramai sepuluh responden yang melakukan kesalahan dan hanya terdapat dua kesalahan susunan ayat yang dikenal pasti oleh pengkaji iaitu SO dan VSO. Susunan ayat salah SO menunjukkan jumlah responden yang ramai iaitu sebanyak lapan orang di mana mereka menggugurkan kata kerja ketika menyusun ayat. Manakala bagi susunan ayat terbalik iaitu penggunaan kata kerja sebelum subjek dengan susunan ayat VSO, hanya terdapat seorang responden yang salah. Selebihnya hanya terdapat seorang responden tidak menjawab soalan 7 ini.

4.3.3 Perbincangan Persoalan Kajian 3

Perbincangan bahagian ini akan menjawab persoalan kajian ketiga iaitu ‘Apakah bahasa yang paling mempengaruhi pelajar ketika mempelajari B3 (BJ), iaitu antara B1 (bahasa Melayu) atau B2 (bahasa Inggeris)?’

Perbincangan persoalan kajian ketiga ini akan melihat bahasa yang paling memberi pengaruh atau paling hampir ketika mereka belajar BJ. Perbincangan yang berikutnya merupakan dapatan yang telah diperolehi hasil daripada perbincangan dan hurai persoalan kajian 1 dan 2.

Seterusnya, pengkaji telah dapat mengenalpasti beberapa kesalahan dalam susunan ayat yang dilakukan oleh responden yang menunjukkan kesalahan-kesalahan tersebut berlaku disebabkan pelajar dipengaruhi oleh B1 (BM) dan juga B2 (BI). Jenis-jenis kesalahan tersebut dibincangkan dan diuraikan seperti berikut:-

1. Susunan Ayat Tanya

Terdapat responden melakukan kesalahan dengan meletakkan subjek sebelum kata kerja untuk susunan ayat tanya. Kesalahan tersebut boleh dilihat untuk soalan-soalan 1, 3 dan 5 Bahagian Satu. Formula susunan ayat yang betul ialah Wh-V-S kemudiannya disusun salah menjadi Wh-S-V. Perkataan subjek yang diletakkan kedudukan yang salah dihitamkan supaya lebih jelas dan mudah difahami. Berikut disenaraikan ayat-ayat salah tersebut:-

- (1) *Was Susan Heim arbeitet ?*
- (2) *Wo die Touristen gehen am Abend ?*
- (3) *Wo der Empfang liegt?*

Jika dilihat berdasarkan ayat-ayat tersebut, responden menyusun ayat tanya dengan meletakkan perkataan subjek (*Susan Heim, die Touristen, der Empfang*) di hadapan kata kerja (*arbeitet, gehen, liegt*). Bentuk ayat sedemikian berlaku kerana dua sebab. Sebab pertama kerana responden yang melakukan susunan ayat salah seperti itu tidak mengambil berat tentang jenis soalan yang perlu dijawab, iaitu soalan tersebut adalah susunan ayat tanya bukannya ayat penyata. Sebab kedua adalah kerana terdapatnya pengaruh B2 iaitu BI ketika membina ayat.

Contohnya, jika diterjemah secara harfiah ayat (1) iaitu ‘*Was Susan Heim arbeitet?*’ ke B1 (BM), ayat itu akan menjadi ‘Apa Susan Heim bekerja?’ dan B2 (BI) ‘*What Susan Heim works?*’. Ayat terjemahan B2 adalah lebih tepat dan difahami. Namun, terjemahan dalam B1 perlu dilakukan terjemahan yang lebih lengkap iaitu terjemahan setara, ‘Apakah pekerjaan Susan Heim?’ supaya lebih jelas maksud ayat tersebut. Maka, kesalahan susunan ayat tanya ini adalah lebih hampir kerana terdapatnya pengaruh B2 ketika membina ayat.

2. Penggunaan dua kata kerja dalam susunan ayat

Terdapat kesalahan penggunaan dua kata kerja dalam susunan ayat. Dalam ayat asas bahasa Jerman tanpa kata kerja modalitas (*modal verbs*), penggunaan dua kata kerja adalah salah. Senarai ayat-ayat dengan kesalahan tersebut ditunjukkan seperti berikut:-

- (1) *Ist der Konferenzraum liegt in der eine Etage links ?*
- (2) *Wo sind Touristen gehen Sie ?*
- (3) *Ist Karin braucht 15 Minuten mit der U-Bahn ?*
- (4) *Ist sie fahre eine halbe Stunde mit dem Auto ?*

Pengkaji akan mengambil contoh ayat (4) untuk menghuraikan kesalahan yang dilakukan. Susunan ayat (4) dalam BJ iaitu ‘*Ist sie fahre eine halbe Stunde mit dem Auto?*’ Apabila diterjemah ke dalam BI akan menjadi ‘*Is she travelling half an hour with the car?*’ dan dalam BM ‘Adakah dia ambil masa setengah jam dengan berkereta?’. Jika dibandingkan antara contoh terjemahan ayat BI dan BM untuk kesalahan susunan ayat tersebut, pengaruh BI adalah dilihat lebih hampir ketika responden menyusun ayat *continuous Tense*. Jelasnya, terdapat pengaruh BI melebihi BM dalam susunan ayat tersebut kerana terdapatnya penggunaan dua kata kerja.

3. Penggunaan kata kerja sebelum subjek dalam ayat penyata

Terdapat segelintir pelajar yang menghasilkan ayat bermula dengan kata kerja sebelum subjek dalam ayat penyata sehingga menjadikan susunan ayat tersebut seperti ayat tanya, VSO. Pelajar seharusnya menghasilkan ayat tersebut berdasarkan formula ayat penyata SVO. Sebagai contoh dalam susunan ayat (1) BJ di bawah iaitu '*Suche Sebastian in dem Kantine.*' Apabila diterjemahkan ke dalam BI akan menjadi ayat tanya '*Search Sebastian in the canteen*' dan BM '*Mencari Sebastian di kantin*'. Oleh itu, pengkaji mendapati terdapatnya pengaruh BI dalam susunan ayat BJ tersebut.

- (1) *Suche Sebastian in dem Kantine.*
- (2) *sein die Redaktion neben dem Parkplatz.*
- (3) *Gehen Daniela und ihr Freund durch am abend das Stadttor.*
- (4) *Stehen die Brille zwischen dem Buch und der Tastatur.*

4. Pengguguran kata kerja dalam susunan ayat

Terdapat juga kesalahan dalam pengguguran kata kerja dalam susunan ayat yang dilakukan oleh responden. Kesalahan sebegini ada kaitan dengan B1 iaitu BM di mana dalam BM penggunaan kata kerja tidak diwajibkan kerana perkataan dalam BM banyak menggunakan imbuhan. Antara contoh pengguguran kata kerja dalam susunan ayat yang dilakukan oleh responden ditunjukkan seperti dibawah:-

- (1) *Die Touristen das Parlament um 11 Uhr.*
- (2) *Ja, die Personalabteilung vor dem Sekretariat.*
- (3) *Die Studenten zum Stadion in der dritten Etage.*
- (4) *Das Verlagshaus kein Café.*

5. Pemisahan ayat objek menjadi dua bahagian

Susunan ayat yang turut menjadi masalah kepada sebilangan pelajar ialah ayat objek. Terdapat pelajar yang memisahkan ayat objek menjadi dua bahagian (posisi) yang berbeza. Kesalahan susunan ayat seperti ini adalah sama seperti kesalahan dalam pengguguran kata kerja dalam ayat seperti no. 4 di atas. Keadaan ini berlaku disebabkan kecuaian dan faktor kemanusiaan itu sendiri. Terdapat responden yang kurang berusaha untuk menguasai perbendaharaan kata BJ sehingga menyebabkan mereka tidak memahami maksud perbendaharaan kata dan seterusnya tidak dapat menjawab atau menyusun ayat dengan betul. Ayat-ayat yang ditunjukkan di bawah adalah contoh kesalahan yang dilakukan oleh responden dalam beberapa soalan dalam Bahagian Satu di mana responden telah memisahkan ayat objek yang bertanda hitam kepada dua posisi seperti contoh di bawah:-

- (1) *Das liegt Konferenzraum in der zweiten Etage links ?*
- (2) *Hat das liegt im Erdgeschoss?*
- (3) *Ist eine Halbe Stunde fahre mit dem Auto?*
- (4) *Daniela und ihr Freund durch gehen am Abend das Stadttor.*

Contohnya untuk soalan (3) dalam BJ iaitu ‘*Ist eine Halbe Stunde fahre mit dem Auto?*’ dan setelah diterjemah ke dalam BM bermaksud ‘Adakah setengah jam memandu dengan kereta’ dan BI ‘*Ist half an hour travel with the car?*’. Jika difahami dengan lebih mendalam lagi, maksud ayat yang dihasilkan oleh responden tadi ialah ‘setengah jam memandu dengan kereta’. Seharusnya orang atau manusia yang memandu dengan kereta. Tetapi ‘*eine Halbe Stunde*’ yang bermaksud ‘*half an hour*’ pula yang memandu kereta. Disebabkan responden menjawab soalan dengan kesalahan sebegini, susunan ayat telah menjadi sangat berlainan daripada susunan ayat asal dan dari segi makna juga adalah salah.

Jelasnya, pengkaji berpendapat terdapat pengaruh BM dalam kesalahan susunan ayat tadi. Kesalahan yang berlaku disebabkan responden tidak menguasai perbendaharaan kata dan tatabahasa BJ dengan baik serta menganggap ayat objek boleh dipisahkan seperti dalam susunan ayat songsang BM.

6. Penggunaan dua subjek dalam susunan ayat

Terdapat juga kesalahan kecil lain yang dilakukan oleh responden iaitu penggunaan dua subjek dalam susunan ayat. Kesalahan seperti itu berlaku disebabkan terdapat responden masih tidak menguasai kata ganti nama dalam bentuk tunggal (*ich* [saya], *du*[awak-tidak formal], *er*[dia lelaki], *sie*[dia perempuan], *es*[ia]) dan jamak (*wir*[kami], *ihr*[kamu semua], *sie*[mereka], *Sie*[anda-Formal]) dalam BJ. Selain itu, terdapat segelintir responden yang tidak menguasai perbendaharaan kata BJ sehingga menyebabkan mereka sering melakukan kesalahan apabila menyusun ayat. Keadaan sedemikian berlaku disebabkan mereka juga tidak menguasai BI kerana kata ganti nama BI dan BJ mempunyai fungsi yang sama. Antara contoh penggunaan dua subjek dalam susunan ayat yang dilakukan oleh responden ditunjukkan seperti contoh di bawah:-

- (1) *Ich fahren mit dem die Studenten zum Stadion.*
- (2) *Ja, ich du zu gehst zum Reichstag.*

Pada pendapat pengkaji, kesalahan seperti ini adalah lebih kepada kecuaian dan sikap tidak serius ketika belajar BJ. Kesalahan yang dilakukan oleh responden tidak dipengaruhi oleh kedua-dua BM dan BI. Mereka hanya tidak menguasai perbendaharaan kata BJ dengan baik.

Kesimpulannya, berdasarkan perbincangan persoalan kajian tadi, dapat dilihat dengan jelas bahawa kesalahan yang dilakukan oleh responden lebih banyak dipengaruhi oleh B2 (BI). B2 dilihat lebih dominan ketika responden membina ayat.

4.4 Dapatan

Kesimpulan daripada apa yang telah dihuraikan dan dibincangkan, pengkaji mendapati terdapat lima jenis kesalahan dalam susunan ayat yang dilakukan oleh responden. Daripada lima kesalahan itu, terdapat tiga kesalahan yang menunjukkan B2 (BI) pelajar dilihat lebih banyak mempengaruhi dan lebih dominan berbanding B1 (BM) ketika mereka menghasilkan ayat B3 (BJ). Tiga kesalahan dalam susunan ayat yang dipengaruhi oleh B2 (BI) tersebut adalah **susunan ayat tanya, penggunaan dua kata kerja dalam susunan ayat** dan **penggunaan kata kerja sebelum subjek dalam ayat penanya**.

Pengkaji akan membincangkan berdasarkan kajian oleh Tremblay (2006) dahulu kerana kajian penyelidikan ini dilihat mempunyai lebih persamaan dengan kajian Tremblay. Tremblay mengkaji CLI dalam pemerolehan B3 antara B1 (BI), B2 (BP) dan B3 (BJ).

Menurut Tremblay, B2 hanya boleh mempengaruhi pelajar ketika belajar B3 dengan syarat penguasaan B2 (BP) adalah sangat tinggi. Namun, dalam kajian beliau, disebabkan B1 pelajar adalah BI, BI dilihat lebih mempengaruhi pelajar ketika mereka sedang belajar BJ kerana beberapa faktor antaranya terdapat tahap kecekapan BP beberapa orang pelajar sangat rendah untuk membolehkan BP menjadi sumber penting CLI dalam BJ. Tambahan pula ketika sampel diambil antara penemuduga dan responden, BI digunakan sepenuhnya ketika komunikasi sedang berlangsung. Satu lagi faktor penting yang telah diperoleh oleh Tremblay dalam kajian beliau ialah tentang perbezaan tipologi. Perbezaan tipologi yang wujud antara

ketiga-tiga bahasa di mana pelajar menganggap BI mempunyai persamaan dengan BJ berbanding BP telah memainkan peranan untuk menggalakkan penggunaan BI sebagai bahasa sumber dan menurunkan tahap keaktifan BP ketika komunikasi dalam BJ.

Perkara yang sama juga berlaku dalam kajian ini, pengkaji dapat melihat bahawa faktor perbezaan tipologi antara B1 (BM), B2 (BI) dan B3 (BJ) responden menunjukkan B2 lebih banyak mempengaruhi B3 ketika mereka menghasilkan dan menyusun ayat. Disebabkan persamaan yang wujud antara BI dan BJ juga telah menurunkan tahap keaktifan BM ketika pelajar menghasilkan ayat. Cuba perbezaannya di sini ialah, pengkaji mendapati B2 lebih dominan berbanding B3 dan Tremblay pula mengatakan B1 lebih mempengaruhi B3 responden dalam kajian beliau. Namun apa yang menariknya di sini, persamaan yang sangat jelas diperoleh antara pengkaji dan Tremblay ialah kedua-dua bahasa yang lebih dominan dan lebih mempengaruhi itu adalah sama iaitu antara BI dan BJ disebabkan pelajar menganggap wujudnya persamaan antara kedua-dua bahasa.

Hasil dapatan yang pengkaji perolehi juga mempunyai persamaan dengan kajian oleh Flynn, Foley dan Vinnitskaya (2004) yang mengatakan bahawa B1 tidak memainkan peranan penting dan mempengaruhi pelajar ketika mereka belajar B3. Oleh itu, hasil dapatan kajian menunjukkan B1 (BM) pelajar sebagai bahasa ibunda tidak semestinya mempunyai pengaruh ketika mereka belajar bahasa-bahasa lain.

Kesimpulannya berdasarkan perbincangan di atas, jelas dan dapat difahami bahawa hasil dapatan kajian penyelidikan ini menunjukkan bahawa B2 (BI) pelajar adalah lebih dominan dan lebih mempengaruhi pelajar-pelajar ketika membina dan menghasilkan ayat dalam B3 (BJ).

BAB 5: KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, dapat dikatakan bahawa pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari BJ menghadapi masalah di dalam pembinaan ayat BJ. Masalah yang telah dapat dikenal pasti ialah, B2 (BI) telah mempengaruhi penghasilan ayat-ayat B3 (BJ) berbanding B1 (BM) ketika mereka menduduki ujian bertulis. Di mana hasil dapatan kajian menunjukkan responden telah melakukan kesalahan dalam **susunan ayat tanya, penggunaan dua kata kerja dalam susunan ayat dan penggunaan kata kerja sebelum subjek dalam ayat penyata**. Kesemua kesalahan-kesalahan tersebut berlaku disebabkan pengaruh oleh B2 (BI) ketika membina dan menyusun ayat.

Hasil dapatan kajian turut memperlihatkan kajian Tremblay (2004) dan Flynn, Vinnitskaya dan Foley (2006) mempunyai banyak persamaan dengan kajian ini. Kajian Tremblay menunjukkan satu persamaan yang ketara iaitu persamaan tipologi yang wujud antara BI dan BJ telah menyebabkan kedua-dua bahasa tersebut lebih dekat dan BI lebih mempengaruhi ketika penghasilan ayat oleh responden. Oleh itu, pada pendapat pengkaji, samada B1, B2, B3 atau bahasa-bahasa seterusnya tidak semestinya memberi peranan yang dominan dalam pemerolehan satu-satu bahasa, sekalipun B1 atau bahasa ibunda seseorang turut tidak menjanjikan dalam memberi keistimewaan ketika pemerolehan B3 dan bahasa-bahasa seterusnya. Terdapat pelbagai faktor utama lain yang menunjukkan dominannya sesuatu bahasa ke atas bahasa yang lain. Dalam kajian ini, faktor persamaan tipologi yang menyebabkan B2 (BI) dilihat lebih mempengaruhi para pelajar ketika belajar B3 (BJ).

5.1 Kekangan yang dihadapi pelajar dan pensyarah B3 di UiTM Shah Alam

1. Pelajar UiTM belajar B3 hanya 2 jam seminggu

Tempoh masa pelajar-pelajar UiTM belajar B3 tidak sama seperti pelajar-pelajar di IPTA lain yang kebanyakannya mewajibkan para pelajar belajar 4 jam seminggu untuk subjek bahasa ketiga. Oleh itu, mereka tidak dapat menguasai pertbaharaan kata yang banyak dan perkataan yang digunakan juga amat terhad. Malahan untuk kursus BJ ini, mereka hanya belajar BJ di tahap kala kini (*present tense*) untuk ketiga-tiga tahap iaitu tahap I, II dan III. Kekangan masa tidak membolehkan pelajar-pelajar menguasai B3 dengan lebih mendalam lagi.

2. Kursus B3 di UiTM lebih berorientasikan komunikasi

Matlamat penguasaan B3 di UiTM adalah lebih berorientasikan komunikasi. Oleh itu, kesalahan dalam tatabahasa kurang diberi perhatian. Matlamatnya hanyalah supaya pelajar dapat berkomunikasi dengan baik di peringkat aras B3 terutama sekali dapat menguasai frasa-frasa dan ayat-ayat yang menjadi kebiasaan dalam sesuatu situasi seharian. Sekiranya terdapat di kalangan pelajar yang berpeluang menjedakkan kaki ke negara berkenaan, mereka sekurang-kurangnya dapat bertutur dan berkomunikasi serta memahami bahasa negara tersebut di peringkat aras.

3. Jumlah pelajar yang ramai dalam satu kelas

Kebanyakan kelas mempunyai pelajar yang ramai yang melebihi 15 orang. Di UiTM, minimum jumlah pelajar perlu seramai 15 orang untuk hampir kesemua subjek pengajaran. Tambahan pula, pengambilan pelajar UiTM adalah sentiasa ramai setiap semester. Oleh itu, terdapat pensyarah yang mengajar dalam jumlah pelajar yang sangat ramai sehingga 30 orang dalam satu kelas. Malahan, terdapat juga bilangan pelajar yang melebihi 30 orang dalam satu-

satu masa. Keadaan ini amat memenatkan bagi kebanyakan pensyarah yang mengajar B3 di UiTM. Ianya sebenarnya agak kurang efektif kerana pengajaran dan pembelajaran bahasa tidak seperti kuliah biasa serta tidak boleh melibatkan jumlah pelajar yang ramai. Malahan di negara Jerman, pembelajaran kelas bahasa hanya maksimum 12 atau 13 pelajar sahaja supaya pensyarah atau guru bahasa dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada semua pelajar.

4. Kebergantungan kepada pensyarah

Pelajar UiTM banyak bergantung kepada pensyarah ketika sesi pembelajaran. Disebabkan subjek B3 adalah subjek elektif dan sesi pembelajaran hanya dua jam seminggu, pelajar banyak bergantung kepada pensyarah untuk mendapatkan sebarang maklumat tentang apa-apa yang dipelajari. Malahan untuk mengetahui maksud sesuatu perkataan sekalipun banyak merujuk kepada pensyarah dan kamus maya. Tidak ramai pelajar yang mempunyai inisiatif sendiri dan kemahuan untuk membeli kamus dalam membantu mereka menterjemah perkataan yang mereka tidak faham kerana kebanyakan daripada mereka menganggap subjek B3 kurang penting.

5.2 Cadangan untuk Mempertingkatkan Pengajaran dan Pembelajaran BJ di Malaysia

1. Memberi Galakan dan Motivasi Kepada Pelajar Lemah

Terdapat pelajar-pelajar yang lemah dalam menguasai BJ disebabkan pelbagai faktor. Antaranya adalah disebabkan kurang motivasi diri, tiada kemahuan dan kurang atau tidak berminat untuk mempelajari bahasa asing. Oleh itu, tenaga pengajar perlu banyak bersabar dan sentiasa memberi galakan agar mereka akhirnya berminat untuk belajar BJ. Salah satu

cara yang boleh dilakukan oleh tenaga pengajar ialah dengan mengadakan aktiviti yang berkaitan dengan BJ di luar waktu kelas.

2. Mengadakan aktiviti atau pertandingan untuk mempertingkatkan minat mempelajari BJ

Unit bahasa Jerman di UiTM Shah Alam pernah mengadakan kuiz bahasa Jerman pada tahun 2006 dan 2009 dan cara sedemikian terbukti berjaya mempertingkatkan minat pelajar-pelajar di UiTM Shah Alam khususnya dalam mempelajari BJ. Malahan, sambutan oleh para pelajar sangat menggalakkan dan piala pusingan diberikan kepada kumpulan dari fakulti yang menjadi johan. Pertandingan lain yang boleh diadakan ialah pertandingan nyanyian dalam BJ, lakonan cerita pendek dan sebagainya.

3. Menambah masa pengajaran dan mengurangkan jumlah pelajar dalam kelas

Cadangan lain yang boleh dilakukan untuk mempertingkatkan P&P BJ supaya tenaga pengajar boleh lebih fokus kepada setiap pelajar ialah dengan menambah masa pengajaran dan mengurangkan jumlah pelajar. Di UiTM Shah Alam, masa pengajaran boleh ditambah dari 2 jam kepada 3 atau 4 jam supaya tenaga pengajar mempunyai masa yang lebih untuk fokus dengan P&P di dalam kelas. Selain itu, jumlah pelajar juga perlu dikurangkan untuk memudahkan pensyarah mengajar dengan lancar dan lebih efisien.

4. Mewajibkan pelajar membuat latihan secara atas talian (*online exercises*)

Cadangan untuk mewajibkan pelajar membuat latihan secara atas talian boleh dilihat sebagai cadangan tambahan kerana ia tidak mudah untuk dilaksanakan sekiranya tiada pemantauan. Contohnya, pelajar-pelajar yang belajar B3 di UiTM sekarang ini perlu membuat Pembelajaran Blended (*Blended Learning*) di tahap III pada minggu keenam dan ketujuh. Pelajar-pelajar diberi tugasan untuk menyiapkan dan menghantar dalam portal I-learn di

UiTM. Mereka boleh belajar sendiri dan tidak terikat dengan masa pengajaran di dalam kelas selama dua jam seminggu. Cara ini dilihat berkesan supaya pelajar mempunyai masa yang lebih dalam mempelajari BJ dan dapat menguasai perbendaharaan kata BJ dengan sebanyak mungkin. Cadangan seperti ini boleh juga diperluaskan untuk pelajar-pelajar di tahap I dan II.

5.3 Kesimpulan

Pengkaji mengharapkan semoga penyelidikan yang kecil dan tidak seberapa ini dapat menjadi kesinambungan untuk kajian dalam pembinaan ayat BJ pada masa akan datang. Diharapkan juga semoga untuk kajian pada masa depan, ada pengkaji lain yang berminat untuk memperluaskan kajian susunan ayat BJ dalam skala yang lebih besar supaya dapatan kajian penyelidikan akan lebih kukuh dan meluas. Kajian dalam susunan ayat BJ atau sintaksis dalam BJ ini adalah sangat luas dan bidang ini mempunyai masa depan yang sangat cerah dan sangat berpotensi untuk diterokai. Hasil dapatan kajian dan keputusan yang telah pengkaji perolehi diharapkan juga akan dapat membantu pengkaji di luar sana dalam mempertingkatkan P&P BJ di Malaysia khususnya dalam menjadikan pengajaran dan pembelajaran BJ lebih sistematik dan menarik, seterusnya memberi pendedahan kepada masyarakat dan pelajar akan kepentingan mempelajari B3 terutama sekali BJ. Secara peribadi, pengkaji turut mengharapkan P&P BJ di Malaysia akan semakin berkembang dan semakin ramai pelajar yang berminat mempelajari BJ kerana BJ adalah antara bahasa yang terpenting di dunia dan juga telah menjadi bahasa ilmu dalam pelbagai bidang terutama dalam bidang teknologi dan kejuruteraan. Sebagai mengakhiri kata-kata, semoga akan ada lebih ramai pengkaji yang berminat untuk membuat kajian yang lebih mendalam dalam susunan ayat BJ kerana ia adalah satu topik yang sangat menarik untuk dibincangkan.

RUJUKAN

- Kamus Dewan* (4th ed.). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carl Duisberg*. (2013). Retrieved 2015, from Why Study in Germany: <http://www.studying-in-germany.net/index.php?id=2416>
- Abdul Rashid Jamian. (2002). *Pemerolehan dan Penguasaan Sintaksis Bahasa Melayu di Kalangan Kanak-kanak Prasekolah*. Tesis Phd., Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Abdullah Hassan. (1987). *Isu-Isu Perancangan Bahasa: Pengintelektualan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (2005). Bahasa dan Linguistik: Definisi dan Perkembangannya Sepintas Lalu. In *Rencana Linguistik* (pp. 1-9). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (2005). *Linguistik Am. Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Adrián, M. M. (2008). Word order Variability in third language aquisition. In Aquilino, M. Casas, & R. Sánchez, *25 años de lingüística en España* (pp. 131-137).
- Ahlam Al-Harbi. (2010). Mother tongue maintenance and second language sustenance: A two-way language teaching method. *TESOL Journal*, 2, 144-158.
- Aida Husni Abdul Hamid. (2012). *Analisis Penggunaan Kata Kerja Bahasa Jerman dalam Kalangan Pelajar IPTA*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ainol Mardziah Zubairi, & Isarji Hj. Sarudin. (2009). Motivation to Learn a Foreign Language in Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 9(2), 73-87.
- Angelovska, T., & Hahn, A. (2012). Written L3 (English): Transfer Phenomena of L2 (German) Lexical and Syntactic Properties. In D. Gabrys-Barker (Ed.), *Cross-Linguistic Influences in Multilingual Language Acquisition. Second Language Learning and Teaching* (pp. 23-40). Berlin: Springer Verlag.
- Arbak Othman. (1985). *Belajar Tatabahasa Dan Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Aronin, L., & Hufeisen, B. (2009). On the Genesis and Development of L3 Research, Multilingualism and Multiple Language Acquisition. In *The Exploration of Multilingualism* (pp. 1-9). Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Asmah Haji Omar. (1992). *Kajian dan Perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Nahu Kemas Kini: Panduan Bahasa Yang Baik dan Betul*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan. (2006). *Warna dan Suasana: Perancangan BAhsa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Awang Sariyan. (2009). Kepentingan Bahasa Dalam Pembinaan Insan dan Pembangunan Masyarakat Hadhari. *Jurnal Hadhari*, 1, 1-29.
- Azman Che Mat, & Goh Ying Soon. (n.d.). Situasi pembelajaran bahasa asing di institut pengajian tinggi: Perbandingan antara bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis. *AJTLHE*, 9-21.
- Bardel, C., & Falk, Y. (2007). The Role of the Second Language in Third Language Acquisition: The Case of Germanic Syntax. *Second Language Research*, 23(4), 459-484.
- Bardel, C., & Falk, Y. (2012). The L2 Status Factor and the Declarative / Procedural Distinction. In C. Amaro, Jennifer, S. Flynn, & J. Rothman (Eds.), *Third Language Acquisition in Adulthood* (pp. 61-78). Stockholm: Stockholm University.
- Bardel, C., & Lindqvist, C. (2006). The Role of Proficiency and Psychotypology in Lexical Cross-Linguistic Influence. A Study of a Multilingual Learner of Italian L3. *Atti del VI Congresso di Studi dell'Associazione Italiana di Linguistica Applicata*, (pp. 123-145). Naples.
- Cenoz, J. (1997). The Influence of Bilingualism On Multilingual Acquisition: Some Data From the Basque Country. *I Simposio Internacional sobre o Bilingüismo: Comunidades e Individuos Bilingües* (pp. 278-287). Vigo: University of Vigo.
- Chlopek, Z. (2007). Errors Committed by L3 Learners - What Are They Like and What Do They Tell Us? *Proceedings of the BAAL Annual Conference 2007* (pp. 17-18). Edinburgh: Scitsiugnil Press.
- Deutsche Akademischer Austausch Dienst. (2014, October). Retrieved September 11, 2015, from DAAD Study Guide for Germany: http://www.mgs.org.my/assets/upload/site/DAAD_Study_Guide_for_Germany-Malaysian_Edition
- Ellis, R. (1997). *Second Language Acquisition*. New York: Oxford University Press.
- Fakulti Bahasa dan Linguistik. (n.d.). *About us: Message from the dean*. Retrieved 2016, from Faculty of Languages and Linguistics Web site: <http://fll.um.edu.my/about-us/message-from-the-dean>
- Falk, Y. (2010). *Gingerly Studied Transfer Phenomena in L3 Germanic Syntax. The Role of the Second Language in Third Language Acquisition*. Utrecht: LOT Publications.
- Falk, Y., & Bardel, C. (2010). Object Pronouns in German L3 Syntax: Evidence for the L2 Status Factor. *Second Language Research*, 27(1), 59-82.
- Flynn, S., Foley, C., & Vinnitskaya, I. (2004). The Cumulative-Enhancement Model for Language Acquisition: Comparing Adults' and Children's Patterns of Development in First, Second and Third Language Acquisition of Relative Clauses. *International Journal of Multilingualism*, 1(1), 3-16.

German-Malaysian Institute. (2016). *Programmes: German a-level preparatory programme*.

Retrieved 2016, from German-Malaysian Institute Web site:
<http://gmi.edu.my/german-a-level-preparatory-programme/>

Goethe-Institute. (2015). *German Language*. Retrieved 2015, from Why Learn German:
<https://www.goethe.de/ins/my/en/spr/wdl.html>

Guat, T. M. (2006). Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak: Satu Analisis Sintaksis. *Jurnal Penyelidikan IPBL*, 87-109.

Hazlina A. Halim. (2013). Analisis Kesilapan dan Strategi Pembelajaran Gender Gramatikal Bahasa Perancis. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(1), 169-184.

Hazlina Abdul Halim. (2012). Pengaruh Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris Dalam Strategi Penukar Kod Bahasa Perancis. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2).

Heidrick, I. (2006). Beyond the L2: How Is Transfer Affected by Multilingualism. *TESOL & Applied Linguistics*, 1-3.

INTEC. (n.d.). *Programmes: A-level German Programme*. Retrieved 2016, from Intec Education College Web site:
<http://www.intec.edu.my/main/index.php/programmes/foundation/a-level/a-level-german-programme>

Jaensch, C. (2010). L3 Acquisition of German Adjectival Inflection: A Generative Account. *Second Language Research*, 27(1), 83-105.

Jessner, U. (2008). Teaching Third Language: Findings Trends and Challenges. *Language Teaching*, 41(1), 15-56.

Kaiser, I., Peyer, E., & Berthele, R. (2014). Does different mean difficult? Contrastivity and foreign language reading: Some data on reading in German. *International Journal of Bilingualism*, 18(3), 222-243.

Lennon, P. (2008). Contrastive Analysis, Error Analysis, Interlanguage. *Bielefeld Introduction to Applied Linguistics*, 51-60.

Leonini, C. (2003). V2 in Adult L2 German: Analyzing the interlanguage grammars. *ConSoLe XI* (pp. 1-15). Leiden: Universiteit Leiden.

Lightbown, P. M., & Spada, N. (1999). *How Languages Are Learned*. New York: Oxford University Press.

Lindgyist, C., & Bardel, C. (2010). Approaches to Third Language Acquisition: Introduction. *IRAL*, 48, 87-90.

Malaysian-German Chamber of Commerce and Industry. (2013). *List of Malaysian-German Cooperation in The Field of Education*. Retrieved 2015, from MGCC Web site:
http://www.malaysia.ahk.de/fileadmin/ahk_malaysia/Education/German_Malaysia_Cooperation_education

- Md Noh Nyata, & Yusnul'ain Yunus. (2014). Kajian akustik huruf vokal bahasa Jerman oleh penutur Melayu. *3rd International Conference ILANNS 2014* (pp. 82-93). Shah Alam: Academy of Language Studies.
- Mohd Sofian Abdul Latif, & Saidah Ismail. (2009). Gambar dan fungsinya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa asing (bahasa ketiga). *2nd International Conference ILANNS 2009*. 2nd, pp. 567-582. Shah Alam: UPENA.
- Ng, E.-C. (2011). Chinese meets Malay meets English: Origins of Singaporean English word-final high tone. *International Journal of Bilingualism*, 16(1), 83-100.
- Norsimah, M., Nadzrah, A., & Nor Hashimah, J. (2012). Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua: Pengungkapan Idea dalam Penulisan Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 9, 227-240.
- Rankin, T. (2011). The transfer of V2: Inversion and negation in German and Dutch learners of English. *International Journal of Bilingualism*, 16(1), 139-158.
- Rast, R. (2010). The Use of Prior Linguistic Knowledge in the Early Stages of L3 Acquisition. *IRAL*, 48, 159-183.
- Robe'ah Hj Yusuf. (2009). Analisis kesilapan dalam konjugasi kata kerja regular dan irregular bahasa Jerman di kalangan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris. *2nd International Conference ILANNS 2009*. 2nd, pp. 583-600. Shah Alam: UPENA.
- Robe'ah Yusuf. (2005). *Strategi Komunikasi dalam Pembelajaran Bahasa Jerman: Satu Kajian Kes*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Rothman, J. (2011). L3 Syntactic Transfer Selectivity and Typological Determinacy: The Typological Primacy Model. *Second Language Research*, 27(1), 107-127.
- Rothman, J., & Cabrelli, J. (2009). What Variables Condition Syntactic Transfer? A Look at the L3 Initial State. *Second Language Research*, 25(4), 1-30.
- Rowinah Jakiwa. (2012). *Gaya Pembelajaran Pelajar Diploma dalam Mempelajari Bahasa Jerman*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Schmidt, M. J. (1991). *Bahasa Malaysia and German. The Problems of Source Language Interference with Malay Learners of German*. Tesis Phd., Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Selinker, L. (1972). Interlanguage. *International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 10(3), 209-231.
- Selke, R. (2013). Post-PASCH Challenges in Teaching German Language in Malaysia. *Studies on Foreign Language and Culture*. 2, pp. 70-94. Serdang: UPM Press.
- Seman Salleh. (2005). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Kajian Kes di Sebuah Sekolah Rendah di Daerah Jerantut, Pahang Darul Makmur. *Jurnal IPBA*, 3(2), 27-44.

- Siti Rosnah Haji Ahmad. (2002). *Learning Bahasa Malaysia Through its History and Culture*. Kuala Lumpur: Golden Books Sdn. Bhd.
- Sua, T. Y., & Raman, S. R. (2007). Problems and challenges of learning through a second language: The case of teaching of science and mathematics in English in the primary schools. *Kajian Malaysia*, 29-54.
- Thang, S. M., Ting, S. L., & Nurjanah Mohd. Jaafar. (2013). Attitudes and Motivation of Malaysian Secondary Students Towards Learning English as a Second Language: A Case Study. *The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 17(1), 40-54.
- Tremblay, M.-C. (2006, January). Cross-Linguistic Influence in Third Language Acquisition: The Role of L2 Proficiency and L2 Exposure. *Papers in Linguistics*, 34, 109-119.
- Tullock, B. D., & Fernandez-Villanueva, M. (2013). The role of previously learned languages in the thought processes of multilingual writers at the Deutsche Schule Barcelona. *Research in the Teaching of English*, 47(4), 420-441.
- Universiti Putra Malaysia. (2013). *Mengenai kami: Jabatan Bahasa Asing*. Retrieved 2016, from Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Web site: <http://www.fbmk.upm.edu.my/jba#jba>
- VanPatten, B., & Lee, J. F. (1990). *Second Language Acquisition: Foreign Language Learning*. United Kingdom: Multilingual Matters Ltd.
- Wan Zarina Wan Zakaria, Azizah Rajab, Norfazila Sayuti, & Nur Al-Huda Hashim. (2007). *Kajian tahap keresahan di kalangan pelajar bahasa asing terhadap mata pelajaran bahasa asing*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Yip, V., & Matthews, S. (2010). The acquisition of Chinese in bilingual and multilingual context. *International Journal of Bilingualism*, 14(1), 127-146.
- Zulkifley Hamid. (2007). Konsep Bahasa. In *Linguistik Melayu* (pp. 15-28). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.